



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1649]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
(Pindaan) [Ruangan 1712]

Rang Undang-undang Elektrik (Pindaan) [Ruangan 1744]

Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian)
[Ruangan 1748]

Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) [Ruangan 1787]

Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan [Ruangan 1792]

USUL-USUL:

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 44) 1983

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 46) 1983

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 47) 1983

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 48) 1983

} [Ruangan 1735]

KANDUNGANNYA—(Samb.)

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 49) 1983	}	[Ruangan 1735]
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 50) 1983		
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 51) 1983		
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 52) 1984		
Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1984	}	[Ruangan 1736]
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1984		
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1984		
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1984		
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1984		
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1984		

Akta Eksais, 1976—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1983	}	[Ruangan 1742]
Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3) 1983		

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 1772]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO
MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M.,
A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).

„ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).

„ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).

„ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).

„ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN,
P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI
MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N.
(Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI
ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU
BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN
AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN
PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S.
(Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN
SHARIFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN
MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P.
(Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI
OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB,
D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P.
(Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN
NAPSI AH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI
SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN
SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM
SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO
GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN
DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

Yang Berhormat TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).

Yang Berhormat TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S:D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

Yang Berhormat TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).

- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjung Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 28hb Mac, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

TANGGUNGJAWAB MENTERI
DALAM KEROSAKAN
LEBUHRAYA

1. **Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau bersedia memikul beban tanggungjawab sebagai Menteri berkenaan dalam hal kerosakan Lebuhraya Persekutuan, dan jika ya, adakah beliau bersedia meletak jawatannya dengan cara sukarela, dan jika tidak adakah Perdana Menteri bersedia melucutkan pangkat beliau sebagai anggota Kabinet.

Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dalam pertanyaannya bukan sahaja tidak bertanggungjawab malah keseluruhannya pertanyaan itu tidak jelas. Sebenarnya terdapat beribu-ribu kilometer Lebuhraya Persekutuan dalam Semenanjung Malaysia ini dan tidaklah diketahui mana satu lebuhraya yang dimaksudkan. Jika sekiranya Lebuhraya Timur/Barat dimaksudkan, perkara ini telah dijawab dalam Dewan yang mulia ini pada 27hb Oktober, 1983. Jika sekiranya Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban pula yang

dipersoalkan, perkara ini juga telah dijawab dalam Dewan yang mulia ini pada 19hb Mac, 1984.

Kementerian saya sedar mana-mana Lebuhraya di dalam negara ini yang telah rosak dan kami sedang mengambil tindakan untuk memperbaiki lebuhraya-lebuhraya tersebut. Sebagai satu Kementerian yang bertanggungjawab, kami sentiasa mengawasi mana-mana lebuhraya yang mengalami kerosakan. Saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mengetahui bahawa pembaikan sesuatu lebuhraya itu tidak boleh disamakan dengan peniadaan satu kes mahkamah yang tidak boleh dilakukan dalam masa yang singkat.

Saya menganggap cadangan Ahli Yang Berhormat bahawa saya meletakkan jawatan sebagai satu penghinaan. Pernahkah beliau berhenti sebagai seorang Peguam disebabkan beliau kalah di dalam kes-kes di mahkamah? (*Tepuk*)

Sebaliknya saya dan Kementerian saya adalah lebih bertanggungjawab daripada itu. Kami mempunyai tugas untuk dikendalikan dan kami akan menyempurnakan tugas-tugas itu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercadang untuk melucutkan pangkat saya sebagai anggota Kabinet, dukacita dimaklumkan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu sepatutnya mengetahui kemanakah pertanyaan itu seharusnya ditujukan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sanggup memberikan jawatan Menteri Kerjaraya kepada Ahli dari Jelutong? Jika ia, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dalam keadaan sekarang ini terlalu gelap dan mustahil bagi beliau untuk menjawat jawatan itu. Jika tidak sanggup, apakah langkah-langkah positif supaya pada masa-masa akan datang perancangan yang teliti dibuat oleh Kementerian di dalam pembinaan lebuhraya di dalam negeri ini supaya lebuhraya-lebuhraya tersebut tidak mudah rosak?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk memberi kuasa saya dalam Kabinet kepada Ahli Yang Berhormat itu, sebab kuasa itu diletak dalam tangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri.

Kedua, berkenaan dengan soalan atas jalan raya-jalan raya dan kerosakan jalan raya, saya telah jawab dalam Dewan yang mulia ini. Sebagai seorang Menteri yang bertanggungjawab, saya telah mengambil beberapa tindakan untuk menyelesaikan masalah dengan serta merta apa juga saya menerima soalan-soalan dari rakyat jelata atau daripada jabatan-jabatan yang berkenaan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya tidak mahu jawatan Menteri.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat membuat soalan tambahan.

Tuan Karpal Singh: Ada rakan beliau di sini V. Govindaraj yang boleh pegang jawatan itu lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta supaya jangan mengeluarkan perkara-perkara yang lain daripada soalan tambahan.

Tuan Karpal Singh: Terima kasih. Soalan tambahan. Semua penduduk-penduduk dalam negara ini mengetahui lebuhraya-lebuhraya di negara ini adalah dalam keadaan buruk dan bukannya Seremban/Kuala Lumpur sahaja, di mana-mana tempat lain juga, lebuhraya Timur/Barat serupa, ada banyak. Dalam laporan-laporan surat-surat khabar, baru-baru ini dalam *Star* khususnya ada banyak kematian oleh kerana ada keadaan buruk, bukan keadaan buruk dalam lebuhraya sahaja bahkan ada keadaan buruk dalam Menteripun. Oleh kerana itu.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat.....

Tuan Karpal Singh: Belum habis lagi. Oleh kerana itu, saya membangkitkan perkara ini hari ini untuk bertanya adakah bercadang untuk meletakkan jawatan. Kena beri jawapan yang jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat perkara itu sudah habis. Pertanyaan itu telah pun dijawab.

Tuan Karpal Singh: Tidak dijawab, oleh kerana itu saya bertanya lagi sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Telah pun dijawab, dia tidak bercadang hendak meletakkan jawatan.

Tuan Karpal Singh: Tidak bercadang oleh kerana tidak ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat itu duduk.

Tuan Karpal Singh: Soalan tambahan sekali lagi. Adakah Yang Berhormat Menteri terima keadaan-keadaan lebuhraya-lebuhraya seperti Seremban/Kuala Lumpur dan juga Timur/Barat buruk. Adakah terima itu?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu telah pun dijawab. Saya tidak benarkan apa-apa jawapan lagi.

SKIM SUBSIDI HARGA PADI

2. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sejauh manakah kejayaan Kerajaan dalam menghasil pertambahan beras dalam negara dengan terlaksananya Subsidi Harga Padi sekarang ini. Dan sejauh manakah pula Kerajaan akan dapat mengatasi kesan buruk serta penipuan yang berlaku hasil dari perancangan Kerajaan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian, Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, Skim Subsidi Harga Padi telah dilaksanakan di Semenanjung Malaysia pada 10hb Januari, 1980 dan telah diperluaskan perlaksanaannya ke Negeri Sabah pada 16hb November, 1981 dan ke Sarawak pula pada 1hb Januari, 1982.

Skim ini bukanlah bertujuan untuk menambahkan pengeluaran tetapi sebaliknya bertujuan bagi meningkatkan pendapatan pesawah. Walau bagaimanapun, pelaksanaan skim ini secara tidak langsung telah menggalakkan petani-petani meningkatkan pengeluaran padi mereka. Khususnya untuk dipasarkan. Sungguhpun demikian pada tahun-tahun kebelakangan ini masalah-masalah alam yang di luar kawalan seperti serangan penyakit, serangga dan kemarau telah mengurangkan sedikit penghasilan beras negara.

Bagi mengatasi masalah penyelewengan, LPN telah memperkenalkan projek percubaan skim Pendaftaran Pesawah-pesawah di Kuala Sungai Baru dan Kodiang di Kedah, Kurong Anai di Perlis dan Cherang Rotan di Kelantan yang meliputi lebih 3,000 orang petani. Tanda awal menunjukkan skim ini boleh mengatasi masalah penyelewengan kerana beberapa kes telah dapat dikesan dengan segera

mengenai percubaan menjual padi melebihi anggaran keluaran seseorang petani yang mana padi disyaki diperolehi dari sumber-sumber lain. Selain dari itu langkah-langkah tegas sentiasa diambil bagi mencegah penyelewengan. Di antara langkah-langkah tersebut ialah pemeriksaan mengejut di premis-premis perniagaan padi dan beras, rondaan di waktu malam dan hari-hari kelepasan dan membuat odit di pusat-pusat belian padi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam setakat ini sebanyak manakah subsidi yang telah pun dikeluarkan kepada petani-petani kita dan adakah pihak Yang Berhormat mempunyai angka-angka tentang sebanyak mana pula yang dikeluarkan bagi kawasan negeri Kelantan terutama yang disebutkan tadi kawasan Cherang Rotan, Pasir Puteh.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya dukacita tidak mempunyai angka-angka mengenai Kelantan khususnya bagi Pasir Puteh. Namun demikian, saya mempunyai angka-angka mengenai jumlah subsidi yang telah dikeluarkan sejak tarikh yang telah saya sebutkan dalam jawapan awal tadi.

Mulai tahun 1980 sehingga 31hb Disember, 1983 jumlahnya ialah sebanyak \$608,524,982 subsidi telah dikeluarkan bagi seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sistem memberikan subsidi harga padi kepada petani-petani yang berjalan sekarang ini banyak terdapat penipuan maka satu sistem berkupon akan dikenalkan dan telah pun diperkenalkan sedikit sebanyak di negeri Kedah di dalam kawasan MADA.

Pertanyaan saya, Tuan Yang di-Pertua, bilakah sistem kupon ini akan dijalankan ke seluruh kawasan-kawasan yang mengeluarkan padi.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, mungkin sistem pendaftaran pesawah-pesawah yang dimaksudkan dengan sistem kupon oleh Yang Berhormat tadi ialah sistem pendaftaran pesawah-pesawah dan tiap-tiap petani atau pesawah itu diberi buku pas dan ini telah pun dimulakan sepertimana yang saya sebutkan tadi di negeri Kedah, Kelantan dan juga di Perlis, insya Allah, ianya akan dibawa ke seluruh negara apabila didapati skim yang kita cuba di beberapa tempat yang saya sebutkan tadi berjaya dan dalam pada itu kita dapati untuk makluman juga setakat hari ini pada keseluruhannya kecuali satu dua kes yang kecil-kecil skim ini adalah berjaya dan insya Allah, ianya akan dibawa ke seluruh negara di mana terdapatnya petani-petani padi dengan masalah penjualan dan pembelian padi yang diatur oleh LPN.

KERETA MALAYSIA—HARGA

3. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kereta Malaysia dapat dikeluarkan dengan harga yang berasingan demi menguntungkan pengguna-pengguna memandangkan pasaran tempatan adalah kecil dan apakah lain-lain jenis kereta akan di “phased out” dengan mengenakan duti, tarif dan kawalan-kawalan import yang tinggi.

Perdana Menteri (Dato’ Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, objektif utama Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan kereta Malaysia ialah untuk mengeluarkan kereta yang bermutu tinggi. Untuk menjamin bahawa kereta ini dapat bersaing dengan kereta-kereta lain harga kereta

Malaysia mestilah setanding dengan harga kereta-kereta lain.

Mengenai lain-lain jenis kereta yang akan di “phased out”, perkara ini sangat sukar untuk diramalkan oleh kerana ianya terpulang kepada para pembeli. Hanya para pembeli sahaja yang boleh menentukan dan memilih jenis-jenis kereta mengikut kesukaan masing-masing.

Pada masa ini umpamanya, terdapat juga ramai pembeli yang membeli kereta-kereta yang berharga mahal.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan pengeluaran barang-barang tempatan dan ada langkah-langkah di mana pengeluar-pengeluar tempatan diberi perlindungan yang sewajarnya supaya dapat menyaingi barangan yang diimport.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beritahu adakah Kerajaan bercadang memastikan bahawa kakitangan-kakitangan Kerajaan yang meminjam wang untuk membeli kenderaan akan menggunakan kereta buatan Malaysia. Dan adakah semua Menteri-menteri akan menggunakannya memandangkan konsep Kepimpinan Melalui Teladan? (*Ketawa*).

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada waktu ini belum ada satu dasar ditentukan berkenaan dengan perkara ini tetapi jika perkara ini hendak ditimbang ianya tidaklah boleh melibatkan semata-mata Menteri sahaja, kita juga ingin melihat perasaan tanggungjawab pihak Parti Pembangkang (*Ketawa*).

Tuan Daud bin Dato’ Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kereta Malaysia, adakah Kerajaan

bercadang untuk memberi kemudahan kelepasan cukai kepada harga motokar Malaysia itu memandangkan harga kereta yang diberi kelepasan cukai sekarang ini ialah sebanyak \$15,000. Adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi harga itu untuk mendapatkan kelepasan cukai dan kedua, adakah Kerajaan setakat ini berjaya mendapat pasaran luar negeri untuk kereta Malaysia?

Perdana Menteri: Perkara itu masih dalam kajian dan terlalu awal untuk saya memberi jawapan yang tepat.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan bahawa untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan dalam pengeluaran kereta Malaysia ini Kerajaan akan memberi perlindungan yang sewajarnya. Apakah bentuk perlindungan yang dimaksudkan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita akan adakan cukai bagi CKD Pack yang lebih tinggi yang mana ini sudah tentu akan menguntungkan kereta nasional kita kerana kebanyakan daripada komponen kereta nasional adalah buatan dalam negara.

Dr Chen Man Hin: Tuan Speaker, bagi pihak pengguna-pengguna banyak orang beri aduan apabila Kerajaan lancarkan kereta nasional atau kereta Malaysia misalnya tahun lalu untuk kereta kecil 1300 c.c. harga kereta sudah naik \$2,000. Ini ada membebankan mereka. Oleh sebab itu, saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bolehkah dia memberi satu jaminan jangan ada lagi naik tarif atau duti untuk kereta-kereta yang dibawa masuk ke negara ini termasuk kereta complete knock-down (CKD) untuk memberi faedah kepada pengguna-pengguna.

Sungguhpun saya pun faham Kerajaan mahu memberi perlindungan kepada industri tempatan tetapi Kerajaan pun mesti ingat faktor-faktor umpamanya pengguna-pengguna.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sanggup tidak menaikkan cukai kalau Ahli Yang Berhormat bersetuju supaya jalan-jalan di dalam Malaysia termasuk jalan dari Kuala Lumpur ke Seremban semuanya jalan tanah dan tidak perlu diperbaiki bila pecah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Omar bin Abdullah.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Omar bin Abdullah tidak hadir)

MAKANAN DAN MINUMAN— PANDUAN KEPADA PENGGUNA

5. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa Persatuan-persatuan Pengguna mendakwa banyak makanan dan minuman yang merbahaya kepada kesihatan beredar dalam pasaran, sejauh mana benarnya dakwaan ini, kerana pihak Kerajaan jarang sekali mengeluarkan panduan kepada pengguna-pengguna.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa berwaspada terhadap mutu makanan dan minuman yang diedarkan di negara kita untuk memastikan ia adalah selamat untuk dimakan.

Tindakan pengawalan ini dijalankan melalui aktiviti kawalan mutu makanan yang dilaksanakan di seluruh daerah di negara kita. Aktiviti yang dijalankan termasuklah pemeriksaan premis-premis dan kilang-kilang makanan untuk memastikan makanan dan minuman diproses dan dijual dalam keadaan yang bersih dan selamat dan pengambilan

contoh-contoh makanan untuk memastikan makanan yang telah diproses dan dijual itu adalah selamat dan mematuhi peraturan-peraturan yang disediakan.

Makanan-makanan yang diperiksa dan dicontoh telah disenaraikan ke dalam 28 kumpulan utama termasuklah barang-barang makanan seperti gula-gula, barangan daripada ikan, sayur-sayuran, buah-buahan, teh dan kopi, sos-sos, minuman ringan, bahan pewarna dan lain-lain bahan makanan.

Bagi contoh-contoh yang didapati melanggar peraturan tindakan seperti pendakwaan mahkamah, amaran dan nasihat telah diambil terhadap pemeroses atau penjual makanan itu.

Butir-butir aktiviti yang dijalankan bagi tahun 1983 adalah seperti berikut:

Jumlah premis-premis makanan yang telah diperiksa	\$ 10,494
Jumlah contoh-contoh makanan yang telah diambil untuk analisa	14,823
Jumlah contoh yang didapati melanggar peraturan	1,295
Jumlah pemeroses dan penjual makanan yang telah didakwa di Mahkamah.. ..	807
Jumlah denda yang dikenakan oleh Mahkamah..	\$214,230

Adalah tidak benar bahawa Kementerian jarang mengeluarkan panduan-panduan kepada pengguna-pengguna. Kementerian saya sentiasa mengeluarkan panduan-panduan ini kepada pengguna-pengguna. Ini dijalankan melalui aktiviti pelajaran kesihatan dengan menggunakan poster-poster, risalah-risalah dan melalui pameran mengenai kawalan kebersihan dan mutu makanan.

Di samping itu Kementerian saya juga menganjurkan syarahan-syarahan kesihatan sama ada secara terus kepada kumpulan-kumpulan tertentu seperti pengendali makanan, ibu-ibu di klinik dan murid-murid sekolah ataupun

melalui Radio dan TV dan di seminar-seminar di seluruh negara. Kementerian saya juga diwakilkan dalam Jawatankuasa Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Hassan bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sedar bahawa terdapat minuman-minuman ringan dalam kotak yang telah berulat, masam dan beku. Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri telah sedar, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap setengah-setengah kilang-kilang pengeluar minuman ringan itu.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tidak sedar tetapi butir-butir yang saya berikan tadi menunjukkan bahawa usaha kawalan itu telah pun dapat menangkap pemeroses-pemeroses ataupun pekilang-pekilang yang mengeluarkan makanan seperti yang saya sebutkan tadi dan dihadapkan ke mahkamah.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan adakah beliau sedar pada masa sekarang barangan-barangan minuman dan makanan yang diimport dari negeri luar yang tarikh, shelf life, dengan izin, telah tamat tetapi masih dijual di kedai-kedai dan supermarket. Adakah pihak Kerajaan bercadang mengawal peraturan-peraturan mengenai mutu barangan makanan dan minuman dengan tegasnya supaya barangan yang diimport ini adalah sebenarnya selamat untuk digunakan oleh rakyat.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang dan peraturan-peraturan makanan yang terdapat pada masa ini belum lagi memaksa pengeluar-pengeluar bahan-

bahan makanan dalam tin ataupun dalam karton untuk menentukan dan untuk menyiarkan "shelf-life" di atas kotak atau bekas itu.

Walaupun belum ada pemaksaan undang-undang tetapi perkara ini digalakkan sahaja pada masa ini. Kita sedang merangka satu peraturan yang akan meliputi perkara "shelf-life" dan soal-soal sebagainya. Adalah diharapkan bahawa peraturan itu dapat dikuatkuasakan dalam tiga empat bulan lagi.

GURU-GURU AGAMA/QURAN— KEKURANGAN

6. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bahawa Kerajaan sedang berusaha menyerapkan nilai-nilai Islam di semua jabatan-jabatan Kerajaan dan rakyat di negara ini. Apakah langkah-langkah Kementerian beliau supaya rakyat yang tinggal di luar-luar bandar dapat mengatasi berhubung dengan masalah kekurangan Guru-guru Agama dan Guru-guru Quran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mempunyai peranannya yang tersendiri di dalam program Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam.

KEMAS mempunyai Guru-guru Agama yang juga Pemaju Masyarakat di enam buah negeri sahaja, iaitu Kedah, Perak, Selangor, Kelantan, Pahang dan Wilayah Persekutuan. Pecahan bilangan mereka pada tahun 1984 ini adalah seperti berikut:

Kedah	259	orang
Perak	365	..

Selangor	200	orang
Kelantan	349	..
Pahang	204	..
W. Persekutuan	36	..
	<u>1,413</u>	..

Kementerian sentiasa berusaha untuk menambah bilangan Pemaju Masyarakat Agama dari masa ke semasa. Ini bergantunglah kepada permohonan dari masyarakat setempat dan juga kewangan Negara.

Selain dari KEMAS, ada juga agensi-agensi lain seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri dan juga Yayasan-yayasan Islam Negeri yang lebih bertanggungjawab dalam hal tersebut dan telah sedia ada guru-guru Agama yang seumpama itu.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan bahawa setakat ini ada seramai 1,413 orang guru-guru agama dalam KEMAS dan Kerajaan akan menambah dari semasa ke semasa sekiranya ada keupayaan atau kewangan. Setakat ini saya ingin mengetahui sebanyak manakah kelas-kelas agama ini yang telah pun dipohon oleh pihak KEMAS, terutama sekali di negeri Perak yang meminta diadakan kelas-kelas Quran, yang tidak dapat dijalankan lagi.

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi angka yang tepat tetapi boleh dikatakan memang banyaklah permohonan-permohonan daripada negeri-negeri dan juga daerah-daerah untuk Kelas-kelas Kemajuan Masyarakat Agama ini, akan tetapi selain daripada memberikan kelas-kelas agama ini, KEMAS juga membuka kelas-kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK) yang juga sedang dipohon dengan begitu banyak oleh masyarakat setempat. Jadi dalam memberikan kelas-kelas agama ini KEMAS juga

terpaksa menimbangkan permohonan daripada daerah-daerah dan juga Wakil-wakil Rakyat kepada Kelas-kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK) ini.

GAS ASLI CECAIR

7. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah Gas Asli Cecair yang telah dijual sejak mula dilancarkan, jumlah hasil yang dikutip, kadar pengeluaran sekarang dan siapakah pembeli yang utama; dan
- (b) apakah rancangan jangka panjang Kerajaan dalam membekalkan Gas Petroleum Cecair (LPG) untuk kegunaan dalam negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, setakat 1-3-1984 Malaysian Liquefied Natural Gas (MLNG) di Bintulu telah mengeksport sebanyak 1.7 juta tan metrik gas asli cecair bernilai \$1,050 juta kepada pembeli-pembelinya iaitu Tokyo Electric & Power Incorporated dan Tokyo Gas Ltd.

Pada ketika ini loji gas asli cecair di Bintulu itu beroperasi dengan menggunakan dua module yang berupaya mengeluarkan 4 juta tan metrik setahun.

Bekalan gas petroleum cecair atau GPC untuk penggunaan tempatan pada ketika ini dibekal oleh loji-loji penapisan PETRONAS di Kerteh iaitu di Terengganu Shell dan Esso di Port Dickson dan diimport dari loji-loji penapisan di Singapura. Dengan bermulanya operasi memproses gas PETRONAS di Kerteh yang akan mengeluarkan sebanyak 260,000 tan metrik GPC setahun, pada awal tahun hadapan Malaysia akan mengeluarkan

bekalan GPC yang melebihi keperluan-keperluan tempatan yang sekarang ini dianggar lebih kurang 150,000 tan metrik setahun, dengan itu pengeluaran GPC yang berlebihan dari Kerteh akan dapat dieksport bagi menghasilkan pendapatan pertukaran wang asing bagi negara kita.

Selaras dengan rancangan untuk mempelbagaikan sumber tenaga, Kerajaan melalui PETRONAS akan memajukan penggunaan GPC di Malaysia dengan cara seperti berikut:

- (a) menggunakan GPC sebagai bahan api untuk kereta. Kerajaan telah mengenalpasti sektor pengangkutan sebagai mempunyai potensi yang paling besar untuk kegunaan GPC. Penukaran ke GPC akan digantikan diesel dan juga petrol sebagai bahan api untuk kereta, oleh kerana GPC lebih bersih dari diesel dan petrol, penggunaan GPC akan mengurangkan pencemaran alam sekitar yang berpunca dari asap exhaust kereta-kereta yang menggunakan petrol dan diesel.
- (b) memajukan penggunaan GPC di rumah-rumah melalui sistem penyaluran gas ataupun reticulation system, dengan izin. PETRONAS sedang berusaha untuk memperkenalkan konsep ini kepada pemaju-pemaju di tiga projek perumahan baru iaitu di Rantau PETRONAS di Terengganu, di Kuala Lumpur, Bandar Wangsajaya dan di Pasir Gudang, di Johor.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi sedikit gambaran tentang sambutan daripada orang ramai terhadap gas GPC ini dan sama ada pihak Kerajaan ataupun pihak PETRONAS

mempunyai apa-apa rancangan atau untuk menarik orang ramai ataupun untuk menentukan bahawa gas GPC ini dapat diberi sambutan yang lebih menggalakkan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan orang ramai, saya rasa pada keseluruhannya rakyat di negara ini sedang mengetahui lebih lanjut dan lebih luas lagi penggunaan GPC atau LPG ini, misalnya menggunakan LPG atau GPC untuk kenderaan motokar, teksi sudah mulai digunakan di Kuala Lumpur dan cuma alat-alat untuk menukarkan kepada penggunaan GPC ini masih lagi ditinjau mana yang lebih murah misalnya, atau agak mahal sedikit pada masa ini.

Saya rasa apabila kita dapat mengatasi soal ongkos untuk menukar daripada petrol atau diesel kepada GPC ini, lebih ramai lagi pengguna-pengguna yang akan beralih kepada GPC bukan sahaja kenderaan seperti motokar dan teksi, tetapi yang lain-lain juga.

Yang kedua ialah PETRONAS pada masa ini masih lagi berusaha untuk mendapat tapak-tapak yang lebih banyak, stesen-stesen servis untuk mengadakan kemudahan yang lebih banyak bagi pengguna-pengguna GPC ini di masa akan datang. Jadi, pada keseluruhannya sambutan itu daripada orang ramai memang menggalakkan dan saya rasa di masa akan datang orang ramai akan lebih lagi bertambah cenderung dan mahukan penggunaan GPC kerana ianya memang lebih murah daripada diesel, petrol dan selain daripada itu seperti yang saya katakan tadi lebih bersih dari segi pengeluaran asap dan sebagainya.

Dari segi PETRONAS menarik minat daripada orang ramai di negara kita ini, saya ada katakan tadi PETRONAS sedang berusaha mencari tapak-tapak yang baru, memperbanyakkan lagi servis-servis stesen di negara ini,

misalnya menjelang penghujung tahun ini adalah diharapkan bahawa PETRONAS melalui anak syarikatnya PETRONAS Dagangan Sdn Bhd, (PDSB) akan dapat membina sejumlah 200 servis stesen di seluruh negara ini dan menjelang penghujung tahun 1985 iaitu tahun hadapan adalah diharapkan yang PDSB akan dapat menambah bilangan itu kepada 500 buah servis stesen di negara kita.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, mengenai Gas Petroleum Cecair ini, apakah dasar ataupun syarat-syarat yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan untuk sebuah kawasan perumahan baru itu untuk mendapat kemudahan, mendapatkan kemasukan Sistem Gas Petroleum Cecair ke dalam satu kawasan perumahan baru. Apakah cara-cara hendak mendapatkannya?

Kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk menentukan supaya kenderaan-kenderaan berat seperti lori dan bas ini menukar (convert) enjin-enjin ataupun mendapat enjin yang baru supaya Gas Petroleum Cecair ini boleh digunakan oleh kenderaan-kenderaan ini, kerana kenderaan-kenderaan inilah yang menyebabkan pencemaran alam yang begitu buruk.

Datuk Dr James P. Ongkili: Saya tidak berapa dengar yang pertama, tetapi kalau saya tidak salah kawasan perumahan. Ini adalah seperti yang saya sebut tadi ada tiga kawasan yang telah dipilih sebagai kawasan perintis untuk mengadakan saluran dan penggunaan GPC atau LPG ini yang sekarang di dalam peringkat hampir siap ialah kawasan perumahan PETRONAS sendiri di Pasir Gudang di Johor.

Yang kedua ialah di kawasan perumahan Pembangunan Iktisad negeri Terengganu iaitu di Rantau PETRONAS di mana beratus-ratus

buah rumah sedang dibina hampir siap pada ketika ini.

Yang ketiga yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan baru-baru ini selepas beliau berbincang dengan saya juga ialah di Bandar Wangsajaya di Kuala Lumpur. Dalam semua ketiga-tiga tempat ini sistemnya adalah sama iaitu menyalurkan gas itu dengan menggunakan paip. Lori-lori tangki akan mengangkat gas dalam bentuk cecair ke kawasan-kawasan perumahan itu di mana satu tangki besar disediakan di tepi kawasan perumahan itu kemudian daripada tangki itu dimasukkan gas cecair itu dan LPG itu, disalurkan kepada satu paip yang utama ke kawasan perumahan itu dan di tiap-tiap unit perumahan itu nanti terdapat paip cabang kepada unit-unit masing-masing.

Ini adalah serupa dengan sistem yang mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat telah nampak di negara-negara yang sedia maju, misalnya di Britain, di Australia dan sebagainya, sistemnya serupa 100% dengan di situ dan kita juga harap harganya pun boleh tahan, iaitu murah daripada elektrik tiap-tiap unit pada ketika ini.

Mengenai dengan bas/lori untuk menggunakan LPG, ini memang menjadi satu daripada matlamat utama PETRONAS untuk memberi kemudahan ini kepada jentera-jentera yang besar.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik hati mendengar bahawa usaha-usaha sedang dibuat untuk menyalurkan gas cecair ini ke kawasan-kawasan perumahan dan ke rumah-rumah kediaman. Saya ingin tahu kenapa 3 buah kawasan sahaja dipilih, iaitu di rantau PETRONAS, Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Apakah rancangan untuk menyalurkan gas cecair ini bagi kegunaan domestik ke pekan-pekan

atau bandar-bandar di seluruh Negeri Terengganu dan juga lain-lain bandar besar di seluruh Semenanjung ini. Apakah masalah-masalah teknikal yang mungkin dihadapi sekiranya ini hendak dilaksanakan?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya baru menjawab menggulungkan Rang Undang-undang semalam, saya sangka pada hari ini tidak ditanya begitu banyak sekali, tetapi nampaknya saya ditanya banyak sekali. Harap ini yang akhir sekali kerana beri peluang kepada yang lain untuk bercakap.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bukan 3 kawasan pembangunan atau perumahan ini sahaja yang menjadi sasaran untuk mengadakan bekalan GPC ini. Sejajar dengan rancangan pembangunan penggunaan sistem gas Semenanjung yang sedang dilaksanakan di Terengganu itu, sebenarnya seluruh Semenanjung adalah diharapkan akan dapat disalurkan dengan paip-paip utama di masa akan datang.

Peringkat kedua rancangan penggunaan Gas Asli Semenanjung ini termasuklah menyediakan paip yang besar daripada Kerteh di Terengganu melalui Negeri Pahang, kemudian ke Port Dickson melalui sebelah Bahau dan daripada Port Dickson satu cabang paip yang utama, yang besar itu akan naik ke Port Kelang dan satu lagi cabang akan terus ke Johor Bahru di dalam Fasa 2 rancangan penggunaan Gas Asli Semenanjung itu yang sedang dibina sekarang.

Tender untuk mencari haluan yang paling baik bagi mengadakan paip-paip yang utama ini, seperti yang saya katakan tadi, tender itu telah pun dipelawakan dan consultant telah pun menilai tender untuk jalan itu. Walau bagaimanapun, disebabkan pada ketika ini kewangan belum mengizinkan, maka pelaksanaan peringkat kedua rancangan penggunaan Gas Asli Semenanjung itu

telah ditangguhkan ataupun belum dilaksanakan, tetapi walau bagaimanapun, akan dilaksanakan.

Pada mula-mulanya adalah dijangka bahawa Fasa 2 ini yang mana akan memberi kemudahan paip-paip utama kepada Pantai-pantai Barat dan Selatan Negeri Semenanjung, seperti yang saya katakan tadi dirancang akan siap pada tahun 1988 dan sekiranya peruntukan mengizinkan dalam penghujung tahun ini ataupun tahun hadapan, maka rancangan Fasa Kedua ini memang akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya paip-paip utama itu daripada loji penapis atau loji memproses gas PETRONAS di Kerteh, maka memanglah Negeri Terengganu akan boleh dipasangkan dengan kemudahan GPC ini, termasuklah kawasan Ulu Terengganu saya harap di satu masa nanti dan begitu juga kepada kawasan-kawasan di Selangor, di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Mengikut rancangan Fasa 3 penggunaan Gas Asli Semenanjung daripada Terengganu ini ialah selepas tahun 1988 paip utama itu akan dipanjangkan ke Seberang Perai untuk menampung keperluan kawasan-kawasan pertumbuhan yang dijangka akan menjadi lebih sibuk dan besar di situ dalam lebih kurang tahun 1989 dan 90-an.

RANCANGAN PEMULIHAN KAMPUNG (RPK)

8. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

(a) adakah rancangan Kementerian ini untuk memulihkan/mewujudkan semula Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) dengan tujuan membantu rakyat yang benar-benar miskin di luar

bandar dan tidak berupaya mendirikan/membaiki rumah mereka; dan

(b) apakah sebab-sebab menasabah yang dijadikan alasan oleh Kementerian ini sehingga memberhentikan RPK ini, sedangkan ia amat disanjung tinggi oleh rakyat dan telah meringankan penderitaan hidup mereka.

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab kedua-dua pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat adalah dimaklumkan di sini bahawa Rancangan Pemulihan Kampung tidaklah dimansuhkan atau diberhentikan. Apa yang sebenarnya berlaku ialah rancangan ini ditangguhkan atas sebab kewangan.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, oleh kerana keadaan kemelesetan ekonomi negara berterusan, Kerajaan telah membuat keputusan dengan hanya memperuntukkan kewangan bagi membiayai projek-projek yang telah terikat secara kontrak. Di dalam konteks ini, Rancangan Pemulihan Kampung tidak terlibat dengan sebarang kontrak, oleh kerana itu rancangan ini terpaksa ditangguhkan dahulu. Saya percaya apabila keadaan ekonomi bertambah baik, rancangan ini akan disambung semula seperti di masa-masa yang lalu.

TANDA "DITANGGUNG HALAL"—PENGUNAAN

9. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Perdana Menteri menyatakan dengan jelasnya apakah syarat-syarat yang membolehkan sesuatu syarikat membuat makanan, kedai makan atau restoran dan penjaja mempamerkan tanda "Ditanggung Halal",

memandangkan ramai penjual-penjual makanan pada masa ini menggunakan dan mempamer tanda ini tanpa surat akuan menjaminkan yang orang-orang Islam boleh memakan makanan ini, dipamerkan bersama.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat itu sesuatu syarikat membuat makanan, kedai makan, restoran, penjaja makanan atau lain-lain jenis perniagaan makanan boleh mempamerkan tanda "Ditanggung Halal" atau apa-apa perbendaharaan lain yang menunjukkan bahawa atau mungkin difahamkan sebagai menunjukkan bahawa orang-orang Islam adalah dibenarkan oleh agama mereka makan makanan itu dengan syarat perbendaharaan itu mestilah mematuhi syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbendaharaan Halal) 1975, iaitu ianya mestilah mengandungi ciri-ciri berikut:

- (1) bukanlah dan juga tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda-benda dari binatang yang orang Islam dilarang oleh hukum syarak memakannya atau tidak disembelih mengikut hukum syarak;
- (2) tidaklah mengandungi apa-apa benda yang difikirkan sebagai najis mengikut hukum syarak;
- (3) tidaklah disediakan, diproses atau dikilang dengan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas dari apa-apa benda najis mengikut hukum syarak; dan
- (4) tidaklah dalam masa menyediakan, memproses ataupun menyimpannya itu bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang tidak memenuhi kehendak-

kehendak, seperti yang saya sebutkan tadi, atau apa-apa benda yang difikirkan sebagai najis mengikut hukum syarak.

Untuk menggunakan tanda "Ditanggung Halal" dan lain-lain perbendaharaan itu sendiri tidaklah memerlukan sijil atau kelulusan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Sungguhpun demikian, dalam hubungan ini Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengambil tindakan penguatkuasaan dari segi perihal dagangan, iaitu dengan menentukan sama ada perihal dagangan yang digunakan palsu ataupun tidak.

Dalam konteks ini perbendaharaan Ditanggung Halal dan sebagainya itu jika ditunjukkan di atas makanan akan menjadi suatu perihal dagangan kepada makanan tersebut dan perihal dagangan itu akan menjadi palsu jika tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan seperti yang saya sebutkan tadi dan orang-orang yang bertanggungjawab boleh didakwa di bawah Akta Perihal Dagangan 1972.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, siapakah yang bertanggungjawab apabila dapat disaksikan bahawa di atas ada sate ataupun benda-benda bulat babi yang digantungkan, di bawah ada udang, bawang dan sebahagiannya di tiap-tiap kedai terutamanya hari kebesaran Cina.

Yang kedua, Emporium itu di dalam peti sejuaknya ada makanan halal ditulisnya, di sebelah itu ada makanan gambar kerbau pendek—maaf, tuan Yang di-Pertua, ada bergambar di situ, sehingga ngeri kita menyaksikannya. Siapakah yang bertanggungjawab selain daripada Ditanggung Halal, siapakah tanggung dosanya?

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, yang bertanggungjawab akan menyasiat dan bertindak segala-galanya ialah pihak Penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen, adakah Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri sedar bahawa banyak kedai-kedai makanan yang bertanda Ditanggung Halal di mana kedai-kedai makanan orang-orang bukan Islam sudah menjadi satu lumrah dan saya ingin tahu adakah Setiausaha Parlimen sedar banyak di antara coffee house di hotel-hotel yang besar di negeri ini, begitu juga yang mana tempat simpan barang-barang makanan yang halal misalnya daging-daging lembu atau daging ayam bagi orang Islam disimpan dalam satu fridge bersama-sama dengan daging babi saya kata yang mana daging babi ini bagi orang Islam adalah satu sensitif selain daripada minuman keras, benda yang haram. Jika sedar, apakah langkah-langkah atau tindakan Jabatan Perdana Menteri bagi mengatasi agar orang-orang Islam yang mengunjungi coffee house di hotel-hotel itu tidak tercemar kepada makanan-makanan yang bercampur aduk itu.

Dan juga yang akhirnya, dalam masalah Ditanggung Halal, adakah Tanggung Halal ini misalnya babi pun ditanggung halal juga bagi orang bukan Islam. Sepatutnya Ditanggung Halal bagi orang Islam ditulis di situ semua ditanggung halal, babi pun ditanggung halal juga bagi orang bukan Islam. Saya ingin memastikan.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedarlah ada perkara-perkara yang seperti yang disebutkan tadi. Usaha-usaha telah dibuat oleh Pusat Penyelidikan Islam di Bahagian Ugama di Jabatan Perdana Menteri dengan mengeluarkan nasihat kepada hotel-hotel, restoran-restoran

dan beberapa kedai besar untuk mengasingkan ataupun menjauhkan pinggan-mangkuk, kualikah atau apa-apa yang bercampur, bukan sahaja babi tetapi perkara-perkara yang najis yang dilarang oleh Islam kepada orang-orang Islam memakannya.

Kemudian dari segi tanda halal tadi, maksud tanda halal kita di sini ialah kepada barang-barang ataupun perkara-perkara yang halal dimakan oleh orang-orang Islam sahaja, perkara-perkara yang lain daripada itu suka hati merekalah.

IBU UDANG HARIMAU—NILAI

10. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bilangan dan nilai ibu udang harimau yang dieksport pada tempoh 1979-1983 dengan memberi angka-angka pecahan mengikut tahun;
- (b) bilangan dan nilai ibu udang harimau yang dibeli oleh penternak-penternak udang tempatan bagi tempoh yang sama; dan
- (c) sama ada beliau sedar sekatan-sekatan eksport ibu udang harimau mengakibatkan kerugian kepada para nelayan malah pertukaran wang asing bagi Perbendaharaan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kawalan terhadap eksport ibu udang harimau tidak diadakan sebelum September 1982, angka-angka eksport dan belian oleh penternak-penternak bagi tempoh 1970/1980 tidaklah dapat diberi. Eksport induk udang harimau hanya memberi manfaat terutamanya kepada pengeksport udang. Hanya sebilangan kecil orang nelayan sahaja

mendapat faedah daripada eksport udang tersebut.

Dari segi pertukaran wang asing negara kita akan mendapat lebih banyak faedah sekiranya penetasan telur dari induk udang dilakukan di negara kita dan benihnya serta udang dewasa dieksport ke negeri lain. Selain daripada itu sekiranya induk udang dibenarkan untuk dieksport, sumber-sumber udang akan kehabisan.

KUSTA, TIBI, MALARIA DAN POLIO—STATISTIK

11. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Kesihatan menyatakan dengan statistik bagaimanakah keadaan penyakit Kusta, Tibi, Malaria dan Polio di negara ini. Apakah kemajuan-kemajuan kita mengawal dan menghapuskan penyakit-penyakit ini. Apakah ancaman penyakit-penyakit daripada virus baru di negara ini, berikutan perubahan alam sekeliling, hawa dan lain-lain.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf soalan ini adalah satu yang panjang dan berkehendakkan jawapan-jawapan yang panjang, sekurang-kurangnya 8 minit. Bolehkah saya memohon jasa baik Yang Berhormat Dato' di bawah Standing Order 22 untuk dijadikan ini sebagai Jawapan Bertulis?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya benarkan supaya jawapan itu dijadikan Jawapan Bertulis.

INSTITUT LATIHAN PERIKANAN, PULAU PINANG

12. Tuan Mohd. Amin bin Haji Daud minta Menteri Pertanian menyatakan iaitu sejak tertubuhnya Institut Latihan Perikanan di Pulau Pinang dalam tahun

1969 dan memulakan program-program latihannya pada tahun 1972:

- (a) berapa ramai orang yang telah mengambil kursus hingga tamat dan berapa banyak perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk tujuan tersebut, dengan memberikan angka bagi setiap tahun;
- (b) jumlah angka lepasan Institut tersebut yang telah melibatkan diri secara langsung dalam industri perikanan; dan
- (c) apakah rancangan positif yang telah diambil supaya graduan-graduan Institut tersebut dapat memenuhi hasrat Kerajaan untuk menggalakkan lagi industri perikanan dalam negeri ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya tidak dapat memberi butir-butir yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana ini akan mengambil banyak masa Dewan yang mulia ini dan sekiranya Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya cuma hendak melaporkan bahawa dari tahun 1972 hingga tahun 1982, bilangan peserta dalam Institut Latihan Perikanan di Pulau Pinang ialah sebanyak 497 orang dan perbelanjaan jumlahnya ialah \$1,483,412.45.

(b) 268 orang.

- (c) Mulai tahun 1983 Institut ini hanya melatih nelayan-nelayan tulin dan belia-belia dari Pusat Pembangunan Nelayan sahaja yang bercenderung untuk memasuki sektor perikanan yang moden iaitu di laut dalam.

HUTAN—KEKURANGAN

13. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan bahawa kekurangan hutan telah menyebabkan iklim menjadi panas, hakisan tanah semakin cepat bekalan air bersih dari hutan susah untuk diperolehi dan perubahan cuaca adakah beliau akan ambil tindakan untuk mengawasi hutan kita daripada ditebang dengan sewenang-wenangnya dan memelihara keadaan sekelilingnya.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesan terhadap alam sekitar seperti berlakunya hakisan akibat kegiatan pembalakan di sesuatu kawasan, Jabatan Perhutanan telah mengadakan peraturan dan mengenakan syarat-syarat tertentu untuk dipatuhi oleh pembalakan-pembalakan supaya kerja membalak tidak mengakibatkan kesan buruk kepada alam sekitar dan bekalan air tempatan. Di samping itu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia sedang membuat kajian untuk menentukan setakat mana pelupusan hutan mempengaruhi iklim setempat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai dasar tertentu dalam rancangan pemeliharaan dan pembangunan khazanah hutan negara. Semenjak tahun 1977, Kerajaan telah melaksanakan Dasar Perhutanan Negara yang di antara lain, memerlukan penubuhan Hutan Simpan Kekal seluas 11.4 juta hektar, yang mana 4.6 juta hektar adalah di Semenanjung Malaysia, 3.4 juta hektar di Sarawak dan 3.4 juta hektar di Sabah, yang mempunyai tujuan pengeluaran, perlindungan dan rekreasi. Pembalakan di kawasan ini adalah mengikut sistem pengurusan secara berkekalan untuk menjamin negara akan mendapat bekalan kayu secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari penubuhan Hutan Simpan Kekal, Kerajaan juga melaksanakan dasar mengawal kadar tebang melalui penentuan kadar tebang tahunan, yang dikurangkan setiap tahun sehingga ke paras yang selaras dengan jumlah kawasan hutan yang boleh menampung keperluan tahunan daya memproses kilang-kilang di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan Alban bin Sandukong.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Hassan Alban bin Sandukong tidak hadir)

PERKHIDMATAN PENGGILAN RADIO DI SARAWAK

15. Datuk Leonard Linggi Anak Jugah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan jumlah perkhidmatan-perkhidmatan panggilan radio yang dicadangkan untuk Sarawak pada masa sekarang dan juga apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk menyediakan lebih banyak lagi perkhidmatan-perkhidmatan ini di kawasan terpencil lebih-lebih lagi di kawasan seperti Nanga Engkuah, Song Katibas, Nanga Merit, Kapit dan Nanga Entawau, Balleh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perhubungan telekomunikasi di kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan terpencil di negeri Sarawak sekarang diberikan melalui perkhidmatan sistem panggilan luar bandar high frequency.

Melalui sistem ini semua panggilan kebangsaan atau antarabangsa dapat dihubungi melalui bantuan Telefonis. Di samping itu perkhidmatan sistem

country set juga digunakan dalam kawasan lingkungan 30 kilometer dari sesebuah ibusawat.

Namun begitu Kementerian saya melalui Jabatan Telekom adalah dalam usaha untuk memperbaiki mutu perkhidmatan sistem panggilan luar bandar high frequency dan di dalam peringkat akhir pemasangan yang dijangka siap pada akhir tahun ini juga. Sistem ini nanti akan dapat mengendalikan enam panggilan telefon sekali gus di waktu sibuk berbanding dengan suatu panggilan bagi satu-satu panggilan diamalkan sekarang.

Kementerian saya melalui Jabatan Telekom juga akan memperkenalkan dua jenis lagi perkhidmatan telefon yang baru. Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut ialah, satu sistem "ATUR" atau, dengan izin, automatic telephone using radio, dan kedua, multi-access subscriber radio system. Sistem "ATUR" dan multiaccess akan dapat memberikan perkhidmatan kepada masyarakat yang tinggal di dalam kawasan garisan penglihatan ataupun line of sight dengan stesyen radio telekom yang sedia ada dan yang akan dibina di seluruh negeri Sarawak, dengan jaraknya dapat meliputi dalam lingkungan 30 hingga 50 kilometer.

Sistem "ATUR" akan adalah di dalam peringkat akhir pelaksanaan dan dijangka dapat memberikan perkhidmatan pada akhir tahun 1985 dengan muatan 1,000 talian manakala sistem multiaccess subscriber radio dijangka siap pada awal tahun 1985 dengan muatan sebanyak 300 talian.

Bagi tempat-tempat seperti Nanga Engkuah, Song, Katibas, Nanga Merit, Nanga Entawau dan Balleh, perkhidmatan-perkhidmatan panggilan luar bandar high frequency dapat memenuhi keperluan telekomunikasi untuk kepentingan rakyat. Walau bagaimanapun, sekiranya perkhidmatan telefon automatik diperlukan di

kawasan-kawasan ini, maka satu kajian perlu dibuat sebelum satu-satu jenis sistem telekom yang sesuai dapat dilaksanakan.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Setiausaha Parlimen tadi telah mengatakan bahawa Kementerian sedang dalam usaha untuk melaksanakan satu sistem panggilan luar bandar high frequency. Jadi saya ingin tahu kalau dapat memberitahu Dewan ini tempat-tempat yang akan diberikan kemudahan sistem panggilan luar bandar high frequency supaya dapat mengetahui tempat-tempat tersebut oleh kerana ada tempat-tempat yang mempunyai priority yang tinggi.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya sistem untuk membaiki keadaan itu ialah bagi melaksanakan di tempat-tempat yang sedia ada perkhidmatan itu. Oleh kerana sistem ini masih memerlukan bantuan Telefonis, maka adalah tujuan pihak Telekom untuk mengadakan sistem "ATUR" supaya pada satu masa akan datang bagi penduduk di seluruh Sarawak dapat membuat panggilan secara automatik.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 14 dan 16 hingga 34 adalah diberi di bawah ini):

SYARIKAT USAHASAMA— PEMINDAHAN TEKNOLOGI

4. Tuan Omar bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan berpuashati ke atas tahap kejayaan rancangan pemindahan teknologi melalui penubuhan Syarikat Usahasama. Jika tidak adakah Kerajaan bercadang mewujudkan satu institusi khas bagi memastikan dan mempercepatkan usaha-usaha ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Pemandangan teknologi melalui syarikat-syarikat usahasama di antara pihak asing dan tempatan telah bermula sejak tahun-tahun enam puluhan lagi. Pada peringkat awalnya, usaha-usaha pemandangan ini telah menghadapi banyak masalah dan rintangan dan beberapa kesilapan telah dibuat menyebabkan tahap kejayaan yang dicapai pada masa itu tidak memuaskan.

Untuk menentukan bahawa negara benar-benar mendapat faedah daripada projek-projek usahasama dari segi pemandangan teknologi, Kerajaan telah mengambil langkah menubuhkan Bahagian Penelitian perjanjian-perjanjian usahasama dan teknikal di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Tugas utama Bahagian ini ialah bagi menentukan supaya keperluan-keperluan pemandangan teknologi ada disertai dan dikandung dalam sesuatu perjanjian yang dibuat. Antara tugas-tugas lainnya ialah menentukan bahawa kos mendapatkan teknologi daripada rakan usahasama dari luar negeri bagi sesuatu projek itu adalah munasabah dan berpatutan.

Di samping itu Bahagian ini juga menentukan bahawa program-program diatur supaya teknologi yang dibawa oleh rakan usahasama asing itu dipindahkan kepada pekerja-pekerja tempatan dengan berkesan melalui perantaraan pekerja-pekerja/pegawai-pegawai saingan yang disyaratkan menjalani latihan sambil kerja di projek usahasama tersebut atau di syarikat-syarikat pusat masing-masing di luar negeri.

Di samping itu, usaha-usaha sedang diambil untuk meningkatkan keupayaan menyerap teknologi-teknologi asing menerusi program-program pendidikan dan latihan serta penyelidikan dan pembangunan. Ke arah ini langkah-langkah sedang diambil untuk

mewujudkan sebuah Pusat Teknologi yang merupakan sebuah "data bank" bagi mengumpul serta menyebarkan maklumat-maklumat mengenai teknologi-teknologi asing dan tempatan.

Bagi teknologi asing, maklumat-maklumat seperti punca, kos dan sebagainya akan dikumpul dan disebarkan supaya kepentingan-kepentingan pihak tempatan dapat dipertahankan.

Bagi teknologi tempatan pula, maklumat-maklumat mengenai hasil-hasil penyelidikan yang dibuat oleh semua agensi-agensi penyelidikan dalam negeri termasuk pihak swasta akan dikumpul dan dimajukan ke peringkat "commercial".

Selain daripada itu, Kerajaan telah juga menubuhkan sebuah Pusat Pameran dan Rujukan Teknologi bagi Perusahaan Kecil, di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi memperkenalkan teknologi-teknologi yang baru dan moden kepada usahawan-usahawan kecil terutamanya Bumiputera. Pusat ini telah bergerak hampir-hampir setahun dan mendapat sambutan yang baik dari kalangan pengusaha-pengusaha kecil.

Bagi syarikat-syarikat usahasama di antara pihak asing dan agensi-agensi Kerajaan, tindakan dan penelitian yang rapi diambil sebelum perjanjian teknologi ditandatangani untuk menentukan bahawa teknologi asing yang berkaitan dapat dipindahkan dengan jayanya.

Dalam perjanjian di antara HICOM dan Syarikat Mitsubishi mengenai industri kereta kebangsaan umpamanya dan perjanjian-perjanjian lain projek-projek HICOM, perkara ini adalah dititikberatkan.

Berkaitan dengan pembangunan Industri berat di negara ini, sebuah Jawatankuasa antara Kementerian yang

terdiri dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Jabatan Kerjasama Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pelajaran, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, MIDA dan SIRIM telah ditubuhkan untuk mengusahakan pemindahan teknologi melalui pelajaran dan latihan bagi khasnya keperluan industri ini. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, iaitu saya sendiri, dan urusetianya adalah di EPU. Jawatankuasa ini, sedang mewujudkan satu rancangan yang sistematik dan saintifik untuk dilaksanakan mengikut keperluan tahunan industri berat dari segi bilangan pekerja pada semua peringkat dan kemahiran-kemahiran pada semua peringkat juga yang diperlukan.

Rancangan ini melibatkan agensi-agensi pelajaran, latihan dan penyelidikan sama ada di dalam negeri atau di luar negeri yang boleh memberi teknologi yang diperlukan itu. Di samping itu secara "on-the-job", sambil bekerja, firma-firma berkaitan dengan industri berat dilibatkan juga.

GURU-GURU LUAR BANDAR— KELAYAKAN

14. Tuan Hassan Alban bin Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk meninggikan kelayakan akademik guru-guru luar bandar di Sabah.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Untuk meninggikan kelayakan akademik guru-guru luar bandar di Sabah, Kementerian Pelajaran telah mengadakan Projek Akademik Guru atau Projek Pakar. Di bawah projek ini guru-guru yang tidak mempunyai kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diberi kursus akademik untuk menyediakan mereka mengambil

peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Bagi mereka yang telah mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kursus yang serupa diadakan untuk menyediakan mereka mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Selain daripada itu kursus-kursus Dalam Masa Cuti atau KDC juga diadakan bagi guru-guru luar bandar yang tidak mempunyai kelayakan iktisas.

KEBUN KECIL GETAH—SAIZ

16. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan saiz purata pekebun-pekebun kecil getah di negara ini. Apakah konsep "mini-estet" yang dilancarkan oleh RISDA dan bagaimanakah ianya dapat meninggikan taraf kebajikan pekebun-pekebun kecil. Apakah jaminan bahawa pekebun-pekebun kecil yang memiliki kebun-kebun yang amat kecil saiznya (kurang daripada 1 hektar) dapat memutuskan diri daripada lingkaran kemiskinan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Rais Yatim): Saiz purata keluasan kebun kecil getah yang dipunyai oleh Pekebun Kecil ialah seluas 2.8 hektar—berdasarkan takrif Pekebun Kecil ialah mereka yang memiliki kebun kurang dari 40.5 hektar. Walau bagaimanapun sebilangan besar daripada Pekebun Kecil iaitu 62-78% daripada mereka yang berdaftar dengan RISDA memiliki tanah getah seluas 2 hektar sahaja.

Konsep Mini Estet yang dilancarkan oleh RISDA merupakan satu usaha yang menekankan kepada pengurusan kebun-kebun kecil yang menyertai Rancangan Tanam Semula. Di bawah

konsep ini RISDA mengambil alih tanggungjawab membangun dan menyenggarakan kebun-kebun getah pekebun kecil melalui satu perjanjian yang ditandatangani oleh RISDA dan pemilik tanah yang berkenaan. (Menurut perjanjian yang ditandatangani, para peserta bersetuju menyerahkan kepada RISDA semua kelayakan bantuan tanam semula, tanam baru, subsidi-subsidi dan lain-lain kemudahan yang diberikan oleh RISDA dari masa ke masa untuk digunakan oleh RISDA membangunkan dan memajukan lot-lot tanah berkenaan). Sehingga ini kita telah membangunkan sebanyak 256 mini estet seluruh Malaysia dengan keluasan 29,970 hektar. Pada 1984 kita akan membuka lagi sebanyak 5,058 hektar dengan perbelanjaan \$24,208,784.

Projek Mini Estet dapat meningkatkan taraf kebajikan pekebun kecil melalui:

- (a) Pengurusan cara berkelompok ini dapat mengatasi masalah pekebun kecil dari segi kekurangan tenaga buruh, kewangan dan sebagainya;
- (b) Dapat mempertingkatkan pendapatan melalui skim pengurusan yang tersusun;
- (c) Dapat mengwujudkan peluang pekerjaan melalui proses ini kita dapat memberi pekerjaan kepada 3,702 orang;
- (d) RISDA dapat menyalurkan usaha pengembangan dan pemindahan teknologi dengan lebih berkesan;
- (e) Usaha Pemasaran dapat dirancang dengan teratur dan berkesan.

Saya percaya bahawa pekebun kecil yang mempunyai tanah yang kurang daripada 1 hektar tidak akan dapat memutuskan diri daripada lingkaran kemiskinan kalau diharapkan daripada penghasilan kebun yang dimiliki itu

semata-mata, di mana pendapatan pekebun kecil sebelum tanam semula ialah sebanyak \$50.24 sen sebulan sehektar sahaja. Bagaimanapun dengan menyertai rancangan mini estet mereka bukan sahaja memperolehi dividen sebanyak \$98.65 sen sehektar sebulan tetapi mereka juga memperolehi pendapatan daripada bekerja di mini estet dengan pendapatan lebih kurang \$216.00 sebulan (\$9 x 24 hari = \$216.00). Ini menjadikan pendapatan mereka lebih kurang \$314 sehektar sebulan. Selain dari itu bantuan-bantuan SEPENTAS dan program-program Tabung Sosio-Ekonomi pekebun kecil akan dapat menambah punca pendapatan mereka. Di samping itu mereka berpeluang mendapat perlindungan di bawah Skim Pampasan Pekebun Kecil sekiranya berlaku kemalangan. Adalah diharapkan program bersepadu seperti ini akan dapat menolong golongan ini memutuskan diri daripada lingkaran kemiskinan.

IMPORT KERETA TERPAKAI

17. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengurangkan atau menambahkan import kereta terpakai dalam negara ini dan nyatakan jumlah bilangan kereta terpakai yang diimport ke dalam negara kita ini semenjak tahun 1980 hingga 1983. Berikan juga bilangan pemegang-pemegang permit AP sehingga sekarang.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah kereta-kereta terpakai yang diimport ke dalam negara ini dari tahun 1980 hingga bulan Oktober 1983 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan (Yunit)</i>
1980	12,546

Tahun	Bilangan (Yunit)
1931	9,700
1982	7,877
1983	5,300
(Januari- Oktober)	

Bilangan syarikat-syarikat yang telah diberikan kuota untuk mengimport kereta terpakai adalah 101 buah sahaja.

Dari angka-angka pengimportan yang saya sebutkan, nyatalah jumlah pengimportan kereta terpakai telah berkurangan dari tahun ke setahun. Tujuan Kerajaan mengadakan lesen import bagi pengimportan kereta adalah untuk melindungi industri kereta tempatan. Tindakan ini disokong pula dengan cukai-cukai import.

Sama ada Kerajaan akan mengurang atau menambah import adalah bergantung kepada prestasi industri kereta di dalam negeri. Jika pengimportan akan menjejaskan "viability" (dengan izin) industri tempatan, sudah tentu Kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan yang sesuai untuk menentukan import akan berkurangan. Tetapi jika sebaliknya, iaitu pengimportan tidak akan menjejaskan "viability" industri tempatan, paras import sekarang mungkin boleh dikekalkan.

PINJAMAN PASARAN LUAR NEGERI—KENAIKAN

18. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) sama ada pihak Kementerian sedar tentang kenaikan dalam pinjaman-pinjaman pasaran luar negeri berbanding dengan pinjaman-pinjaman projek luar negeri, nyatakan mengapakah kenaikan seperti ini berlaku;

(b) sedarkah pihak Kementerian bahawa jumlah jaminan-jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada peminjam-peminjam seperti Badan-badan Berkanun dan Syarikat Persekutuan dan negeri yang memperolehi pinjaman-pinjaman dari institusi-institusi perdagangan sedang bertambah banyak; dan

(c) berdasarkan kepada kenaikan ini, bayaran secara keseluruhan yang kena dibayar selanjutnya akan meningkat dalam tahun-tahun yang akan datang. Bolehkah pihak Kementerian menjelaskan sama ada keupayaan membayar balik adalah diambil kira sepenuhnya sebelum memberi jaminan ataupun semasa mendapatkan pinjaman selanjutnya.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):

(a) Pihak Kementerian memang sedar tentang kenaikan dalam pinjaman-pinjaman pasaran luar negeri jika dibandingkan dengan pinjaman-pinjaman projek luar negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pinjaman-pinjaman projek luar negeri biasanya diperolehi dari Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia, Bank Pembangunan Islam dan juga pinjaman Dua Hala antara Kerajaan. Pembiayaan dari sumber-sumber ini hanya dikhususkan kepada projek-projek tertentu berdasarkan kepada kesesuaian sesuatu projek yang ditetapkan oleh badan-badan tersebut. Oleh yang demikian, projek-projek pembangunan yang tidak dibiayai daripada sumber pinjaman seperti ini perlulah dibiayai daripada sumber-sumber lain yang sebahagian besar daripadanya

diperolehi daripada pinjaman pasaran luar negeri.

- (b) Pihak Kementerian juga sedar mengenai kenaikan jumlah jaminan-jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan terhadap pinjaman-pinjaman yang diperolehi oleh Badan Berkanun dan Syarikat Persekutuan dan Negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kenaikan dalam jumlah jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Badan-badan Berkanun dan Syarikat Persekutuan adalah bertujuan untuk membiayai projek-projek pembangunannya yang tidak ada di dalam peruntukan Kerajaan.
- (c) Kementerian Kewangan memang mengambilkira tentang keupayaan bayar balik sesuatu badan yang membuat pinjaman tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pinjaman-pinjaman yang diperolehi itu adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan yang akan mendapat pulangan atau hasil daripada projek tersebut. Hasil yang diperolehi itu dijangka akan digunakan untuk membayar balik pinjaman tersebut.

PELAJAR BIASISWA DI LUAR NEGERI—TINDAKAN

19. Tuan Haji Hassan bin Mohamed minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri yang memegang biasiswa Kerajaan yang sedang diambil tindakan kerana bersikap anti Kerajaan dan adakah Kerajaan bercadang hendak mengkaji kembali sistem biasiswa yang sudah ketinggalan zaman sekarang ini.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada pelajar-pelajar Malaysia di

luar negeri yang memegang biasiswa Kerajaan yang diambil tindakan kerana bersikap anti Kerajaan. Walau bagaimanapun terdapat seorang pelajar telah diambil tindakan kerana melakukan perbuatan salah laku yang pada pendapat Kerajaan menjatuhkan nama baik Kerajaan dan tiga orang lagi diambil tindakan kerana menjadi ahli di dalam pertubuhan yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan. Kerajaan juga tidak bercadang untuk mengkaji kembali sistem biasiswa yang sedang dijalankan sekarang kerana pada pendapat Kerajaan sistem ini masih lagi berkesan.

KELAS AGAMA ISLAM

20. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah penuntut-penuntut beragama Islam di sekolah-sekolah rendah dan menengah dikehendaki menghadiri Kelas Agama Islam tetapi sebenarnya sekolah-sekolah ini mengandungi juga penuntut-penuntut yang bukan Islam.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Pelajaran mengadakan kelas-kelas Agama Islam untuk murid-murid ini bagi melaksanakan Seksyen 36 Akta Pelajaran, 1961.

ANAK SYARIKAT PKEN KERUGIAN

21. Tuan Othman Abdul minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) berapakah jumlah anak-anak syarikat PKEN-PKEN yang mengalami kerugian dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ke atas anak-anak syarikat tersebut;
- (b) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengawasi anak-anak syarikat PKEN di mana penyertaan PKEN

adalah melebihi 40% tetapi pengurusannya tidak dikendalikan oleh PKEN atau tidak terdapat pegawai yang dilantik oleh PKEN berkhidmat dalam anak syarikat berkenaan; dan

- (c) setakat ini berapakah jumlah anak-anak syarikat PKEN yang telah diswastakan atau akan diswastakan.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Sebenarnya soalan seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah pun saya jawab beberapa kali di Dewan yang mulia ini seperti yang telah saya katakan dahulu, anak-anak syarikat PKEN-PKEN ada yang telah mencapai keuntungan dan ada juga yang telah mengalami kerugian. Dari laporan yang telah diterima oleh Kementerian terdapat sebanyak 94 buah syarikat PKEN yang telah mengalami kerugian semasa.

Kementerian sentiasa mengawasi prestasi syarikat-syarikat yang rugi dan menghadapi masalah ini melalui Sistem Maklumat Pengurusan yang ditubuhkan di Kementerian, di mana semua agensi-agensinya termasuk PKEN mengemukakan laporan prestasi syarikat-syarikat mereka melalui sistem yang menggunakan komputer ini tindakan akan dapat diambil sekiranya syarikat tersebut tidak mencapai tahap prestasi seperti yang dirancangan.

Beberapa kajian telah pun dijalankan ke atas syarikat-syarikat yang menghadapi masalah ini. Sebagai contoh, Kementerian melalui Unit Perkhidmatan Pengurusannya telah pun menjalankan kajian pengurusan ke atas beberapa syarikat PKEN Negeri Sembilan pada tahun 1983 yang lalu. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi dan cadangan-cadangan untuk memperbaikinya. Selain dari kajian oleh Unit Perkhidmatan Pengurusan,

Kementerian juga telah melantik sebuah syarikat Juruperunding MIDF Consultancy and Corporate Services untuk menjalankan kajian syarikat PKEN itu yang setakat ini melibatkan sebuah syarikat PKEN Perak. Berikutan dengan kajian itu, tindakan-tindakan susulan sedang dijalankan bagi memastikan bahawa hasil kajian ini akan dapat memperbaiki prestasi syarikat-syarikat berkenaan. Kajian ke atas syarikat-syarikat PKEN yang lain akan juga dijalankan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil sama ada untuk memulihkan atau menutup syarikat berkenaan.

Di samping itu pengawasan juga dibuat oleh Kementerian terhadap PKEN-PKEN berkenaan melalui wakil-wakil yang menduduki Lembaga Pengarah PKEN dan juga wakil-wakil PKEN yang menduduki syarikat-syarikat tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap wakil untuk melaporkan prestasi dan masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat berkenaan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil. Mengenai perlantikan kakitangan oleh syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh PKEN sukalah saya menyatakan bahawa pengurusan syarikat yang ditubuhkan itu adalah dijalankan sendiri oleh syarikat yang berkenaan dan Lembaga Pengarah syarikat yang tersebut adalah pihak yang bertanggungjawab bagi melantik kakitangan dan pegawai syarikatnya. Dengan demikian Kementerian adalah tidak terlibat secara langsung dengan perlantikan pegawai-pegawai dan kakitangan bagi syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh PKEN. Namun demikian pihak Kementerian memberi garis-garis panduan tentang kriteria-kriteria yang perlu ada pada pegawai-pegawai dan kakitangan di syarikat-syarikat supaya terjamin kecekapan prestasi mereka. Juga adalah penting bagi pegawai-pegawai yang dilantik itu bertanggungjawab terus kepada PKEN dan memberi laporan lengkap berkala kepadanya.

Selaras dengan konsep penswastaaan yang sedang dijalankan oleh Kerajaan pada masa ini, Kementerian dan juga PKEN sentiasa menimbang syor-syor pihak swasta yang ingin mengambil alih syarikat-syarikat PKEN. Pada masa ini selaras dengan tujuan penubuhannya sebagai agensi amanah untuk kaum Bumiputra, PKEN-PKEN telah pun melaksanakan konsep penswastaaan dengan penjualan syarikat-syarikatnya kepada pengusaha Bumiputra yang layak dan berminat. Sehingga Disember 1983, sejumlah 47 buah syarikat milik PKEN-PKEN telah pun dijual kepada pengusaha-pengusaha Bumiputra yang melibatkan jumlah ekuiti PKEN bernilai \$16,385,027. Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:

<i>PKEN</i>	<i>Jumlah Syarikat Yang Dijual</i>
1. Perak	22 syarikat
2. Negeri Sembilan	8 syarikat
3. Johor	5 syarikat
4. Trengganu	1 syarikat
5. Sabah	3 syarikat
6. Sarawak	6 syarikat
7. Melaka	2 syarikat
	47 syarikat

Sementara itu sebanyak 11 buah syarikat-syarikat PKEN telah dipindahkan kepada Perbadanan Nasional Bhd (PNB).

PELAJAR BIASISWA BUMIPUTERA/BUKAN BUMIPUTERA DI UNIVERSITI

22. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah biasiswa yang diberi oleh Kerajaan untuk pelajaran Universiti bagi pelajar-pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera sejak lima tahun lalu.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Jumlah biasiswa yang telah diberi oleh Kerajaan untuk pelajar-pelajar Bumiputera dan Bukan Bumiputera untuk melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti di luar negeri sejak 5 tahun yang lalu iaitu dari 1978 hingga 1982 adalah seperti di Lampiran "A". Perangkaan untuk tahun 1983 tidak dapat diberi kerana maklumat-maklumat dari semua penganjur belum diperolehi.

Bilangan pelajar-pelajar anjuran Kerajaan dan Separuh Kerajaan yang melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi di dalam negeri mengikut kaum dari tahun 1980 hingga 1982 adalah seperti di Lampiran "B". Perangkaan bagi tahun 1978 dan 1979 tidak ada dalam simpanan Bahagian ini.

LAMPIRAN "A"

Bilangan Pelajar-pelajar Anjuran Kerajaan dan Separuh Kerajaan Melanjutkan Pelajaran Ke Luar Negeri Mengikut Kaum dari 1978-1982

<i>Tahun</i>	<i>Bumiputera</i>	<i>Bukan Bumiputera</i>	<i>Jumlah</i>
1978	2,645	235	2,880
1979	6,534	233	6,767

<i>Tahun</i>	<i>Bumiputera</i>	<i>Bukan Bumiputera</i>	<i>Jumlah</i>
1980	8,350	275	8,625
1981	3,551	153	3,704
1982	6,596	335	7,031
JUMLAH	27,676	1,331	29,007

LAMPIRAN "B"

**Bilangan Pelajar-pelajar Anjuran Kerajaan dan
Separuh Kerajaan Yang Melanjutkan Pelajaran Di Institusi
Pengajian Tinggi Dalam Negeri Mengikut Kaum dari 1980-1982**

<i>Tahun</i>	<i>Bumiputera</i>	<i>Bukan Bumiputera</i>	<i>Jumlah</i>
1980	8,771	954	9,725
1981	8,598	1,279	9,877
1982	11,601	1,828	13,429
JUMLAH	28,970	4,061	33,031

**POTONGAN CUKAI
ATAS TANGGUNGAN**

23. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa memandangkan ramai pembayar-pembayar cukai, khasnya di antara golongan muda kita, mempunyai tanggungjawab untuk menanggung nafkah hidup ibu-bapa mereka, adakah Kementerian beliau akan menimbangkan untuk memberi potongan-potongan cukai khas kepada mereka dan sama ada kadar potongan-potongan cukai atas tanggungan isteri, anak-anak dan saudara tanggungan pembayar cukai akan dinaikkan atas sebab inflasi, iaitu, lebih banyak potongan-potongan cukai diberi, jika tidak, mengapa.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:

Pada masa sekarang, potongan-potongan cukai yang diberi kepada pembayar cukai di negara ini adalah tinggi dibandingkan dengan negara-negara di rantau ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah maksima potongan cukai yang dibenarkan ialah sebanyak \$13,500 terdiri daripada:

- (a) \$5,000 untuk diri sendiri;
- (b) \$2,000 untuk isteri;
- (c) \$3,000 untuk 5 orang anak; dan
- (d) \$3,500 untuk EPF dan insuran.

Di samping itu, tiap-tiap pembayar cukai berhak mendapat rebate ke atas

cukai yang kena dibayar iaitu sebanyak \$60 untuk suami dan \$30 untuk isteri. Bagi pembayar cukai di peringkat bawah sekali rebate sebanyak \$90 adalah sama dengan potongan sebanyak \$1,500.

Jadi, jika dicampur kesemua potongan cukai yang boleh dituntut oleh seseorang pembayar cukai itu jumlahnya ialah \$15,000. Ini bermakna jika seseorang itu boleh menikmati segala potongan cukai berkenaan, ia tidak membayar apa-apa cukai sekiranya pendapatannya tidak melebihi \$1,250 sebulan. Berhubung dengan potongan untuk tanggungan pula, potongan sebanyak \$1,000 telah pun dimasukkan dalam potongan untuk diri sendiri dan ini meliputi tanggungan ke atas ibu bapa juga. Oleh yang demikian, buat masa sekarang, Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan jumlah potongan cukai sama ada golongan muda sahaja.

**MESYUARAT
MENTERI-MENTERI
PENERANGAN NEGARA
BERKECUALI**

24. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan kesan-kesan positif hasil pertemuan Menteri-Menteri Penerangan Negara-Negara Berkecuali (Non Block) di Jakarta baru-baru ini. Dan apakah sikap anggota peserta ketika menerima ucapan tahniah (congratulatory message) daripada Perdana Menteri India Puan Indra Ghandi yang menggesa Negara-Negara Berkecuali (Non Block) supaya berusaha merapatkan diri dengan Moscow dan Washington dalam bidang ekonomi dan teknologi.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tujuan Menteri-Menteri Penerangan Negara-Negara Berkecuali bermesyuarat di Jakarta, Indonesia pada 26hb-31hb Januari, 1984 adalah

untuk memperkukuhkan dan mengeratkan lagi kerjasama dan kegiatan dalam bidang komunikasi dan informasi di antara Negara-Negara Berkecuali berdasarkan kepada pencapaian satu tata informasi antarabangsa yang baru iaitu "The New International Information Order". Mesyuarat ini merupakan Mesyuarat Pertama di mana isu komunikasi dan informasi dibincangkan di peringkat Menteri-Menteri.

Delegasi Malaysia telah mengemukakan isu-isu penting untuk dibincang seperti berikut:

- (i) bahawa informasi dan komunikasi adalah satu alat dan institusi yang penting untuk mencapai matlamat nasional dan antarabangsa.
- (ii) bahawa tiap-tiap Negara terutama sekali Negara-Negara membangun perlu menegaskan "hak untuk berhubung" (right to communicate), sebagai satu hak asasi. Hak ini sekarang sedang di "exploit" oleh Negara-Negara maju dan agensi-agensi berita antarabangsa. Di kalangan Negara-Negara membangun sudah timbul kesedaran bahawa mereka sendiri berkeupayaan untuk mengedar berita dan informasi dan dengan mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mungkin mereka dapat ambil alih peranan yang demikian oleh agensi-agensi berita antarabangsa.
- (iii) bahawa Negara-Negara membangun tidak boleh bergantung hanya kepada perhubungan-perhubungan "terrestrial" dan hendaklah mengkaji kemungkinan penggunaan satelit dengan lebih luas dan berkesan.
- (iv) bahawa masalah kadar tarif yang tinggi di Negara-Negara

Berkecuali perlu diturunkan secara rasional untuk memudahkan pengaliran informasi dan komunikasi.

Satu penghasilan yang positif dari penyertaan Malaysia dalam Mesyuarat ini ialah lantikan Malaysia ke "Intergovernmental Council for the Coordination of Information (IGC). Peranan IGC ialah untuk mempertingkatkan lagi kerjasama penyelarasan kegiatan-kegiatan dalam bidang informasi dan media massa dan seterusnya menilai serta mengesan kegiatan pergerakan badan ini.

Resolusi-resolusi dari Mesyuarat tersebut adalah berkenaan dengan:

- (i) "rationalisation of tariff rates".
- (ii) "radio/frequency aggression".
- (iii) memperkukuhkan kedudukan UNESCO.
- (iv) menyelaras dan memperkukuhkan kegiatan Non-Aligned News Agencies Pool (NANAP).

Mesyuarat ini telah diakhiri dengan saranan "Jakarta Appeal" di mana Mesyuarat telah merayu kepada semua media massa di seluruh dunia untuk mempertingkatkan lagi penyertaan dalam usaha-usaha antarabangsa terhadap persefahaman dan keamanan, pencapaian matlamat kesempurnaan diri dan bekerjasama ke arah "New International Information Order".

TARIAN SINGA—PERTUNJUKAN

25. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa permit diperlukan bagi pertunjukan-pertunjukan Tarian Singa di khalayak ramai kerana mengikut rekod-rekod, langsung tiada sebarang peristiwa gangguan awam yang berbangkit daripada pertunjukan Tarian Singa yang telah menjadi satu

cara yang biasa untuk meraikan hari-hari yang mulia oleh orang-orang Malaysia.

2-4-84.

2. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada adakah benar bahawa Kerajaan hanya membenarkan persatuan-persatuan Tarian Singa yang didaftarkan di bawah Akta Masyarakat untuk pertunjukan dan mengumpul "Ang Pow" pada masa Tahun Baru Cina di masa depan seperti yang dinyatakan oleh pihak Polis di Kuala Lumpur baru-baru ini dan persatuan-persatuan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat tidak akan dibenarkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Ipoh hari ini dengan soalan Yang Berhormat dari Bruas yang memerlukan jawapan pada 2hb April kerana kedua-dua soalan Yang Berhormat itu adalah mengenai perkara yang sama.

Untuk makluman Yang Berhormat, Tarian Singa perlu dilesenkan mengikut peruntukan Seksyen 27 dan 28 Akta Polis 1967. Langkah-langkah pengawalan dan pengawasan terhadap sebarang perhimpunan, perarakan perlu diadakan dengan tujuan menjaga keselamatan dan ketenteraman awam. Salah satu dari langkah-langkah pengawalan yang sedia ada dewasa ini adalah dengan memerlukan lesen di bawah seksyen tersebut serta mengenakan syarat-syarat mengikut keadaan masa dan tempat. Dalam konteks ini pihak Polis sentiasa meneliti dengan rapi dalam memproses permohonan-permohonan bukan sahaja untuk pertunjukan Tarian Singa malahan apa jua bentuk perjumpaan, perhimpunan dan perarakan dengan mengenakan syarat-syarat yang tertentu.

Dengan langkah-langkah "preventive" mengawas dan menetapkan syarat-syarat yang tertentu, sehingga ini pihak Polis telah memberi kesan-kesan yang positif di mana pihak Polis telah dapat menghindarkan gangguan awam serta dapat mengawal keselamatan dan ketenteraman awam.

Pemohon-pemohon yang ingin mengadakan Tarian Singa dan mengutip "Ang Pow" adalah dikehendaki memohon dua jenis lesen. Satu lesen untuk Tarian Singa mengikut Seksyen 27 dan 28 Akta Polis 1967, dan satu lesen lagi untuk mengutip "Ang Pow" atau derma yang disyaratkan di bawah Ordinan Pungutan Derma Dari Rumah Ke Rumah Dan Lorong Ke Lorong No. 18/1947 iaitu Akta 200.

Kekeliruan telah timbul manakala permohonan lesen untuk Tarian Singa tidak diluluskan oleh kerana didapati tujuan mengadakan Tarian Singa adalah untuk mengutip "Ang Pow" atau derma, walhal pengutipan derma memerlukan lesen yang berasingan. Lesen untuk pungutan derma tidak dikeluarkan jika tujuan kutipan derma itu tidak mempunyai matlamat yang murni seperti untuk kebajikan, sukan dan sebagainya. Oleh itu permohonan untuk mengadakan Tarian Singa dengan tujuan mengutip derma tetapi kutipan derma itu pula tidak mempunyai objektif-objektif yang jelas seperti dikehendaki dalam Ordinan Pungutan Derma Dari Rumah Ke Rumah Dan Lorong Ke Lorong No. 18/1947, permohonan tersebut tidak dapat diluluskan.

Permohonan untuk mengadakan pertunjukan Tarian Singa dan mengutip "Ang Pow" atau derma seperti permohonan-permohonan di musim perayaan Tahun Baru Cina, hanya dibenarkan kepada persatuan-persatuan atau badan-badan yang tulen dan yang mempunyai tujuan yang murni. Oleh itu badan-badan atau persatuan-persatuan yang memohon lesen untuk Tarian

Singa perlu membuktikan ketulenan mereka, dan pertunjukan Tarian tersebut merupakan aktiviti atau salah satu daripada aktiviti-aktiviti persatuan atau badan tersebut.

KEGIATAN KOMUNIS DI SEKOLAH-SEKOLAH

26. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pelajaran menyatakan, bahawa dengan adanya kenyataan Pemangku Panglima Divisyen 4 Tentera Darat, Brig-General Shah Mohamad Amin pada akhir bulan Disember 1983 mengenai adanya sekolah-sekolah di negeri Pahang yang dipercayai menjalankan kegiatan anggota komunis menggunakan alat-alat termasuk senjata, adakah Kementerian Pelajaran telah menyiasat perkara tersebut. Sekiranya benar berlaku, apakah langkah dan tindakan yang dibuat supaya perkara itu dapat dihapuskan dan tidak berlaku lagi.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Jabatan Pelajaran Pahang telah menghubungi pihak berkenaan untuk mendapatkan penjelasan mengenai kenyataan akhbar yang menyatakan sekolah-sekolah di negeri Pahang yang dipercayai menjalankan kegiatan melatih anggota komunis.

Penjelasan yang diberi oleh pihak berkenaan itu menyatakan bahawa pihak akhbar telah tersalah petik (misquoted) kenyataan Pemangku Panglima Divisyen 4 tersebut. Oleh itu, berita yang disiarkan oleh akhbar berkenaan adalah tidak benar.

LEVI ATAS KENDERAAN BARANG KE SINGAPURA

27. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Kewangan menerangkan kesan-kesannya mengadakan levi \$100.00

setiap kali ke atas kenderaan-kenderaan barang pergi ke Singapura. Adakah pihak kementerian akan mempertimbangkan perubahan-perubahan dalam levi ini dan jika ada apakah perubahan-perubahannya.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Seperti semua Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, tujuan dikenakan levi ke atas kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia adalah untuk menambah punca hasil negara dan untuk menggalakkan pengimportan dan pengeksportan barang-barang melalui pelabuhan-pelabuhan negara. Mengenai tujuan pertama sehingga akhir bulan Februari, jumlah hasil yang telah dipungut daripada levi ini adalah sebanyak \$5,084,200. Berbanding dengan amaun hasil yang dianggarkan daripada levi ini, jumlah yang dipungut itu adalah menggalakkan. Mengenai tujuan yang kedua, adalah masih terlalu awal untuk menilaikan sejauh mana tujuan ini tercapai. Walau bagaimanapun, tanda-tanda awal menunjukkan bahawa dengan pengenaan levi tersebut, penggunaan pelabuhan-pelabuhan tempatan sedang dan akan bertambah lagi. Mengenai soalan kedua, kementerian saya akan mempertimbangkan perubahan-perubahan kepada levi tersebut sekiranya difikirkan perlu dan adalah untuk kebaikan negara keseluruhannya.

PERUNCIT BERAS BUMIPUTERA

28. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) apakah jenis kesalahan atau sebab-sebab tindakan merampas daripada peruncit-peruncit beras Bumiputera dalam Pasar Besar Kota Bharu dan Pasar Lido Kota Bharu itu dilakukan oleh pihak berkuasa baru-baru ini; dan
- (b) adakah benar beras-beras rampasan itu telah dipulangkan

oleh pihak berkenaan itu kepada pemilik-pemilik berkenaan kemudiannya.

Tuan Hussein bin Mahmud:

(a) LPN telah mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas peruncit-peruncit beras di Pasar Besar dan Pasar Lido Kota Bharu pada 8 Februari 1984. Sejumlah 430 guni beras telah dirampas kerana beras-beras tersebut dipercayai diperolehi dari sumber yang tidak sah dan mungkin juga diseludup dari negara asing. Rampasan ini dibuat oleh kerana peruncit-peruncit tersebut gagal menunjukkan resit belian terhadap beras berkenaan.

2. Dari sejumlah rampasan itu, sebanyak 3 rampasan adalah merupakan rampasan tanpa tuan manakala 9 rampasan lagi dibuat terhadap peruncit-peruncit tanpa lesen dan selebihnya (32 rampasan) dibuat terhadap peniaga-peniaga berlesen.

(b) Beras yang dirampas itu telah dipulangkan memandangkan kebanyakan daripada mereka terdiri dari peniaga-peniaga kecil. Miskipun begitu mereka yang terlibat telah diberi amaran supaya tidak mengulangi kesalahan mereka. Mereka telah dinasihatkan supaya mendapatkan bekalan beras daripada LPN ataupun sumber-sumber lain yang berlesen dan bagi mereka-mereka yang tidak mempunyai lesen dinasihatkan untuk mendapatkannya daripada LPN.

PENGALIRAN CERDIK PANDAI

29. Tuan Ling Sie Ming minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah Kerajaan telah mengambil untuk

mencegah pengaliran cerdik pandai daripada negara ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Masalah pengaliran cerdik pandai keluar negeri merupakan satu gejala yang terdapat di mana-mana negara, dan sukar hendak disekat, setakat mana ianya melibatkan kakitangan Kerajaan, tindakan-tindakan telah diambil untuk mengurangkan kejadian ini dengan cara memperbaiki tanggagaji, syarat-syarat perkhidmatan dan kemajuan kerjaya mereka. Walau bagaimanapun tindakan-tindakan itu mempunyai kesan yang terbatas sahaja kerana mereka yang ingin meninggalkan negara akan mencari seribu satu helah untuk berbuat begitu. Kalau mereka sudah tiada niat lagi untuk berbakti kepada negara dan tidak ada lagi rasa cinta kepada negara ini, lebih baik mereka dibiarkan keluar dari negara ini.

PENSWASTAAN—KONSEP

30. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan luasnya serta digre kejayaan yang dicapai dalam melaksanakan konsep penswastaan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Rancangan penswastaan ini meliputi keseluruhan kepentingan-kepentingan dan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang sesuai untuk dipindahkan ke sektor swasta. Ianya tidaklah terbatas kepada beberapa bidang yang baru sahaja. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya dibuat secara berperingkat-peringkat dan memerlukan kajian-kajian yang mendalam supaya dapat mencapai matlamat yang dikehendaki. Pada keseluruhannya, bidang perkhidmatan yang penting sedang giat dikaji untuk diswastakan ialah bidang infrastruktur

dasar. Dalam industri penerbangan, langkah-langkah permulaan telah diambil untuk dipertimbangkan bagi menswastakan Depoh Baikpulih Kapal Terbang Tentera Udara Di Raja Malaysia (DEBKAT), dan lain-lain perkhidmatan.

Sebagaimana yang telah dijelaskan pada masa-masa yang lepas, Kerajaan telah mengarahkan agensi-agensi supaya mengkaji semula perkhidmatan-perkhidmatan mereka bagi tujuan penswastaan. Agensi-agensi selain daripada yang disebutkan tadi akan juga diminta mengemukakan cadangan-cadangan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pelaksanaan dasar ini adalah berjalan secara berterusan dan Kerajaan akan membuat pengumuman mengenai perkhidmatan yang akan diswastakan dari masa ke semasa.

GURU-GURU SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) KEKURANGAN

31. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) (SRJK (C)) sedang menghadapi masalah kekurangan guru yang serius, berapakah bilangan guru-guru sementara yang berkhidmat dalam SRJK (C) pada tahun 1984 (setakat 15hb. Feb.). Adakah Kementerian bercadang untuk mengendalikan kursus-kursus latihan semasa cuti SRC untuk guru-guru sementara itu, kalau ada, bilakah kursus-kursus itu akan dimulakan dan berapakah bilangan pengambilan yang pertama, kalau tidak ada, mengapa tidak ada. Apakah langkah-langkah konkrit yang lain yang Kementerian sedang mengambil untuk mengatasi masalah kekurangan guru di SRJK (C).

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) tidak menghadapi kekurangan guru yang serius. Kekurangan guru terlatih di sekolah-sekolah ini telah diisi dengan guru sandaran tanpa latihan.

Bilangan guru sandaran tanpa latihan (guru sementara) yang berkhidmat di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) seperti pada 15hb. Februari, 1984 adalah seramai 2,137 orang. Ini termasuk guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Kementerian Pelajaran akan mengadakan semula Kursus Dalam Cuti bagi guru-guru sandaran yang berpengalaman dan berkelayakan. Buat masa ini Kementerian sedang mengumpul data bagi semua jenis guru sementara (guru sandaran tanpa latihan) supaya satu kajian yang teliti dapat dibuat bagi menentukan jumlah yang terlibat.

Oleh yang demikian tidaklah dapat dinyatakan bila kursus ini akan dimulakan dan jumlah calon yang akan mengikuti kursus ini.

Langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) adalah:

- (i) Menempatkan guru-guru baru keluaran maktab perguruan ke sekolah-sekolah yang mempunyai kekosongan.
- (ii) Bagi sekolah-sekolah yang mempunyai lebihan guru, guru-guru yang berlebihan ini akan ditukarkan ke sekolah-sekolah yang kekurangan guru.
- (iii) Guru-guru sandaran tanpa latihan telah diambil untuk mengisi baki kekosongan di mana perlu.

INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN—PENUBUHAN

32. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Buruh menyatakan benarkah Tiga Buah Institut Latihan Perindustrian akan dibina di Labuan, Kuala Terengganu dan Pasir Gudang, Johor Bahru; jika benar;

- (a) apakah syarat-syarat untuk pengambilan peserta-peserta kursus di Institut itu;
- (b) apakah bentuk kandungan kurikulum yang akan dilaksanakan di Institut itu; dan
- (c) berapa lama masa yang dicadangkan untuk peserta-peserta menamatkan kursusnya.

Menteri Buruh (Datuk Mak Hon Kam): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Institut Latihan Perindustrian di Labuan, Kuala Terengganu dan Pasir Gudang telah siap dibina dan latihan-latihan akan mula ditawarkan pada bulan Julai tahun ini. Pertanyaan Ahli Yang Berhormat adalah diberi jawapan seperti berikut:

- (a) Syarat masuk ke Institut-Institut ini adalah mengikut skim latihannya sebagaimana berikut:
 - (i) Sekim Perantisan Negara
 - Umur: Di antara 16-26 tahun
 - Pelajaran: Tamat Tingkatan III
 - Kedudukan: Telahpun bekerja
 - Dianjurkan oleh pihak majikan.
 - (ii) Kursus Persediaan Ketukangan
 - Umur: Di antara 16-30 tahun

- Pelajaran: Tamat Tingkatan III
- Kesihatan: Sihat tubuh badan
- (iii) Kursus Meningkatkan Kemahiran
 - Syarat: Bekerja dalam bidang yang berkenaan dengan kursus (Ketukangan) yang dipohon.
 - Dianjurkan oleh pihak majikan.
- (b) Kandungan kurikulum bagi setiap ketukangan adalah berdasarkan kepada piawaian Ketukangan Kebangsaan LLPPKK. Kemahiran amali adalah diutamakan daripada mata pelajaran tiori. Nisbah latihan amali dengan tiori ialah 70 : 30
- (c) Jangkamasa Kursus ialah sebagaimana berikut:
 - Sekim Perantisan Negara:
 - 3 tahun (1½ tahun institusi dan 1½ tahun latihan In-plant)
 - Kursus Persediaan Ketukangan:
 - Secara umum selama satu tahun (6 bulan latihan institusi dan 6 bulan latihan sambil bekerja)
 - Kursus Meningkatkan Kemahiran:
 - Mengikut peringkat kursus atau jangkamasa latihan yang diminta oleh Majikan.

HAD UMUR MELAWAT CHINA

33. Dato' Michael Chen Wing Sum
minta Menteri Dalam Negeri

menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi pertimbangan untuk merendahkan batas tahun dari 65 ke 55 tahun kepada rakyat yang sudi memohon visa untuk melawat ke Negeri China sebagai pelancong.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:
Pada masa ini Kerajaan telah memberi kemudahan kepada rakyat Malaysia untuk membuat lawatan ke Republik Rakyat China di atas tujuan-tujuan berikut:

- (a) menziarahi saudaramara yang rapat seperti ibu, bapa, adik beradik, isteri dan anak-anak.
- (b) mendapat lawatan perubatan bagi penyakit yang merbahaya kepada kehidupan dan tidak dapat dirawat di Malaysia.
- (c) untuk melancong bagi mereka yang berumur 65 tahun ke atas dan kemudahan ini diberi hanya sekali seumur hidup.
- (d) urusan perdagangan melalui Pamiran Perdagangan Canton yang dikendalikan oleh PERNAS.
- (e) urusan perkhidmatan bank yang diluluskan oleh Perbendaharaan, Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Dalam Negeri.
- (f) lawatan perdagangan dan pengilang dan pengeksport persendirian tertakluk kepada pertimbangan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kementerian Dalam Negeri.

Memandangkan kepada kemudahan yang telah diberikan oleh Kerajaan ini adalah meliputi dan memenuhi hasrat rakyat Malaysia, maka Kerajaan tidak

bercadang untuk merendahkan umur warganegara Malaysia dari 65 ke 55 tahun untuk membolehkan mereka melawat Negeri China sebagai pelancong sekali seumur hidup.

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN—KONGRES

34. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan akan memanggil satu Kongres Kebudayaan Kebangsaan untuk membincang dan merumus prinsip-prinsip dan garis-garis panduan ke arah pembentukan kebudayaan negara yang dapat diterima oleh masyarakat berbilang bangsa, bahasa, ugama dan kebudayaan kita, jika tidak, mengapa.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Kerajaan berpendapat sebarang kongres untuk mentafsirkan semula prinsip-prinsip dan makna Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah tidak perlu. Penghuraian ke atas prinsip-prinsip itu sudah ditegaskan berkali-kali sama ada di dalam mahupun di luar Dewan ini. Apa yang perlu dilakukan adalah mengisi kefahaman terhadap keseluruhan Dasar itu, dan ini sentiasa dijalankan melalui berbagai-bagai kaedah dan saluran termasuk usaha-usaha pendidikan dan kecelikkan budaya. Soal adanya rasa tidak setuju di kalangan rakyat bukan bumiputra bahkan di kalangan bumiputra juga adalah kerana masalah kefahaman sahaja. Dalam hal ini kita boleh membantu memberikan kefahaman kepada semua lapisan rakyat. Akan tetapi jika mereka tidak setuju kerana tidak mahu faham, kerana emosi, sentimen atau kerana kepentingan-kepentingan lain maka tidak ada orang yang boleh membuat mereka bersetuju sehinggalah sebab-sebab yang tersebut itu dapat mereka kikis dari hati dan sanubari mereka sendiri.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (27hb Mac, 1984).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak mengulangi apa yang saya kata kelmarin. Oleh sebab kesuntukan masa, saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat memendekkan ucapan masing-masing untuk membolehkan kita menghabiskan perbahasan dalam masa yang telah ditentukan.

Saya minta Yang Berhormat daripada Kuala Lumpur Bandar menyambung.

3.36 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, sebelum Dewan ditangguhkan semalam, saya ada menyentuh tentang bayaran filem yang dikenakan ke atas setiap filem diimport sebelum filem itu diedarkan dan saya ada mensifatkan bahawa filem charge ini akan membebankan lagi industri filem dan akan mengancam industri filem itu. Saya menyatakan demikian, oleh kerana industri filem ialah salah satu industri yang dikenakan cukai yang berat di negara ini.

Kita ambil contoh iaitu pertunjukan filem. Pengusaha-pengusaha Pawagam terpaksa membayar kepada Kerajaan Negeri yang berkaitan antara 25% dan 30% cukai hiburan ke atas setiap tiket yang dijual. Hasil yang diperolehi daripada cukai hiburan ini ialah lebih kurang \$30 juta setahun.

Berkenaan dengan pengedaran filem, pengedar-pengedar filem terpaksa membayar 15% duti sewa filem di atas bahagian mereka dari pendapatan sewaan filem dan ini menghasilkan sebanyak \$6 juta setahun kepada Perbendaharaan. Bagaimanapun gabungan pendapatan yang dicukai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri daripada industri pawagam-pawagam dianggarkan berjumlah \$36 juta setahun dan ini dikira 27.7% daripada jumlah pendapatan industri ini yang berjumlah sebanyak \$130 juta yang diperolehi daripada hasil jualan tiket tahunan di pawagam-pawagam. Mengenakan satu bayaran filem sebagai tambahan kepada bayaran lesen yang baru iaitu deposit sebagai yang dikehendaki oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia melalui Peraturan-peraturan Perlesenan, 1983 akan hanya menimbulkan lebih banyak kesusahan kewangan kepada industri filem pada keseluruhannya.

Percukaian yang lebih dalam bentuk apa juga bayaran akan hanya bermakna kesusahan kepada industri filem itu sendiri dan rasa saya ini akan melumpuhkan objektif utama penubuhan Perbadanan yang bertujuan menggalakkan dan merancang perkembangan industri filem. Untuk maklumat Dewan ini lebih kurang 50 buah pawagam telah menutup pintu semenjak tahun 1982 dan lebih banyak pawagam dijangka mengikuti jejak ini pada tahun ini.

Dalam hubungan ini saya berharap Yang Berhormat Menteri berkenaan akan dapat menjelaskan apa yang telah berlakukan oleh Perbadanan ini selama ini untuk membantu industri dalam bidang pertunjukan dan bidang pengedaran filem.

Saya difahamkan bahawa sesuatu telah dilakukan oleh PKFNM atau Perbadanan Kemajuan Filem Nasional

Malaysia untuk membantu industri dalam pengeluaran filem menerusi cara memberi subsidi atau kemudahan kredit tetapi dalam bidang pertunjukan dan pengedaran, saya faham tidak ada sumbangan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa diragukan bahawa industri pawagam kita terutamanya dan industri perfileman pada amnya sedang menghadapi banyak masalah yang serious. Kepada industri pawagam sekarang ini ialah satu soalan iaitu perjuangan untuk hidup atau, dengan izin, fighting for survival.

Memandangkan perkara di atas saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengambil langkah yang positif dan berani untuk membantu industri ini dengan melaburkan kembali sejumlah wang cukai yang dikutip dari perindustrian bagi membantu dan memulihkan industri tersebut yang tenat baik dalam bidang pertunjukan atau dalam pengedaran. Melainkan Kerajaan bersedia berbuat begini maka tidak akan terdapat sebuah pawagam pun wujud untuk memperolehi cukai daripadanya dan apabila keadaan ini berlaku di manakah pengeluar-pengeluar tempatan dapat menyangkan filem-filem mereka nanti?

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh perkara-perkara yang berhubung dengan penguatkuasaan. Fasal 7 Rang Undang-undang ini ada menyentuh mengenai penguatkuasaan berkaitan dengan perkara-perkara seperti kuasa untuk menangkap, kuasa untuk menggelidih premis, kuasa untuk menjalankan pendakwaan, kuasa penyitaan dan prosedur bagi pelupusan benda-benda yang disita dan kuasa untuk menyasat kesalahan-kesalahan dan lain-lain.

Dengan begitu luasnya kuasa-kuasa yang diberikan kepada pegawai-pegawai penguatkuasa adalah penting supaya

terdapat perlindungan yang secukupnya bagi mencegah apa juga salahguna kuasa.

Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengambil perhatian dan berupaya untuk mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa tidak akan ada salahguna kuasa oleh pegawai penguatkuasa dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini apabila ianya diluluskan nanti.

Pada masa yang sama saya mendapati bahawa tidak ada peruntukan untuk merayu kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan atau kepada mana-mana Jawatankuasa Rayuan yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri sekiranya berlaku salahguna kuasa oleh pegawai penguatkuasa yang berkenaan atau jika berlaku apa juga salah melaksanakan keadilan.

Memandangkan perkara di atas, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya membuat peruntukan dalam Rang Undang-undang ini untuk membolehkan rayuan dibuat kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan oleh mangsa-mangsa yang berkenaan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memuji Perbadanan Kemajuan Filem Nasional kerana usahanya menggalak dan meningkatkan pembuatan filem-filem subject ringkas dengan mendorong pengeluar-pengeluar filem baru.

Adalah menjadi kepercayaan saya bahawa galakan yang diberi kepada pengeluaran filem-filem subject ringkas akan menjadi satu batu loncatan (stepping stone) untuk pengeluar-pengeluar filem baharu bagi melatih mereka dan didedahkan kepada pengalaman untuk menjadi pengeluar filem cerika (feature films). Akan tetapi suatu soalan yang saya ingin bertanya

di sini ialah walaupun pengeluaran filem subject ringkas digalakkan, apakah langkah yang Perbadanan akan mengambil untuk memastikan bahawa filem-filem subject ringkas akan menerima pendedahan dan tayangan yang maksimum.

Bolehkah penayangan filem memperoleh secara percuma untuk tayangan atau adakah mereka dikehendaki membayarnya ataupun adakah RTM juga diminta menayangkan sesuatu filem subject ringkas untuk membantu secara kewangan dalam pengeluaran mereka.

Apapun juga halnya, adalah menjadi harapan saya bahawa Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia akan mengambil langkah-langkah untuk menjamin satu pasaran yang tersedia dan pendedahan yang penuh di pawagam-pawagam atau RTM terhadap semua filem subject ringkas ini. Sekian, terima kasih.

3.42 ptg.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, Bismillahir-rahmanir-rahim.

Mulanya saya ingin ikut bersama-sama dengan rakan dalam membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu dan kita maklum bahawa filem adalah satu media penting dan sangat berkesan dalam menyampaikan sesuatu dasar atau matlamat yang kita kehendaki dan kita amat gembira bahawa pihak Kerajaan sejak tahun 1981 lagi telah pun menubuhkan suatu Lembaga yang khusus untuk memajukan industri-industri perfileman. Tetapi sehingga hari ini saya tidak tahu apakah matlamat Lembaga ini selain daripada

untuk membantu pengusaha-pengusaha perfileman dalam menyelesaikan masalah aspek-aspek yang dihadapi oleh pihak pengusaha-pengusaha perfileman.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tahu apakah tanggungjawab Lembaga ini selain daripada memberi satu galakan ataupun merangsang dalam usahanya untuk membantu pengusaha-pengusaha perfileman dari segi untuk mencapai dasar kebangsaan negara dan matlamat Dasar Ekonomi Baru ke arah pengukuhan bangsa dan ke arah kestabilan negara.

Saya juga tidak dijelaskan dari segi tanggungjawab Lembaga ini ke arah memupuk kebudayaan kebangsaan yang hari ini soal kebudayaan itu masih belum selesai.

Sebagai media yang penting dan sangat berkesan, filem hari ini pada hemat saya hanya memainkan peranan sebagai satu mesej untuk memberi hiburan kepada rakyat semata-mata. Saya tidak dapat melihat sehingga hari ini satu mesej yang lebih besar daripada apa yang dikatakan hiburan itu.

Saya tidak dapat melihat apakah peranan filem, sama ada filem yang dibuat dalam negeri ataupun filem yang dibawa masuk, sehingga hari ini yang dapat menolong Kerajaan dan dapat membantu rakyat dan pemimpin-pemimpin negara dalam menyelesaikan masalah-masalah mereka.

Saya sendiri tidak tahu hendak mengeluarkan pendapat ataupun memberi panduan kepada Lembaga ini ke arah menyelaraskan dengan dasar Kerajaan, tetapi saya amat dukacita sekiranya filem sebagai media penting dan sangat berkesan itu tidak dapat lari daripada lingkungan ataupun skop hiburan sebagaimana yang saya tekankan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini banyak filem-filem tersibar luas dalam negara ini. Tetapi kebanyakan filem itu sehingga hari ini tidak banyak dapat menolong bangsa kita ke arah pengukuhan perpaduan bangsa ataupun ke arah membentuk satu kebudayaan kebangsaan yang boleh kita contohi. Apa lagi dari segi semangat ataupun roh yang dapat melahirkan perasaan cinta dan kasih kepada negara dan pemimpin, kerana filem-filem yang ada hari ini belum lagi berfungsi sebagai media untuk membangun fikiran bangsa supaya berusaha lebih maju dan lebih bersikap positif.

Filem-filem yang ada hanya kebanyakannya menonjolkan nilai-nilai negatif yang tidak menguntungkan ke arah kesuburan bangsa. Kita dapat melihat kebanyakan tema-tema yang ada dalam filem-filem yang tersibar hari ini lebih mengutamakan budaya masyarakat asing, terlalu materialistik, terlalu ego, menonjolkan hal-hal yang purak-peranda, menggambarkan watak-watak yang angkuh, sombong, isteri yang tidak taatkan suami, saling bercakaran, tidak bertanggungjawab, gelagak anak dan menantu yang tidak menghormati orang tua, pendedahan skandal yang melulu, hubungan lelaki perempuan yang terlalu bebas dan sebagainya.

Di samping itu kita terasa penerbit-penerbit filem ini amat suka dan mereka amat begitu menarik sekali untuk mengeluarkan filem-filem yang berwatak kekerasan ataupun kekejaman. Cinta kasih di kalangan muda mudi, cerita-cerita yang ada unsur-unsur kecurangan dan yang berkesudahan dengan putus asa, kecewa, bunuh diri dan sebagainya yang tidak memberi sesuatu yang dapat mengembangkan nilai budi ataupun nilai roh batinan yang suci yang ada di dalam diri setiap umat manusia.

Tuan Yang di-Pertua, kita banyak mengeluarkan wang berjuta-juta ringgit

untuk memerangi wabak-wabak yang boleh menghayalkan rakyat, yang boleh meleakakan rakyat dalam keadaan malas, termenung kepada perkara-perkara yang tidak berfaedah. Bebanan Kerajaan makin bertambah sekiranya filem-filem yang seumpama ini digalakkan disebarkan ataupun diberi pengutamaan dengan asas untuk mengaut keuntungan ekonomi sebagai satu matlamat yang utama. Di sini timbul suatu kontra dari segi pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan sendiri di mana di satu pihak, pihak Kerajaan sendiri sedang berusaha untuk membimbing dan membaiki masyarakat ke arah kemajuan dan pembangunan dengan sifat-sifat yang positif, tetapi di satu pihak yang lain, ada sebilangan kecil pihak-pihak yang tertentu yang mengambil tindakan mendorong dan merangsang mereka ke arah menerbitkan filem-filem yang melahir nilai yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, saya sesungguhnya amat gembiralah dengan penubuhan Lembaga ini dan saya mengharap melalui Lembaga ini supaya penerbit-penerbit dan pengeluar-pengeluar filem hendaknya lebih bertanggungjawab ke arah memainkan dan membentuk masyarakat kepada suatu matlamat yang dikehendaki oleh negara dan filem hendaklah berfungsi sebagai media untuk pembangunan bangsa supaya mereka berusaha lebih maju dan sentiasa bersikap progressive. Banyak perkara-perkara boleh difilemkan untuk menuju matlamat itu dan ramai penulis yang dapat menyelesaikan masalah sekiranya hasrat dan juga kita untuk pencapaian itu sungguh tersemat di dalam setiap pihak-pihak yang berkenaan. Kita amat berbangga dengan kehadiran pengusaha-pengusaha filem dari kalangan bumiputera dan kehadiran mereka adalah amat menggalakkan dan dengan adanya Lembaga ini diharapkan sekali lagi supaya pengusaha-pengusaha ini dapat memperbaiki mutu filem yang sesuai dengan dasar Kerajaan yang kita cadangkan selama ini. Kita mahu filem-

filem yang diedarkan di negara kita ini biarlah filem-filem yang boleh membangun pemikiran bangsa untuk mencintai dan mempertahankan negara. Tegasnya kita mahu filem-filem yang menonjolkan sifat-sifat patriotik, dedikasi dan gigih dalam menghadapi cabaran-cabaran hidup. Kita tidak mahu filem yang membawa cerita-cerita yang boleh menghayalkan anak-anak muda kita dan tidak dapat memberi satu natiyah yang baik bagi penyelesaian masalah yang dihadapi oleh umat dan negara.

Saya sokong Rang Undang-undang ini dan dari segi pelaksanaannya diharap pihak Lembaga melihat dan mengambil kira pendapat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Minta jangan panjang, selepas itu saya hendak minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.44 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir-rahmanir-rahim. Sukacita saya kerana dapat berpeluang bersama-sama membahas dalam Akta Perbadanan Kemajuan Lembaga Nasional Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kita hari ini di Malaysia boleh dikatakan kaya dengan filem-filem yang Kerajaan telah tonjolkan terutama sekali kepada seluruh rakyat Malaysia yang boleh mengikuti bermacam-macam aneka filem sama ada filem dari luar negeri ataupun dari susunan kita sendiri dalam tanahair kita.

Saya bercadang supaya Kerajaan dengan munasabahnyanya kita hari ini menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, alangkah eloknyanya sekiranya di antara filem-filem itu kita import ataupun mengambil filem-filem yang bercorak agama. Didapati dalam negara kita ini filem-filem yang

bercorak agama adalah amat sedikit, kerana melalui filem-filem ini boleh memberi pengajaran secara menyeluruh kepada rakyat. Hari ini hari masa hidup dalam serba moden. Pengajaran-pengajaran melalui filem boleh memberi kesan lebih daripada lain-lain. Terutama sekali dalam segi mengajar rakyat dalam segenap lapisan tentang mengajar akhlak mereka. Keruntuhan dalam satu-satu negara sebelum daripada runtuh ekonomi lebih dahulu runtuh akhlak. Cara-cara memperbaikinya satu daripadanya melalui filem-filem. Filem-filem yang bercorak agama amat penting terutama sekali dalam negara kita Malaysia yang rakyatnya berbilang kaum yang sentiasa berhajat kepada panduan dan pengajaran-pengajaran yang tepat.

Di samping itu saya mencadangkan supaya pihak yang berkenaan kiranya dapat mengadakan satu jawatankuasa penapis filem, kerana di antara filem-filem yang ada sekarang sebagaimana apa yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Tumpat tadi sedikit sangat dari filem-filem itu yang kesimpulannya pengajaran. Hanya semata-mata hiburan sahaja. Boleh juga filem itu pada mulanya hiburan, tetapi penghabisannya dengan pengajaran. Penyudah kesimpulannya dengan pengajaran. Bukannya erti hiduran daripada awal sampai akhir. Kalau filem-filem Melayu pula dia berkesudahan dengan mati, dukacita, menangi, sakit, makan, mati.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lain daripada itu?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, lain daripada itu pun ada juga. Tetapi itulah yang kasar. Hari ini kalau filem itu fasal mati sahaja. Jadi orang-orang menengok merasa hendak mati juga. Dengan sebab itu malas kerja. Kalau bercinta pula, putus asa. Kononnya apabila tidak boleh seorang yang bernama Zainab itu

hendak bunuh dirilah. Kononnya tidak ada perempuan lain, anak dara lain, lain daripada Zainab itu. Eloknya filem-filem itu erti kalau si Zainab itu tidak mahu, 10 lagi datang. Beri semangat semacam itu.

Dalam perniagaan pula selalunya bankrap. Rugi, bankrap, susah, merana, hala ke arah itu yang kita tuju nampaknya. Oleh itu elok Jawatankuasa yang berkenaan memberi pandangan dan nasihat kepada pengarah-pengarah filem supaya mengadakan filem-filem yang merupai pengajaran yang bersemangat, ertinya kalau filem mengenai perniagaan (business) untung sahaja, daripada modal \$10 dia boleh jadi orang kaya besar, begitu caranya. Tetapi kebanyakan daripada modal besar, daripada pejabat, office bergaya akhirnya sudah naik basikal, sudah bankrap, tunang pun lari, isteri pun lari, emak pun mati. Jadi, ini kesemuanya melemahkan semangat.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat)

Di samping itu ada pula filem-filem yang bertujuan baik tetapi tidak kena. Filem ini berada dalam Jabatan Penerangan sendiri iaitu filem ini rasa saya kalau saya sebutkan banyak, masing-masing tahu, filem ini terbalik sangat, tujuannya baik, tujuan hendak mengajar tetapi sebaliknya pula. Filem apa? Satu filem dalam televisyen selalunya disiarkan antara pukul 8.00 "Kempen Kebersihan". Filem itu mengatakan, "Jagalah Kebersihan Bandaraya kita". Mula-mula nampak kaki dahulu berjalan. Jadi orang tengok kaki apa ini, kaki sahaja. Lepas itu bungkusan daripada atas, daripada tingkat berapa, tom ke bawah, sampah itu bunyi peraut. Lepas itu ada seorang budak makan roti, mukanya itu sudahlah muka hodoh, kemudian pula anak dara makan roti; nasib anak dara mana tak tahu yang kena itu. Campak sampah itu ke tanah. Kemudian ada

pula seorang India kulit pisang pula, terup campak ke tanah. Jadi maksudnya campak sampahlah. Budak-budak kampung, orang-orang kampung kata, itulah caranya. Ertinya kalau hendak buang sampah begitulah. Maksudnya kalau kita berjalan dalam bandar kita buang sampah begitulah. Kalau orang duduk rumah tinggi begitulah cara buang sampahnya, senang sahaja. Kanak-kanak kampung pula pergi ke bandar-bandar pula, ini saya tengok sendiri.

Satu hari saya bawa seorang budak berjalan dalam bandar, anak saudara saya sendiri. Makan roti ataupun apa yang telah dibeli, tup dicampak. Saya kata, jangan campak di sini. "Eh", katanya, "Ayah Long, televisyen suruh begitu bukan?" Jadi, dia kata televisyen suruh begitu. Katanya, "Awang ada tengok budak campak begitulah". Jadi orang cerdik, orang bijak pandai faham maksudnya itu. Adakah kita fikir bahawa sanya rakyat Malaysia 14 juta ini bijak semuanya, cerdik semua macam orang dalam Dewan ini, semua orang 14 juta ini? Sedikit sahaja yang cerdik, banyak yang tidak begitu cerdik.

Oleh itu pengajaran secara ini ertinya begitulah cara buatnya. Semoleknya ini saya rasa lebih molek. Apa caranya? Seorang hisap rokok misalnya, sudah hendak habis dia ambil kotak mancis dia padamkan, dia masukkan puntong rokoknya di dalam kotak mancis. Seorang makan roti, sudah makan semua sambil berjalan di lipat-lipat kertas itu, dia masukkan dalam poketnya. Seorang misalnya ada sampah, dia duduk atas loteng dan sebagainya, dia bawa turun sendiri, masukkan dalam bakul sampah, begitulah mengajar. Tetapi cara yang ada sekarang itu, ertinya suruh buat begitulah. Sebab itulah dalam Bandaraya bergelimpangan sampah itulah dia, fasal TV mengajar suruh buat begitu. Jadi, maksud dan tujuan yang baik akan tetapi gambaran salah.

Perkara-perkara yang semacam ini patut diperbaiki.

Begitu jugalah filem-filem yang lain. Tujuan Kerajaannya baik, matlamat hasratnya ikhlas itu untuk disebarkan kepada rakyat dan sebagainya tetapi oleh kerana kurang siasat, kurang menghalusi, kurang selidiki maka keluarlah natijah-natijah dan gambar-gambar yang tidak kena pada tempatnya. Oleh yang demikian, itulah satu cadangan saya supaya pihak Kerajaan adakan jawatankuasa penapis filem-filem dan semoga filem-filem kesemuanya banyak pada kesimpulannya memberi pengajaran dan filem ke arah keagamaan.

Akhirnya sekali saya menyokong Akta ini dengan sepenuhnya. Terima kasih.

Tuan Khadri bin Sabran: (*Bangun*)

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, dijemput duduk. Sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua tadi telah menetapkan bahawa beliau akan menjemput Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjawab selepas Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus habis bercakap. Saya mohon maaf.

Saya menjemput Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjawab dan mengulung perbincangan di peringkat bacaan kali yang kedua.

4.07 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah mengatakan iaitu di dalam industri perfileman ini banyaklah cukai-cukai ataupun tax yang telah pun dikenakan yang mungkin boleh menjejaskan pengusaha-pengusaha perfileman di dalam negara kita menghadapi kerugian dan sebagainya dan telah pun memberi angka-angka kutipan daripada cukai-cukai yang berkenaan. Beliau telah mengatakan iaitu di antara 20% hingga 25% kutipan hiburan. Sukalah saya menjelaskan kutipan cukai hiburan ini ialah dikutip oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Tempatan ataupun Local Authorities dan perkara ini telah pun kita berbincang dan merujuk hal-hal ini kepada pihak yang berkenaan di Kerajaan Negeri di atas sungutan yang telah pun dibuat oleh pihak pengusaha-pengusaha perfileman di dalam negara kita ini. Apa yang telah pun dibicarakan dengan adanya kutipan sebanyak 20% hingga 25% ini tidaklah begitu menjejaskan perindustrian perfileman ini dan boleh lagi nampaknya perindustrian perfileman ini berjalan. Tetapi juga beliau telah mengatakan setengah-setengah pawagam ataupun tuan-punya panggung-panggung wayang ini telah pun menghadapi bankrap dalam tahun yang lepas sama juga tahun ini. Ini boleh dikatakan bukanlah oleh sebab cukai-cukai begitu mahal ataupun tinggi cukai-cukai yang telah dikenakan seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Kerananya keadaan sekarang ini dunia begitu sophisticated, banyak rumah-rumah ada televisyen dan banyak juga video tape, orang kita ini suka duduk di rumah duduk dengan keluarga di rumah dan tidak begitu hendakkan berjalan keluar, pergi tengok wayang. Dan juga dengan adanya tape-tape ini lebih murah lagi untuk berbelanja jikalau dibandingkan mereka pergi ke panggung-panggung wayang.

Jadi, saya rasa tidaklah dapat saya bersetuju 100% di atas berlakunya bankrap kepada pengusaha-pengusaha

atau tuan-tuan empunya panggung wayang ini oleh sebab banyaknya cukai-cukai, oleh sebab sepertimana saya sebutkan iaitu sekarang kitapun ada banyak video tape-recorder di mana wayang-wayang ataupun cerita-cerita dalam video-tape begitu banyak boleh didapati untuk ditayangkan di rumah-rumah, kita perlu kita keluar pergi tengok di panggung-panggung wayang. Tetapi saya diberitahu pula trend ini di setengah-setengah negara telah bertukar balik. Jikalau begitu mungkinlah jikalau trend ini bertukar balik iaitu mereka suka pergi tengok di panggung-panggung wayang semula, maka barangkali saya rasa yang bankrap ini tidak akan berlaku lagi pada masa-masa akan datang.

Kita telahpun mengkaji dengan adanya peraturan-peraturan yang telahpun dikeluarkan dan yang telahpun dicetak untuk dikenakan ke atas pengeluar-pengeluar, pemamir-pemamir di dalam perindustrian perfileman ini mengambil kira supaya mereka ini tidaklah begitu sakit ataupun teruk di segi kewangan. Kita tidak suka mereka ini menghadapi bankrap, kita telahpun mengambil kira dengan mengenakan bayaran-bayaran (charges) ke atas fees dan sebagainya yang kita akan kenakan.

Walau bagaimanapun, bagi pihak saya dan juga bagi pihak Perbadanan akan mengambil kira pandangan-pandangan Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar di atas cara-cara bersabit dengan cukai-cukai yang akan dikenakan di dalam perindustrian perfileman ini.

Beliau juga telahpun menyentuh bersabit dengan subsidi. Katanya di dalam kegiatan Perbadanan ini tidak ada subsidi. Memanglah benar begitu oleh sebab tidaklah menjadi hasrat pihak Perbadanan dan juga bukanlah menjadi dasar bagi pihak Kerajaan untuk memberikan subsidi. Saya rasa masa subsidi ini telahpun sampai, tidak bolehlah kita memberikan subsidi begitu

terus-menerus dan konsep ini perlulah digantikan tetapi di dalam kegiatan Perbadanan ini kita banyak memberikan kemudahan-kemudahan supaya pengusaha-pengusaha perfileman ini dapat berdiri di atas kaki mereka sendiri tatkala mereka mengusahakan di dalam permulaan perindustrian ataupun kegiatan mereka sebagai pengusaha perfileman ini seperti kita memberikan kemudahan, memberikan barangan (material), kehendak-kehendak mereka, memberikan pinjaman-pinjaman seperti alat-alat kamera, alat-alat studio, alat-alat yang mereka perlu menggunakan di dalam mereka mengusahakan perfileman ini; bermacam-macam alat-alatan yang kita sedia memberikan pinjaman dengan syarat mereka menggunakan dengan begitu baik dan memberikan jaminan tidak akan merosakkannya dan kita juga jikalau barangan atau alatan itu begitu sensitif ataupun perlu menggunakan kemahiran hendak gunakan, kita mungkin akan memberikan orang-orang ataupun technicians yang boleh menjalankan penggunaannya seperti kamera dan alat-alatan yang perlu digunakan oleh pengusaha-pengusaha ini. Barangan-barangan ini banyak sepertimana saya sebutkan termasuklah filem-filem, tempat-tempat dan juga expertise yang mungkin diperlukan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, masalah subsidi ini walaupun kita tidak begitu memberikan terus-menerus tetapi boleh dikatakan juga pertolongan kepada mereka ini untuk mereka dapat menjalankan perusahaan mereka dengan mutu yang baik, dengan cerita yang baik dengan mengikut dasar-dasar Kerajaan. Inilah dasar dan kehendak serta hasrat Kerajaan dan Perbadanan yang menggubalkan Rang Undang-undang ini dan juga dengan pindaan-pindaan yang akan dilakukan sekarang ini.

Beliau juga telah menyentuh bersabit dengan penguatkuasaan. Begitu

banyaknya beliau mengatakan iaitu kuasa-kuasa diberikan kepada pegawai-pegawai ataupun polis-polis yang mana tercatat dalam undang-undang ini, termasuklah menyiasat, menggeledah ataupun menanya, menyoal di dalam penyiasatan mereka dan boleh masuk ke rumah dan apa yang telahpun dicatat di dalam Rang Undang-undang ini boleh dikatakan telahpun ada peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang yang lain yang mana kuasa seperti di dalam Criminal Procedure Code, kita boleh katakan mengikut apa yang dilakukan oleh polis sebelum mereka masuk ke rumah dan ini tertakluk kepada prinsip-prinsip yang telahpun tercatat di dalam undang-undang besar sepertimana saya sebutkan tadi iaitu Criminal Procedure Code dan juga yang mana telahpun tercatat di dalam undang-undang Perbadanan yang lain. Boleh dikatakan kuasa-kuasa yang diberikan kepada pegawai-pegawai Perbadanan ataupun pegawai-pegawai yang telahpun diberikan authority oleh Menteri adalah tertakluk dengan kuasa yang mereka perlu jagai dan tidak boleh berlawanan dengan apa yang tercatat di dalam Perlembagaan seperti hak-hak asasi manusia dari segi kebebasan-kebebasan yang tercatat di dalam Perlembagaan.

Jadi, jikalau ada penyalahgunaan kuasa ini ada tempatnya yang boleh mereka mengadu dan membawa tindakan dan juga bagi pihak saya sungguhpun tidak ada satu forum di dalam undang-undang ini yang boleh sesiapa yang telahpun disiksa ataupun menjadi mangsa kepada salahguna kuatkuasa ini tetapi saya sukalah mengatakan iaitu mereka boleh merayu kepada saya dengan tidak mengikut undang-undang supaya saya boleh membuat penyiasatan yang teliti mengenai apa yang telahpun didakwa oleh mereka itu tetapi ada hak-hak mereka, orang yang telah menjadi mangsa kepada salahguna kuatkuasa ini untuk mendakwa seperti yang tercatat di dalam undang-undang kita pergi ke

mahkamah seperti Undang-undang Forced Imprisonment dan sebagainya, ini adalah boleh diambil oleh pihak yang menjadi mangsa (victim) kepada salahguna kuatkuasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan tidaklah menjadi curiga sangat, saya rasa tidak ada langsung kecurigaan di atas salahgunanya kerana ada redress, dengan izin, untuk mereka ini membuat tuntutan jikalau betul-betul salahguna yang dibuat oleh sesuatu pihak yang berkuasa mengikut undang-undang ini. Badan rayuan ini walaupun sepertimana yang saya sebutkan tadi boleh dan daya sanggup mendengar dan memberikan telinga saya kepada apa sahaja rayuan yang dibuat oleh sesiapa yang telahpun menjadi mangsa kepada salahguna kuatkuasa ini.

Saya mengucapkan terima kasih di atas tahniah yang diberikan oleh beliau kepada perbadanan ataupun rangka Rang Undang-undang ini bersabit dengan filem subjek ringkas. Saya suka mengatakan dengan tujuan kita supaya filem subjek ringkas ini akan didedahkan dan dipamerkan seberapa luasnya yang boleh dan kita akan berkehendakkan iaitu di panggung-panggung wayang akan menunjukkan sebelum satu-satu filem yang prinsipal ditayangkan. Barangkali dua atau tiga filem ringkas ini akan ditayang, akan dimestikan akan diperlukan oleh pihak kita supaya mereka menunjukkan.

Dengan ini juga saya rasa pengeluaran-pengeluar filem boleh mendapatkan sedikit sebanyak sambutan dan memberikan galakan kepada mereka yang mula-mula mencebur diri di dalam industri perfileman ini. Tentulah juga saya rasa RTM akan juga bekerjasama dengan kita menayangkan dengan seberapa luasnya untuk filem subjek ringkas ini didedahkan di dalam televisyen supaya penduduk-penduduk di serata tempat di negara kita ini dapat menikmati filem-filem subjek ringkas

ini. Bagi pihak saya, saya suka mengatakan iaitu kita akan memberikan kerjasama dan mendesak pihak yang berkenaan mempamerkan filem-filem subjek ringkas ini dengan seberapa luas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tumpat telahpun menyentuh bersabit dengan supaya filem-filem ini ada dan sesuai dengan dasar Kerajaan kita untuk dari segi kebudayaan, kebangsaan dan keutuhan perpaduan negara, kerana beliau telah mengatakan media filem ini adalah sangat penting. Itu saya tidak nafi dan saya bersetuju sangat dan kita berharap banyakkah orang kita akan dapat mengeluarkan cerita-cerita ataupun menulis buku-buku yang boleh kita tukarkan kepada filem dan sebagainya dengan membawakan unsur-unsur kebudayaan kebangsaan supaya perpaduan kita akan mengukuhkan keutuhan negara, ketahanan negara seperti dikehendaki oleh Kerajaan.

Maka dengan ini saya suka mengatakan barangkali Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini mungkin akan dapat menyumbangkan cerita-cerita dan dapat menuliskan cerita-cerita. Baik juga saya rasa dari segi ugama seperti mana Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus telahpun berkata yang boleh membangkit dan memberi teladan bersabit dengan unsur-unsur ugama. Saya rasa Yang Berhormat lebih lagi begitu pakar dari segi kebudayaan, boleh membuat cerita-cerita. Saya suka menggalakkan Yang Berhormat kemungkinan satu ketika barangkali tahun depan, ataupun sebulan yang akan datang ini cerita-cerita yang apa telahpun diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Tumpat dan Kuala Nerus dapat ditayangkan di dalam televisyen dan cerita-cerita yang akan dikeluarkan oleh perusahaan-perusahaan perfileman kita.

Saya merayulah kepada penulis-penulis, pengarang-pengarang supaya

mendapatkan cerita-cerita yang boleh memberikan kebaikan kepada negara, kebudayaan kebangsaan kita, keutuhan negara dan sebagainya. Tentulah nilai-nilai negatif ini seberapa yang boleh kita patutlah tolak daripada ditayang. Tetapi sukalah saya menyatakan kadangkala banyak pengeluar-pengeluar, pengusaha-pengusaha filem ini semata-mata mengeluarkan satu-satu filem di atas objektif ataupun tujuan hiburan dengan tidak ada tujuan untuk seperti kebaikan ugama, keutuhan negara dan sebagainya. Ini tidak boleh dinafikan ada setengah-setengah pengarang yang semata-mata di atas hiburan sahaja kerana kadangkala ada orang-orang yang ada dalam dunia ini dia tidaklah semacam semua. Ada setengah suka tengok cerita "cow-boy". Saya pun tidak nafilah saya suka sangat tengok cerita "cow-boy" kerana kalau kita banyak kerja, kita tengok cerita "cow-boy" ini, peng! peng! peng! action sahaja, inipun kalau ada masalah-masalah di pejabat pun hilang dalam masa kita menengok itu. Inilah menjadikan satu relaxation juga. Kita kadangkala itu susah hendak memberikan 100% kehendak-kehendak penduduk-penduduk dalam satu negara kerana bermacam-macam hasrat dan kesukaan mereka ini. Seberapa yang boleh kita cuba ikhtiar. Kita tidak boleh lari daripada dasar-dasar Kerajaan yang mana unsur ugama ini menjadi penting kepada umat-umat Islam, orang Melayu yang ada dalam negara kita ini supaya mengeluarkan cerita-cerita khususnya cerita Melayu dengan adanya kebaikan kepada keugamaan. Sama juga dari segi untuk keutuhan negara, kita harapkan kepada pengarang-pengarang akan mengeluarkan cerita-cerita yang boleh memberikan teladan, kebaikan negara, perpaduan negara, keutuhan negara dan sebagainya.

Kita harap unsur malas, menung ini kalau boleh kita tukarkan kepada satu-satu cerita atau unsur-unsur yang memberikan kebaikan. Kadangkala juga saya ditanya kenapa banyak sangat

cerita-cerita ini banyak kekerasan "shooting" dan sebagainya. Kita lihat kadangkala dalam cerita itu kalau terlalu banyak saya rasa tidak bersetuju juga. Tetapi akhirnya orang yang menggunakan kekerasan ini, penjenayah-penjenayah di dalam cerita-cerita ini akhirnya kena tangkap, kena jel, kena bunuh ataupun kemalangan, akhirnya dia seksa juga. Ada dikatakan, dengan izin, dalam bahasa Inggeris, "Crime does not pay". Inilah moral di dalam cerita-cerita yang semacam itu. Oleh sebab kadangkala kesukaan manusia di dalam dunia ini berbeza dan berlainan, kadangkala ada juga cerita-cerita semacam itu keluar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Nerus yang mana beliau telahpun mengatakan supaya cerita-cerita ini adalah mengadakan nilai-nilai Islam. Saya telahpun sebutkan tadi perlulah kita mengingat iaitu dari segi ini kadangkala cerita-cerita ini, kita berkehendakkan orang-orang yang pandai dari segi ugama Islam. Barangkali Yang Berhormat dari Kuala Nerus boleh memberikan pandangan-pandangan, cara manakah dan menulis cerita-cerita mungkin memberikan sumbangan supaya cerita-cerita ini seperti mana saya sebutkan tadi boleh ditayangkan dalam cerita-cerita baikpun dalam filem subjek ringkas ataupun filem subjek panjang. Kita berkehendakkan bermacam-macam pengarang yang boleh memberikan sumbangan untuk kebaikan negara, keutuhan negara dan keresilient negara, ketahanan negara. Maka dengan itu kadangkala cerita-cerita ini moral dan mutunya tidak begitu tinggi dan pandangan-pandangan daripada beberapa orang pengarang-pengarang mungkin dapat menambahkan lagi isu-isu bersabit dengan unsur-unsur Islam ini dipamer dan ditunjukkan kepada orang-orang khususnya orang Melayu yang beragama Islam yang mana dapat pula memberikan teladan.

Beliau telah juga mengatakan kadangkala apa yang ditunjuk di dalam TV mungkin tujuannya baik tetapi pada realitinya tidak begitu oleh sebab sepertimana beliau telah mengatakan budak-budak di kampung apabila melihat seperti kata Yang Berhormat dari Kuala Nerus membuang sampah itulah cara orang di bandar yang duduk di flat-flat yang tinggi membuang sampah. Saya rasa perkara ini barangkali RTM dan juga Kementerian Penerangan akan mengambil perhatian cara persembahan itu kemungkinan tidaklah betul dan menunjukkan perkara yang baik sepertimana Yang Berhormat telah berkata iaitu membuang rokok itu pada tempat yang sebenarnya dan sebagainya. Ini mungkin akan dapat diperhatikan kepada budak-budak yang tidak begitu tinggi pemikirannya boleh mengetahui dengan jelas cara-cara hendak membuang sampah dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Kementerian Penerangan, kalau tidak ada Menteri di sini, pegawai-pegawainya akan mengambil perhatian. Kalau tidak ada, saya akan memberitahu kepada pihak Kementerian Penerangan di atas cara persembahan yang telah pun ditegurkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi tentang persembahan kerana mungkin salah fahaman kepada budak-budak.

Bersabit dengan Jawatankuasa Penapis Filem, sebenarnya Jawatankuasa Penapis Filem ini telah pun ada dan cara mereka meluluskan adalah dengan saya rasa juga mengambil kira dari segi keagamaan, dan mengikuti juga dasar-dasar kesesuaian dengan dasar-dasar Kerajaan termasuklah saya rasa unsur-unsur agama dan sebagainya yang boleh memberikan keburukan tentulah saya rasa tidak akan diberikan lesen, diberikan sijil untuk dipamerkan kepada orang ramai, public.

Betullah kadangkala mulanya kebanyakan dengan hiburan ataupun 100% dengan hiburan dan perlu jugalah kita mengadakan ajaran kerana melalui filem-filem dan juga TV ini mungkin kita dapat mengajarkan orang kita seperti berdisiplin, beragama lebih kuat lagi dan sebagainya. Dan juga perniagaan katanya ada yang bankrupt ini tidak perlu ditunjuk kerana ini tidak akan menggalakkan mereka yang begitu cenderung untuk berusaha di dalam perindustrian perfileman.

Perkara ini sepertimana yang saya sebutkan tadi tentulah saya rasa cara persembahan itu biarlah apa yang buruk itu menjadikan satu teladan yang tidak patut kita menurut ataupun meniru buatan-buatan yang semacam itu. Dengan sebaliknya perkara yang buruk itu kepada mereka yang melihat akan menjadikan satu pengajaran ataupun teladan mereka supaya tidak meniru dan tidak menjadikan satu ajaran untuk mereka meniru pula.

Tuan Yang di-Pertua, seberapa yang telah pun ditegurkan oleh Yang Berhormat yang ketiga itu, saya telah pun cuba membuat jawapan dan sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat di atas Rang Undang-undang ini dan dengan itu saya sekali mencadangkan Rang Undang-undang ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Terima kasih, Yang Berhormat Mulia. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

4.37 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh Seksyen Kecil (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 44) 1983;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 46) 1983;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 47) 1983;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 48) 1983;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 49) 1983;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 50) 1983;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 51) 1983;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 52) 1983;

(ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1984;

(x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1984;

(xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1984;

(xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1984;

(xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1984;

(xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 1984.

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35 dan 36 tahun 1984 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 44) 1983 adalah bertujuan untuk memansuhkan duti eksport sebanyak 5% *ad valorem* ke atas "common clay bricks" di bawah No. Kepala Tarif 69.04 000. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan kos eksport dan dengan itu menggalakkan pengeksporan keluaran berkenaan.

Bagi memberi perlindungan tarif tambahan ke atas peti televisyen yang bersaiz lebih daripada 41.6 cm Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 46) 1983 mencadangkan supaya duti import ke atasnya dinaikkan daripada 40% kepada 50%. Dengan langkah ini, pengeluar-pengeluar televisyen tempatan dapat bersaing dengan televisyen-televisyen yang import.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 47) 1983 adalah bertujuan untuk menghapuskan duti import ke atas, dengan izin, "portable generating sets, of up to 1 kw". Langkah ini diambil memandangkan bahawa "generating set" yang sedang dikeluarkan di negara kita ini hanya melalui operasi pemasangan yang mudah sahaja dan tidak mempunyai nilai tambahan yang tinggi. Lagi pula "generating set" yang

kecil ini banyak digunakan oleh golongan yang berpendapatan rendah terutama sekali penjaja-penjaja di pasar-pasar malam.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 48) 1983 bertujuan mengurangkan duti import ke atas "colour", "mathematical set" dan "set square/protractor of a kind normally used in schools. Penurunan kadar perlindungan tarif ini adalah untuk membolehkan kanak-kanak sekolah mendapatkan alat-alat ini dengan harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 49) 1983 pula adalah bertujuan untuk mengenakan duti spesifik iaitu sebanyak \$4.40 se kg. di samping duti *ad valorem* 25% yang mana lebih tinggi ke atas "stainless steel cutlery" sebagai langkah untuk memberi perlindungan tarif yang lebih kepada syarikat pengeluar tempatan. Dengan langkah ini, adalah diharapkan pengeluar-pengeluar tempatan dapat bersaing dengan barangan yang sama yang diimport.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 50) 1983 bertujuan untuk menghapuskan 5% duti eksport atas "corrugated sheet, roofing, facing and partition sheet and pipes" yang diperjeniskan di bawah Kod Tarif No. 68.12 110, 120 dan 130 kerana pada masa ini bekalan bahan-bahan tersebut adalah berlebihan di dalam negeri. Dengan penghapusan ini adalah diharapkan pengeksporth barang-barang ini akan dapat bertanding di dalam pasaran antarabangsa.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 51) 1983 bertujuan memecahkan kod tarif bagi jaring ikan dan memansuhkan duti import ke atas jaring ikan yang di bawah kod tarif No. 59.05 100, 120 dan 190. Langkah ini diambil bagi mengurangkan kos mengimport jaring ikan yang tidak ada dikeluarkan di negeri ini dan dengan itu membolehkan nelayan-nelayan memberi jaring-jaring

berkenaan dengan harga yang perpatutan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 52) 1983 adalah bertujuan untuk mengadakan Kepala Tarif baru iaitu 17.02 300 bagi "liquid glucose" dengan mengekalkan duti import yang sedia ada iaitu 15 sen se kg. Langkah ini adalah diambil untuk membolehkan pengenaan larangan import khusus untuk "liquid glucose" dengan tujuan untuk memberi perlindungan yang berkesan kepada keluaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah berikutnya ialah Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1984. Perintah ini bertujuan untuk memansuhkan perkataan 7.5 kw bagi "stationary diesel engine" di bawah kod tarif 84.06 610 dan 620 dan diganti dengan perkataan 40 kw. Langkah ini diambil bagi mengatasi masalah pelarian cukai yang sedang dialami oleh setengah daripada pengimport enjin diesel ini. Dengan pindaan ini enjin diesel yang tidak melebihi 40 kw akan dikenakan duti import sebanyak 25%. Di samping mengatasi masalah pelarian cukai, tindakan ini akan memberi perlindungan yang lebih berkesan kepada pengeluar enjin diesel tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1984 pula adalah bertujuan mengujudkan beberapa kod tarif dan mengenakan duti import ke atas bahagian-bahagian komponen mesin jahit seperti "flywheel, belt guard, stand with or without frame" dan "treadle/pedal" yang mana bahagian-bahagian komponen tersebut adalah dikeluarkan oleh industri mesin jahit tempatan. Duti import yang dikenakan merupakan perlindungan tarif yang akan menggalakkan penambahan kandungan tempatan di dalam pembuatan mesin jahit yang dikeluarkan di negeri ini terutamanya mesin jahit "straight stitch".

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1984 adalah bertujuan menyingkikan kadar duti import dan memecahkan kod tarif bagi "bibcocks, stopcocks, pillartaps" dan "valves". Langkah ini akan membolehkan perlindungan yang lebih berkesan dapat diberi kepada industri ini dan di samping itu juga akan dapat memudahkan pentadbiran Jabatan Kastam. Langkah ini juga tidak akan membebankan para pengguna dengan duti ke atas barangan yang tidak dikeluarkan di negeri ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1984 bertujuan untuk memansuhkan kod tarif 23.04 000 dan mewujudkan dua kod tarif baru iaitu 23.04 611 dan 23.04 619. Ini dibuat bagi menghapuskan duti eksport ke atas "palm kernel pallets" dan mengenakan 5% duti eksport ke atas bahan yang sama selain dari "palm kernel pallets". Penghapusan duti ini perlu bagi membolehkan pengeksport "palm kernel pallets" ini bertanding di pasaran antarabangsa memandangkan bahan tersebut tidak ada permintaan di dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1984 adalah bertujuan untuk mengatasi kekeliruan mengenai diskripsi "generating set" di bawah kod tarif 85.01 412 dan 85.01 420. Dengan pindaan ini kod tarif 85.01 412 hanya akan merangkumi, dengan izin, "generating set of over 1 kw but not more than 60 kw" dan kod 85.01 420 pula akan merangkumi "generating set of over 60 kw but not more than 120 kw."

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1984 adalah bertujuan meminda diskripsi bagi "ballast for fluorescent lamps" di bawah kod tarif 85.01 911 dengan memansuhkan perkataan "fluorescent" dan mengenakan duti import pada kadar *ad valorem* 25% di samping mengekalkan duti spesifik sebanyak \$2

tiap-tiap satu, mengikut mana yang lebih tinggi. Langkah ini diambil bagi memberi perlindungan kepada perusahaan "ballast" tempatan yang kini telah mampu mengeluarkan bahan ini untuk lampu di rumah dan di jalan-jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 44) 1983;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 46) 1983;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 47) 1983;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 48) 1983;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 49) 1983;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 50) 1983;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 51) 1983;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 52) 1983;

- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1984;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1984;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1984;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1984;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1984;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1984,

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas Statut bil. 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35 dan 36 tahun 1984 disahkan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 44) 1983;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 46) 1983;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 47) 1983;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 48) 1983;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 49) 1983;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 50) 1983;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 51) 1983;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 52) 1983;

- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1984;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1984;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1984;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1984;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1984;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1984,

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas Statut bil. 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, dan 36 tahun 1984 disahkan.

AKTA EKSAIS, 1976

**Perintah Duti Eksais (Pindaan)
(No. 2), 1983**

**Perintah Duti Eksais (Pindaan)
(No. 3), 1983**

4.54 ptg.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh seksyen kecil (2) di dalam Seksyen 6, Akta Eksais 1976 Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1983;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3) 1983,

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas Statut bil. 37 dan 38 tahun 1984 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1983 adalah bertujuan untuk membatalkan

perkataan-perkataan "packed in containers" bagi gas-gas petroleum dan lain-lain gas haidrokarbon yang terdapat di dalam butiran 4.17 Perintah Duti Eksais 1981. Pembatalan ini dibuat kerana perkataan tersebut telah menimbulkan kekeliruan kepada Jabatan Kastam dalam mentadbirkan kutipan duti ke atas gas-gas berkenaan.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3) 1983 pula bertujuan memansuhkan duti eksais ke atas peti TV yang bersaiz 41.6 cm dan ke bawah. Langkah ini perlu bagi membolehkan TV yang bersaiz 41.6 cm dan ke bawah dijual kepada harga yang berpatutan di samping menggalakkan pengeluaran TV saiz ini di negara ini kerana tidak lagi tertakluk kepada duti eksais.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan:

Bahawa majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 6 Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1983;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3) 1983,

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas Statut bil. 37 dan 38 tahun 1984 disahkan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 6 Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1983;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3) 1983,

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas Statut bil. 37 dan 38 tahun 1984 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG ELEKTRIK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.57 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Elektrik 1949 dan juga Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 dan mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda beberapa peruntukan tertentu dalam Akta Elektrik 1949 serta juga meminda beberapa peruntukan dalam Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah perlu untuk memperkemaskan lagi peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam kedua-dua Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun peruntukan-peruntukan yang tertentu itu telahpun dimansuhkan daripada

Akta Elektrik 1949, iaitu apabila berkuatkuasanya Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 pada 1hb Januari, 1984, namun masih lagi terdapat beberapa peruntukan di bawah seksyen-seksyen tertentu dalam Akta Elektrik 1949 yang mengandungi perkara-perkara berhubung dengan tugas-tugas dan juga bidangkuasa Akta Jemaah Elektrik 1983. Oleh yang demikian, peruntukan-peruntukan ini perlulah dipinda sewajarnya untuk mengelakkan salahfaham orang ramai terhadap bidangkuasa kedua-dua Akta tersebut.

Secara amnya, Rang Undang-undang (Pindaan) ini dapatlah dibahagikan kepada 2 bahagian, iaitu:

- (1) Pindaan-pindaan kepada Akta Elektrik 1949 yang melibatkan tugas-tugas dan juga bidangkuasa Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 serta beberapa pindaan lain yang bertujuan untuk memperkemaskan lagi peruntukan-peruntukan dalam Akta Elektrik 1949;
- (2) Pindaan-pindaan kepada Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 yang juga bertujuan untuk memperkemaskan lagi peruntukan yang terdapat dalam Akta itu.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ke atas Akta Elektrik 1949 ini adalah didapati perlu untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan dalam Akta itu tidak bertindih dengan Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 dari segi tugas-tugas dan bidangkuasa masing-masing.

Pindaan-pindaan yang dimaksudkan itu ialah untuk memansuhkan peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta Elektrik 1949 yang ada kaitan dengan tugas-tugas, tanggungjawab dan

juga bidang kuasa pemeriksaan elektrik kerana tugas-tugas ini telahpun dipindahkan dari Lembaga Letrik Negara kepada Jabatan Jemaah Pemeriksa Elektrik yang telahpun diwujudkan pada 1hb Januari, 1984. Pindaan-pindaan yang telah dicadangkan bagi maksud ini melibatkan seksyen-seksyen seperti yang diterangkan dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini dan juga Jadual Keempat Akta Elektrik 1949. Di samping itu beberapa seksyen baru telah dicadangkan iaitu melibatkan seksyen-seksyen 44A dan 44B kepada Akta tersebut.

Berhubung dengan lain-lain pindaan kepada Akta Elektrik 1949 ingin saya memaklumkan bahawa pihak Lembaga Letrik Negara pada masa ini sentiasa menghadapi berbagai masalah dalam usahanya untuk mendapatkan izin lalu bagi mendirikan talian-talian penghantarannya. Masalah-masalah ini jika tidak diatasi dengan segera akan mengakibatkan projek-perojek Lembaga Letrik Negara tidak dapat dilaksanakan dalam jangka masa yang telah diperlukan. Ini secara tidak langsung pula akan menjejaskan usaha pembangunan negara. Satu daripada masalah yang timbul berhubung dengan perkara ini ialah berkait rapat dengan kelemahan peruntukan yang sedia ada dalam Akta Elektrik 1949. Secara ringkasnya subseksyen (2) hingga (9) seksyen 53 Akta Elektrik 1949 menggariskan tentang procedure yang harus dilalui oleh Lembaga Letrik Negara dalam usahanya untuk mendapatkan izin lalu.

Mengikut peruntukan sekarang, subseksyen (1) hingga (9) seksyen 53 telah memberi kuasa kepada pihak Berkuasa Negeri untuk membuat keputusan tertentu semasa di dalam proses untuk mendapatkan izin lalu. Dari pengalaman Lembaga Letrik Negara procedure seperti itu sedikit sebanyak telah menggendalakan pelaksanaan projek-projeknya kerana ianya didapati

memakan masa yang lama untuk diselesaikan. Oleh itu pindaan-pindaan tertentu ke atas subseksyen-subseksyen (2) hingga (7) serta juga mengadakan sub-seksyen baru (9A) bagi seksyen 53 telah dicadangkan. Pindaan-pindaan ini antara lain adalah untuk membuat sedikit pindaan ke atas procedure yang harus dilalui oleh Lembaga Letrik Negara dalam memperolehi izin lalu itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari pindaan-pindaan ke atas Akta Elektrik 1949 ini, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan beberapa pindaan kecil ke atas Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 yang bertujuan untuk memperkemaskan lagi peruntukan-peruntukan dalam Akta itu. Pindaan-pindaan ini melibatkan seksyen-seksyen 2, 27 dan 38 serta juga mengadakan satu seksyen baru 9A. Seksyen baru ini diadakan untuk memberi kuasa kepada pelesen-pelesen awam iaitu dengan kebenaran pihak Berkuasa Negeri untuk memasuki tanah-tanah Kerajaan Negeri bagi memasang talian-talian pembekalan dan kelengkapan bagi maksud pemasangan awam.

Memandangkan kedudukan yang dinyatakan itu, Tuan Yang di-Pertua, maka difikirkan perlu bagi Rang Undang-undang ini dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini untuk memastikan bahawa percangahan bidang kuasa di antara Akta Elektrik 1949 dengan Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 tidak akan berbangkit dan masalah-masalah berhubung dengan izin lalu itu akan dapat dikurangkan walaupun tidak dapat diatasi sepenuhnya.

Dengan ini, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Elektrik 1949 dan Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 31 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN—PERSENDIRIAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.08 ptg.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu suatu

Akta untuk membuat peruntukan bagi seseorang meminta, memungut dan menyimpan tol berkenaan dengan jalan, jambatan atau feri Persekutuan, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, semenjak merdeka Kerajaan telah membelanjakan beribu juta ringgit terhadap pembinaan infrastruktur terutama sekali jalan raya di negara ini. Perbelanjaan itu telah dibuat untuk mengadakan infrastruktur yang baik dan lengkap untuk tujuan pembangunan negara. Bukan sahaja jalan-jalan raya dan jambatan-jambatan yang sudah ada telah dibaiki dan ditinggikan lagi tarafnya, juga banyak perbelanjaan telah dibuat terhadap pembinaan jalan-jalan raya dan jambatan dan perbelanjaannya meningkat dari satu rancangan pembangunan ke satu rancangan-rancangan yang lain.

Umpamanya dalam Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$1,549 juta telah dibelanjakan bagi pembinaan jalan-jalan raya dan jambatan-jambatan dan dalam Rancangan Malaysia Keempat sebanyak \$2,356 juta telah dikhaskan untuk maksud yang sama. Hasil daripada perbelanjaan-perbelanjaan itu pihak Kerajaan telah dapat menyiapkan 5,940 kilometer jalan raya baru dan dengan itu perhubungan dari satu tempat ke satu tempat yang lain melalui jalan raya di negara ini telah menjadi bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, seperti ternyata dalam angka-angka yang disebutkan tadi adalah amat sukar bagi pihak Kerajaan menampung perbelanjaan-perbelanjaan terhadap pembinaan jalan-jalan baharu yang semakin meningkat dari satu rancangan pembangunan ke satu rancangan pembangunan yang lain.

Oleh yang demikian sumber-sumber lain perlu dikaji untuk menemui perbelanjaan seperti itu. Perkara ini telah menjadi penting memandangkan keadaan ekonomi negara yang telah meleset semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat. Di negara-negara membangun Kerajaan-kerajaan mereka telah mengadakan alternative line dan sesuai untuk menemui perbelanjaan terhadap pembinaan jalan raya yang baharu. Selaras dengan dasar Kerajaan untuk melibatkan sektor swasta di dalam pembinaan projek-projek Kerajaan.

Kementerian saya menganggap perlunya diadakan satu undang-undang yang membolehkan pihak Kerajaan mengswastakan pembinaan jalan raya-jalan raya. Dengan pengswastaan itu beban kewangan Kerajaan yang semakin meningkat itu bagi membina jalan raya-jalan raya di negeri ini akan dapat dikurangkan.

Rang Undang-undang ini dicadangkan untuk membolehkan Menteri yang bertanggungjawab memberi hak kuasa kepada mana-mana orang yang telah bersetuju untuk membina, untuk membina semula, meningkat, membaiki atau menyelenggara mana-mana jalan, jambatan atau feri Persekutuan untuk meminta, memungut dan menyimpan tol ke atas jalan, jambatan atau feri Persekutuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan mengadakan Rang Undang-undang ini ialah untuk membolehkan Kerajaan melibatkan sektor swasta di dalam pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan, jambatan atau feri Persekutuan. Selaras dengan konsep pengswastaan yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baharu-baharu ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia setakat ini, Kerajaan belum ada lagi cadangan tertentu yang bertujuan bagi

melaksanakan konsep pengswastaan jalan raya tersebut.

Dengan adanya Rang Undang-undang seperti ini Kerajaan khususnya Kementerian Kerjaraya akan dapat melaksanakan konsep pengswastaan Kerajaan ini dengan lebih giat dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya sekarang menghuraikan isi kandungan tiap-tiap Fasal yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 Rang Undang-undang ini memberi peruntukan kepada Menteri yang bertanggungjawab mengenai kerjaraya melalui perintah yang ditawarkan. Memberi kuasa kepada mana-mana orang yang telah bersetuju untuk membina semula, meningkat, membaiki atau menyelenggara mana-mana jalan, jambatan atau feri Persekutuan untuk meminta, memungut dan menyimpan tol ke atas jalan, jambatan atau feri Persekutuan itu.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini membolehkan mana-mana orang yang diberi kuasa meminta, memungut dan menyimpan tol dibenarkan memanggil orang di mana-mana tempat, di mana tol akan dibayar.

Fasal 4 Rang Undang-undang ini berkehendakkan mana-mana orang yang telah diberi kuasa itu menyelenggara akaun-akaun dan lain-lain rekod yang berkaitan dengan pembayaran dengan pungutan tol sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri berkenaan.

Fasal ini juga menghendaki pihak yang diberi kuasa itu memberi kepada Menteri maklumat, penyata-penyata dan akaun-akaun yang diperlu oleh Menteri berkenaan dengan pembayaran dan pungutan tol.

Fasal ini juga mewajibkan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri berkenaan, memeriksa atau meneliti mana-mana akaun, rekod-rekod, dokumen-dokumen, jentera-jentera dan atau alat-alat yang diselenggara atau digunakan bagi pembayaran atau pungutan tol tersebut.

Fasal 5 Rang Undang-undang ini berkehendakkan orang-orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol menyelenggara menurut amalan-amalan kejuruteraan yang baik ke atas jalan, jambatan atau feri yang terlibat dengan tol tersebut.

Fasal 6 Rang Undang-undang ini bertujuan memberi Kerajaan Malaysia immunity daripada liabilities kepada mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa kecederaan, kerosakan atau kehilangan mengenai perintah apa-apa jua pun yang timbul daripada kegagalan orang-orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol.

Tuan Yang di-Pertua, sekian secara ringkas isi kandungan Fasal-fasal di dalam Rang Undang-undang ini.

Saya harap dengan penuh keyakinan bahawa dengan adanya Rang Undang-undang ini hasrat Kerajaan Persekutuan untuk melibatkan sektor swasta di dalam pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan, selaras dengan konsep pengswastaan Kerajaan akan dapat dimulakan dan diakhirnya mencapai matlamat yang dimaksudkan.

Dengan itu saya mencadangkan Rang Undang-undang mengenai Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi seseorang untuk meminta, memungut dan menyimpan tol berkenaan dengan jalan, jambatan atau feri Persekutuan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

5.18 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang baharu sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Saya rasa Rang Undang-undang ini tidak banyak menimbulkan masalah, tetapi apa yang menimbulkan masalah ialah jalan-jalan yang hendak dikenakan tol.

Tuan Yang di-Pertua, memang pada dasarnya bayaran tol yang dikenakan dan yang akan dikenakan itu tidak membebankan pengguna-pengguna jalan raya, oleh kerana bayaran tol yang dikenakan tidaklah terlampau tinggi. Dan sehingga ini jalan-jalan yang dikenakan tol tidak menjadi punca sungutan orang ramai, apa yang dikenakan punca sungutan orang ramai adalah bukan bayaran yang dikenakan, tetapi jalan, mutu jalan yang dibina.

Keadaan iklim di Malaysia ini begitu rupa, setahun sekali terdedah kepada musim tengkujuh di mana jalan-jalan raya akan ditenggelami air dan selepas musim tengkujuh maka jalan-jalan yang

dahulu elok telah menjadi rosak berlubang-lubang dan pecah-pecah.

Ada dua perkara yang mesti saya sentuh mengenai perkara ini. Yang pertama ialah mutu jalan-jalan yang kita bina. Apabila kita bercakap tentang mutu, ini ada perkaitannya dengan teknologi. Soal saya ialah apakah kita belum mempunyai suatu teknologi yang cukup untuk membina suatu jenis jalan yang tahan kena banjir yang tidak mudah rosak dan yang tidak perlu diperbaiki setiap tahun. Dan kalau tidak ada teknologi itu, apakah langkah yang patut dibuat oleh Kementerian untuk mendapatkan teknologi ini?

Soal ini ada perkaitannya dengan perkara yang kedua iaitu usaha memperbaiki jalan-jalan yang rosak. Setiap tahun belanja untuk memperbaiki jalan-jalan yang rosak adalah tinggi. Dan kalau belanja "maintenance" itu dikumpulkan, saya fikir kita cukup wang untuk membina suatu jalan yang tahan lasak sebarang musim.

Masalahnya kadang-kadang kita mengorbankan mutu supaya kita tak banyak perbelanjaan membina jalan dan kita lebih berhemat atau lebih berminat untuk memperbaiki jalan-jalan itu selepas rosak. Maksud saya kepada perkara kedua, apabila jalan-jalan rosak usaha untuk memperbaiki jalan itu mengambil masa yang amat panjang. Dan dalam masa jalan-jalan rosak dan jalan-jalan diperbaiki semula pengguna-pengguna jalan raya menderita kesengsaraan bukan sahaja tak selesa tetapi juga kereta-kereta mereka mungkin rosak, cermin-cerminnya pecah kerana batu berterbangan dan sebagainya.

Contoh yang paling baik saya boleh kemukakan dua jalan. Pertama ialah jalan Federal Route II daripada Karak ke Kuantan. Selepas musim banjir, sepanjang-panjang jalan daripada Karak ke Kuantan, pecah-pecah dan

berlubang-lubang dan setiap kali saya lalu di situ, saya bersua dengan kereta-kereta yang pecah cerminnya oleh kerana batu yang berterbangan apabila berselisih dengan lori, bas dan sebagainya.

Keadaan ini mencerminkan suatu hal yang tidak menarik bahawa pihak Jabatan Kerjaraya perlu mengambil berat, perlu berbuat sesuatu dengan segera supaya tidak menjadi sungutan kepada pengguna-pengguna jalan raya dan kalau kita terpaksa mengembara memandu kereta selama 3½ - 4 jam daripada Karak ke Kuantan sehingga ke sempadan negeri Terengganu, di sepanjang jalan itu pemandu-pemandu kereta bersungut dan marah kepada Jabatan Kerjaraya.

Saya rasa Jabatan Kerjaraya perlulah membuat sesuatu dengan cepat untuk memperbaiki keadaan ini. Ini akan memberi suatu refleksi yang amat buruk terhadap efficiency Jabatan Kerjaraya dan alat-alat Kerajaan seluruhnya dalam memberikan perkhidmatan yang baik dan cekap kepada rakyat.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah 2 bulan atau sebulan lebih kemarau tetapi apa yang dibuat nampaknya di tempat-tempat yang berlubang-lubang ditampal-tampal, kemudian apabila kereta lalu seminggu kemudian pecah balik tempat yang ditampal itu dan kemudian pihak Jabatan Kerjaraya tampal balik dan pecah balik, begitulah seterusnya.

Kalau kita hendak mengenakan tol supaya orang ramai membayar duit daripada Kuala Lumpur untuk melalui Jalan Karak, saya rasa tak ada maknanya apa-apa. Berapa ramai sangat orang daripada Kuala Lumpur akan bawa kereta dan berhenti setakat Karak. Destinasi dia yang sebenar ialah melebihi daripada Karak iaitu daripada Kuala Lumpur ke Kuantan, ke Terengganu dan ke Kelantan. Tetapi

apabila dia melalui Jalan Karak dengan adanya tol itu yang akan dikenakan menurut cadangan ini, dia hanya lalu selama 45 minit sahaja jalan-jalan yang elok, tetapi 3 jam atau 4 jam selepas itu dia akan melalui jalan yang berlopolopok, pecah-pecah dan sebagainya.

Jadi mereka terpaksa bayar juga tol itu tetapi dengan hati yang berat. Saya berharap sebelum Jalan Kuala Lumpur/Karak itu dikenakan tol pihak Kementerian yang berkenaan perlulah memperhatikan keseluruhan Federal Route II dan juga Federal Route III, iaitu daripada Kuantan ke Kuala Terengganu, dijaga dan dimaintain dengan keadaan yang elok supaya tidak menimbulkan perasaan tidak puas hati kepada pengguna-pengguna jalan raya yang terpaksa membayar tol itu nanti. Begitu juga jalan-jalan raya yang ada sekarang daripada Karak ke Kuantan masih lagi belum di "improve" atau diperbaiki dari segi "alignment" nya. Kebanyakan tempat masih lagi bengkok-bengkok yang berbahaya, masih lagi "Sempit" di setengah-setengah tempat masih lagi terdapat jambatan-jambatan yang lama. Kalau berselisih.....

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat, saya minta Ahli Yang Berhormat duduk sebentar.

Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan kita ada 6 lagi Rang Undang-undang yang mesti dipertimbangkan dan diluluskan dan apabila saya pandang sepintas lalu saya ternampak ada dalam masalah Rang Undang-undang ini sendiri; ada 5 orang Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap dan memandangkan keadaan yang demikian mungkin saya terpaksa menggunakan kuasa yang diberikan kepada saya di bawah Peraturan Mesyuarat 35 (8), membolehkan saya menghadkan masa Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap.

Oleh kerana keberatan bagi saya menggunakan kuasa yang diberi oleh Peraturan-peraturan Mesyuarat Tertentu, jadi saya mohon (dengan izin) voluntary restraint. Termia kasih, Ahli Yang Berhormat dan sila teruskan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Jadi berapa minit lagi saya ada peluang, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Dalam semangat "voluntary restraint", memandangkan 5 orang lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap.

Tuan Alias bin Md. Ali: Voluntary restraint itu boleh jadi setengah jam, boleh jadi satu jam.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Saya benarkan 5 minit.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya akan pendekkan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya bercakap tadi tentang alignment jalan-jalan yang terlampau bahaya dan sebagainya. Perkara ini semuanya perlu diperbetulkan sebelum kita mengenakan bayaran kepada pengguna-pengguna jalan raya.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk bercakap mengenai jalan yang sebenarnya belum dimasukkan lagi, tetapi suatu ketika nanti mungkin akan dimasukkan di dalam bidang kuasa Undang-undang ini iaitu jalan antara Kuantan dan ke Jerangau.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tak silap saya, tiga-empat tahun lalu, pihak Yang Berhormat Menteri sendiri memberitahu dalam Dewan yang mulia ini bahawa sejumlah \$20 juta akan dibelanjakan untuk memperbaiki jalan Jerangau-Jabur. Tetapi nampaknya apa yang disebutkan oleh Menteri itu tidak berhasil. \$20 juta tidak diberikan, yang

diberikan hanya \$500,000 untuk menampal lubang-lubang yang pecah-pecah dan sekarang jalan Jerangau-Jabur berada dalam keadaan seolah-olah, dengan izin, dengan izin, "nobody's baby".

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini perlu dibetulkan kalau jalan Jerangau-Jabo ini hendak terus digunakan dan tidak hilang duit Kerajaan kerana membinanya dengan jumlah peruntukan yang besar. Kerja memperbaiki jalan ini mestilah dijalankan sekarang oleh kerana kalau kita bertunggu lebih lama lagi mungkin kos untuk memperbaiki jalan highway ini akan meningkat dan juga kerosakan-kerosakan akan bertambah besar dan juga akhirnya jalan ini tidak dapat digunakan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyanjung Menteri yang berkenaan dan Kementerian yang berkenaan oleh kerana beliau suka bercakap dan suka membuat janji-janji dan suka melawat ke sana sini dengan selalu keluar dalam suratkhbar dengan pakaian-pakaian dengan stail-stail pergi melawat ke projek-projek di bawah Kementerian-nya. Saya harap stail pun kita mahu tetapi kerja pun kita mahu juga. Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Jerantut.

5.34 ptg.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong satu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) Tahun 1984. Saya suka mengucapkan tahniah kepada Kerajaan khususnya kepada Menteri yang berkenaan kerana telah membawakan Rang Undang-undang yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Rang

Undang-undang ini diperkenalkan sesuai dan juga sejajar dengan hasrat dan pengenalan-pengenalan baru Kerajaan kita di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri iaitu berkenaan dengan pengswastaan. Memang saya bersetuju dengan pendapat Menteri yang berkenaan menyatakan pada tiap-tiap tahun perbelanjaan membina jalan-jalan raya ini bertambah dari semasa ke semasa. Rancangan Malaysia Keempat misalnya \$2,356 juta telah dibelanjakan untuk membina 5,940 kilometer jalan-jalan baru. Dan kalau kita perhatikan kepada empat projek Lebuhraya Tol daripada Utara ke Selatan, misalnya Bukit Kayu Hitam ke Jitra sepanjang 24 kilometer berharga \$33.1 juta. Pembaikan jalan bandar Alor Setar berjumlah \$22.1 juta. Changkat Jering ke Ipoh sejauh 51 kilometer, memakan perbelanjaan hampir \$209.8 juta dan jambatan Pulau Pinang lebih daripada \$740 juta. Empat projek ini sahaja sudah memakan perbelanjaan sebanyak lebih daripada \$1,000 juta. Oleh itu pengenalan Rang Undang-undang ini seterusnya akan dapat memberikan Menteri satu kuasa untuk menentukan orang ataupun syarikat boleh membuat jalan persendirian dan selepas daripada itu mengutip tol ataupun pembayaran adalah sangat baik dan dialu-alukan.

Buat pada masa ini Lembaga Lebuhraya seperti yang maklum akan melaksanakan Lebuhraya Tol Utara Selatan yang berjumlah 928 kilometer. Dan Lembaga Lebuhraya inilah ditugaskan bagi membina jalan-jalan ini dan seterusnya menyelenggara dan mengutip pembayaran dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya rasa kebaikan daripada cara yang kita lakukan sekarang ini akan diperkenalkan. Kita perhatikan yang pertamanya, strategi ini ataupun cara ini akan mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan. Seperti yang kita tahu negara kita mengalami kemelesetan ekonomi dan pendapatan kita

berkurangan dan kalau sebanyak ini peruntukan misalnya \$2,356 juta kita minta swasta melaksanakannya, saya percaya ini akan mengukuhkan kedudukan kewangan negara dan hasilnya kita akan dapat membina jalan-jalan luar bandar yang akan memberikan kemudahan kepada penduduk luar bandar yang miskin dan juga membantu mereka dalam meninggikan taraf hidupnya.

Yang kedua, kita berharap dengan adanya pihak swasta membina jalan-jalan ini kualiti dan juga cara-cara pembinaan dan juga pembaikan jalan-jalan ini akan dapat bertambah baik. Misalnya Lebuhraya-lebuhraya Tol ini telah dibina dengan membina empat lorong, kemudian selain daripada itu disediakan pula restoran, gerai-gerai, tempat letak kereta, talipon, tandas, kemudahan untuk mandi, pondak polis, stesen petrol dan juga wokshop.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiganya saya rasa pembinaan dan pembaikan menggunakan cara ini akan berjalan dengan cepat. Oleh hal yang demikian, kita yang mengharap jalan-jalan yang sempurna, perkhidmatan yang baik kepada jalan raya ini akan dapat menggunakan lebih cepat jika sekiranya pihak swasta membina jalan-jalan ini dan juga kita dapat menikmatinya, tidak seperti selama ini kita menunggukan jika kewangan Kerajaan baik maka kita akan dapat segera projek jalan-jalan dan lebuhraya ini.

Kemudiannya yang keempat, dengan cara ini juga oleh kerana pihak swasta dipanggil membina jalan-jalan, banyak lagi jalan-jalan yang kita boleh rancangkan dan dengan ini banyak projek jalan yang akan menyediakan peluang pekerjaan kepada anak warganegara negara ini. Pada tahun 1982 misalnya 2,356 orang rakyat negara ini telah mendapat pekerjaan daripada projek pembinaan lebuhraya-

lebuhraya tol seperti yang dijalankan pada hari ini.

Kemudian yang kelimanya, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bercakap dalam Dewan yang mulia berkenaan dengan konsep pengswastaan. Hubungannya dengan commercialisation, dengan izin, dan seterusnya daripada itu akan melahirkan perindustrian bergabung dengan memang sedia ada perindustrian di pihak swasta yang dijalankan pada hari ini. Jadi, yang kelimanya, faedah daripada memberikan jalan ini dibina oleh swasta ialah akan mempercepatkan wujudnya satu industri sampingan daripada pembangunan jalan raya.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, industri ataupun kilang pecah batu, industri membuat polimex dan berbagai-bagai industri yang boleh lahir yang berkaitan dengan pembinaan-pembinaan Lebuhraya dan jalan-jalan yang berkenaan.

Faedah dan juga kebaikan yang keenam ialah pemindahan teknologi, kemahiran dan sebagainya seperti misalnya teknologi-teknologi tinggi dalam pembinaan jalan raya, lebuhraya, terowong dan sebagainya, pembinaan jambatan seperti Jambatan Pulau Pinang, Terowong Kuala Lumpur-Karak, jalan raya Kuala Lumpur-Karak dan sebagainya akan dapat dipindahkan kepada pengusaha-pengusaha di negara kita ataupun kontraktor-kontraktor di dalam negeri.

Kemahiran-kemahiran seperti kimpalan, bar bending, mekanik, pertukangan kayu dan juga kemahiran-kemahiran yang lain. Jadi, inilah beberapa daripada faedah yang kita boleh dapat jika sekiranya pihak swasta dapat membina lebuhraya dan juga jalan-jalan ini dengan kita menggunakan tol seterusnya akan dapat membiayai dengan cara sendiri projek-projek ini dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga di sini ingin mengemukakan sedikit cadangan kepada Kerajaan seterusnya kepada Kementerian Kerjaraya. Dalam soal melaksanakan pembinaan-pembinaan dengan cara persendirian ini yang pertamanya cadangan saya kepada Kerajaan melalui Menteri Kerjaraya ialah, soal kita menyerahkan pembinaan jalan-jalan ini ataupun lebuhraya ini kepada swasta dan dalam Akta ini juga penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi saya tidak dapat mendengar, apakah bayaran yang kita kenakan kepada pihak swasta yang telah kita berikan jalan-jalan dan lebuhraya untuk mereka laksanakan. Mereka kutip duit kerana menyelenggarakan jalan ini dan adakah lagi bayaran kepada Kerajaan pula sebagai satu harga kepada peluang yang diberikan kepada swasta ini mengendalikan jalan ini dan menyelenggarakannya. Itu yang saya hendak bertanya dan dapat penjelasan daripada Menteri, dan kalau tidak ada maka saya cadangkan seperti yang pernah saya bercakap dalam konsep penswastaan baharu-baharu ini dalam sidang yang lalu, bahawa selepas penswastaan maknanya kita mengalihkan kerja-kerja ataupun yang dijalankan oleh Kerajaan kita berikan kepada swasta, kita seterusnya mengadakan commercialisation, yang bermakna betul-betul dicommercialisekan dan pihak swasta mendapat peluang daripada projek-projek yang dijalankan dia terpaksa pertamanya mengeluarkan duit sendiri melakukan projek itu. Selain daripada itu membayar kepada Kerajaan satu jenis bayaran yang ditentukan dengan cara yang munasabah oleh Kerajaan sebagai bayaran peluang kerana dapat menjalankan projek yang berkenaan.

Misalnya kalau kita perhatikan tol dari Kuala Lumpur/Seremban bermula daripada 16-6-82 sehingga 31-12-82 menghasilkan bayaran sebanyak \$6.2 juta ataupun puratanya ialah \$900,000 sebulan. Jadi, di atas peluang-peluang yang seperti ini ada satu jenis

perniagaan boleh mendatangkan keuntungan. Yang demikian kita tentukan, Kerajaan mesti tetapkan siapa yang mengendalikan jalanraya ini yang membaikinya, pembaikan penyelenggaraan dan memasang tol mereka juga harus membayar kepada Kerajaan berupa lesen ataupun apa bentuk bayaran pun. Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau Lembaga Lebuhraya mengenakan bayaran, saya fikir itu adalah memang kepunyaan Kerajaan satu Lembaga yang diperbadankan oleh Kerajaan tidak ada masalah. Tetapi misalnya saya dapat tahu sebatang jalan di Pelabuhan Kelang telah dibina oleh swasta dengan memakan perbelanjaan hampir \$11 juta. Jadi siapa yang menentukan bahawa adakah dia ini bina jalan terus, selepas itu dia kutip sampai bila-bila, bayaran kepada Kerajaan berapa, sampai bila dia kena kutip, lepas itu diberi kepada Kerajaan. Jadi, ini yang saya tidak dapat penjelasan tadi daripada Menteri yang berkenaan.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya ialah berkenaan dengan soal pemindahan teknologi tadi iaitu bila kita.....

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat, di bawah peruntukan mesyuarat 35 (8), saya memberi Yang Berhormat 5 minit lagi.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad:
Saya ada sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, mungkin tidak sampai 5 minit lagi. Cadangan saya yang kedua ialah berkenaan dengan pemindahan teknologi dan hubungannya dengan kontraktor tempatan.

Saya memerhatikan trend ataupun kecenderungan yang akhir-akhir ini, bahawa pada asalnya oleh kerana kita memerlukan satu kemahiran dan teknologi yang tinggi daripada luar negeri maka kita telah membawa

kontraktor-kontraktor daripada luar negeri membina lebuhraya kita dan jalan-jalan. Tetapi nampaknya pada akhir-akhir ini mungkin kerana berkurangan kerja, kerja-kerja yang kecil pun pihak kontraktor luar negeri ini telah mengambil bahagian. Misalnya ada dua tiga kontraktor daripada Jepun telah mengambil bahagian dalam tender yang \$10 juta sahaja pembinaan jalan-jalan swasta di Pelabuhan Kelang. Jadi, pada pandangan saya kalau \$10 juta pun pemborong daripada luar juga hendak melakukannya maka susahlah sedikit kepada kontraktor tempatan dan ini akan melambatkan soal pemindahan teknologi dan juga kemahiran daripada luar negeri ke dalam negeri ataupun kontraktor-kontraktor tempatan.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Kemudian cadangan saya seterusnya bahawa kita berharap di dalam bandar Kuala Lumpur ini untuk mengurangkan kesesakan jalanraya bukan sahaja projek-projek seperti Aerobus diswastakan tetapi pembinaan jalan-jalan dalam bandar juga harus diswastakan. Umpamanya Dewan Bandaraya tentu akan dapat mengatasi masalah kesesakan dengan sistem jalan-jalan yang ada di bandaraya, kita perlu membuat jalan setingkat lagi ataupun selapis lagi bagi bandaraya ini, selapis ataupun dua lapis lagi dan kita minta pihak swasta mengendalikan kerja-kerja ini dan seterusnya dikenakan tol dan bayaran yang berpatutan. Maka dengan ini akan mengelakkan daripada Dewan Bandaraya menanggung keseluruhan beban daripada hendak menyelesaikan masalah kesesakan jalanraya di bandaraya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dalam cadangan saya yang keempat ini saya berharap, kita dalam melaksanakan jalan-jalan ini oleh swasta Kerajaan haruslah berhati-hati supaya di kawasan luar bandar yang akan melibatkan luar bandar misalnya

lebuhraya-lebuhraya hala ke Pantai Timur yang banyak penduduk-penduduknya berpendapatan rendah supaya menimbangkan dengan adanya swasta membina jalan-jalan raya ini tol-tol yang dikenakan nanti tidak akan melibatkan penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah. Jadi, ada jalan-raya yang bertol di samping mesti ada jalanraya yang tidak bertol seperti lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban kita ada jalan lama, yang tidak mampu hendak bayar tol, mereka boleh ikut jalan lama. Begini juga hendaknya di tempat-tempat lain di lebuhraya-lebuhraya dan juga jalan-jalan baharu yang kita cadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi merakamkan tahniah kepada Kerajaan khususnya kepada Menteri Kerjaraya kerana telah mengemukakan Rang Undang-undang ini yang saya percaya akan dapat membuka satu lembaran baharu kepada perkembangan ataupun kepada kemajuan sistem jalan-jalanraya dan lebuhraya-lebuhraya di negara kita. Yang demikian, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Labis.

5.48 ptg.

Tuan Bahari bin Haron (Labis): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi seseorang untuk meminta, memungut dan menyimpan tol berkenaan dengan jalan, jambatan atau feri Persekutuan, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, langkah penswastan seperti yang termaktub di dalam Rang Undang-undang ini adalah

satu langkah bijak yang dengan sendirinya akan mengurangkan perbelanjaan secara langsung oleh pihak Kerajaan sendiri. Di dalam membahas dan menyokong Rang Undang-undang ini, saya berharap pihak Kerajaan dapat memberikan pertimbangan di atas tiga perkara yang saya anggap penting dari segi rakyat jelata di negeri Johor khususnya iaitu pertamanya lebuhraya di antara Senai dengan Johor Bahru seperti mana Yang Berhormat Menteri sendiri ketahui bahawa Kerajaan Negeri Johor meminta kerjasama pihak Kementerian supaya memikirkan semula cadangan untuk mengenakan tol di antara jalan raya tersebut disebabkan oleh tidak ada pilihan lain, tidak ada jalan pilihan bagi penduduk-penduduk di sekitar kawasan-kawasan yang terlibat. Dan jika dikenakan tol sudah tentulah ianya sedikit sebanyak akan membebaskan rakyat jelata di kawasan yang terlibat.

Keduanya ialah memohon pertimbangan pihak Kementerian supaya mempercepatkan pembinaan lebuhraya di antara Pagoh-Air Itam dan juga Air Itam-Senai dan pada pendapat saya Lebuhraya Air Itam-Senai mestilah diberikan keutamaan disebabkan oleh kesesakan jalan raya tersebut sehingga menjadikan ianya salah satu stretch jalan raya yang paling bahaya sekali di dalam Malaysia ini.

Satu lagi perkara yang ingin saya mendapat perhatian daripada pihak Kementerian ialah supaya kadar tol yang akan dikenakan di setiap lebuhraya yang akan dikenakan tol hendaklah kadar itu satu kadar yang berpatutan dan Kementerian perlulah mengawasi supaya kadar ini tidak dikenakan mengikut sesuka hati di pihak swasta yang akan mengendalikan jalan raya tersebut dan pihak Kementerian mestilah mengawasi kadar itu tidak membebaskan rakyat jelata keseluruhannya.

Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala sukacitanya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.52 *ptg.*

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya juga akan mengambil masa dalam beberapa minit sahaja bagi membahaskan Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan ini yang mana telahpun dibincangkan oleh 3 orang Ahli-ahli Yang Berhormat.

Mungkin pendapat yang akan saya berikan ini bertentangan sedikit dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu dan Jerantut kerana saya mempunyai anggapan bahawa memanglah cadangan Kerajaan untuk menswastakan projek-projek lebuhraya, jalan-jalan dan juga lain-lain projek yang difikirkan sesuai adalah satu perkara yang perlu jika sekiranya boleh menguntungkan Kerajaan. Tetapi dalam soal menswastakan jalan-jalan ini, Kerajaan mestilah berfikir memberi pertimbangan mengenai soal tol yang akan dikutip oleh pihak Kerajaan.

Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Labis tadi supaya kadar tol yang ditetapkan itu mestilah tidak membebankan rakyat. Saya melihat suatu perkara yang sedang berlaku sekarang ini antara Kuala Lumpur-Seremban di mana jaraknya lebih kurang 60 kilometer terdapat dua pusat ataupun stesen untuk mengutip tol telah dibuat. Jadi dalam jarak 60 kilometer ini telah ada dua pusat atau stesen untuk memungut tol daripada orang ramai. Jadi apa hal kalau sekiranya satu jarak daripada Alor Setar ke Kuala Lumpur yang jauhnya lebih kurang 500 kilometer, kalau

dianggarkan dengan nisbah Seremban-Kuala Lumpur ini menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya 16 pusat tol perlu dibina. Setiap satu pusat boleh jadi kita anggarakan \$1.00. Ini akan menyebabkan sebuah motorak yang berjalan daripada Alor Setar menuju ke Kuala Lumpur terpaksa membayar sekurang-kurangnya \$16.00; samalah dengan tambang bas ekspres MARA boleh jadi dari Kuala Lumpur-Alor Setar.

Saya bersetuju jika sekiranya pengswastakan ini diberikan untuk projek-projek seperti feri tadi, itu memanglah suatu perkara yang elok, yang baik kerana ianya mungkin hanya akan digunakan oleh orang-orang yang tertentu pada bahagian-bahagian negeri yang tertentu di dalam negara ini. Soal pembayaran itu walaupun secara langsung akan menyebabkan dibayar oleh pengguna-pengguna jalan raya, ianya akan menyebabkan soal-soal lain akan timbul. Lori-lori pengangkutan misalnya, setelah mereka ini dibebankan dengan pembayaran tol saya yakin bahawa pembayaran itu akan dikenakan pula kepada pengguna-pengguna. Ini secara langsung tetap atau satu kemestian sebagai kos pengangkutan baginya.

Jadi, saya hendak mencadangkan di sini seboleh-bolehnya Kerajaan perlulah memikirkan bahawa di dalam soal untuk menswastakan jalan-jalan ini, kemudahan perlu diteliti dan beban yang akan ditanggung oleh sebahagian besar ahli masyarakat perlu diteliti juga dan diambil kira sebab kita tidak mahu hasil daripada projek-projek pembangunan Kerajaan ini akan menimbulkan beban tambahan kepada Kerajaan. Oleh itu kalau boleh saya mencadangkan supaya di dalam proses pengswastakan pembinaan jalan-jalan ataupun lebuhraya ini, sekurang-kurangnya Kerajaan adakan satu perkongsian ataupun kalau sekiranya boleh di dalam projek-projek lain

disubsidikan oleh Kerajaan bagi membolehkan bayaran tol itu direndahkan, kerana saya mempunyai keyakinan bahawa tidak ada jalan yang tidak maju akan diswastakan yang boleh diterima oleh pihak swasta untuk menjalankannya. Bermakna hanya jalan-jalan yang mempunyai kenderaan lalu-lalang yang banyak barulah boleh diterima oleh pihak swasta untuk dilaksanakan atau dibangunkan oleh pihak swasta. Ini akan menimbulkan boleh jadi satu pertandingan hasil daripada itu. Saya yakin jalan-jalan luar bandar walaupun pihak Kerajaan cuba untuk menswastakannya bahawa perkara ini mungkin tidak akan diterima oleh pihak swasta kerana dia sukar untuk mendapat kembali modal yang telahpun dikeluarkan bagi membina jalan-jalan tersebut.

Jadi di dalam soal ini pertimbangan pertama yang saya sebutkan tadi soal tol, tiap-tiap kenderaan yang berdaftar di negara ini pertama sekali Kerajaan telahpun mengutip cukai jalan bagi tiap-tiap kenderaan yang hendak berjalan di atas jalan raya, selain daripada itu kita kenakan tol sekali lagi. Jadi membebankan dan ini telah dua beban secara langsung yang perlu dibayar oleh pengguna-pengguna jalan raya. Saya minta dan saya memohon kepada pihak Kerajaan supaya dapat memikirkan walaupun saya memandangi baik soal penswastakan itu tetapi penswastakan itu janganlah boleh menimbulkan beban yang lebih kepada ahli-ahli masyarakat hasil daripada pembangunan Kerajaan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan, 1984.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Keluang.

5.58 ptg.

Tuan Quah Wee Liam (Keluang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin

mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang yang baharu sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang memperkenalkan Rang Undang-undang ini. Saya telah mengemukakan perkara ini pada persidangan Parlimen bulan Oktober tahun 1982 dan saya amat gembira kerana Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki sistem jalan raya melalui penswastakan seperti yang dikatakan dalam pepatah Inggeris, dengan izin, "Better late than never".

Jalan raya merupakan sesuatu yang penting untuk sebuah negara kerana rakyat dapat menghubungi dengan antara satu dengan lain dan masa dapat dijitamkan. Cara-cara komunikasi yang baik juga akan menarik pelaburan kerana pengangkutan bahan-bahan mentah dan hasil-hasil pengeluaran yang disiapkan dapat dijalankan dari satu tempat ke tempat lain dalam masa yang secepat mungkin. Walaupun Malaysia ialah salah sebuah negara yang amat progresif di Asia Tenggara, jalan-jalan raya kita masih boleh lagi dinaikkan tarafnya. Saya berharap bahawa dengan memperkenalkan Rang Undang-undang ini situasi ini akan diperbaiki dan kita akan mendapat lebuhraya untuk membuat perjalanan dari satu tempat ke tempat lain bukan sahaja dengan cepatnya bahkan menikmati perjalanan itu. Saya berpuas hati bahawa ini akan menggalakkan lebih ramai orang melawat tempat-tempat. Dengan komunikasi jalan raya yang baik dan berkesan pelaburan akan bertambah kerana harga pengangkutan juga akan dikurangkan dan pengusaha-pengusaha dapat memunggah barang-barang ke seluruh pelusuk negara dengan lebih cepat dan dengan aman.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan tulus ikhlas berharap bahawa dengan

kelulusan dan implementasi Rang Undang-undang ini kelemahan yang wujud pada masa sekarang tentang jalan raya ini akan menjadi perkara purbakala. Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur ialah satu contoh yang baik perancangan dan analasi yang kurang tentang keadaan tanah sebelum lebuhraya ini dibina. Oleh kerana ini lebuhraya itu patut dibina semula dengan harga yang tinggi. Jadi Kerajaan sedang menimbangankan menaikkan cukai jalan. Memang tidak adil kepada commuter yang didenda untuk ketidak kecekapan Jabatan tersebut. Saya yakin di bawah rancangan pengswastaan, Kerajaan akan lebih berusaha untuk membina lebuhraya yang lebih baik dan lebih tahan.

Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya Senai telah dibina untuk memudahkan pengaliran kenderaan yang licin di antara Lapangan Terbang Sultan Ismail dengan Johor Bahru. Sebelum pembukaan lebuhraya ini perjalanan dari lapangan terbang ke Johor Bahru telah mengambil masa lebih daripada satu setengah jam, tetapi sekarang ianya mengambil lebih kurang 25 atau 35 minit. Dengan pembukaan lebuhraya ini penumpang-penumpang yang menggunakan Lapangan Terbang Sultan Ismail telah kian bertambah dan selain daripada ini lebuhraya ini digunakan oleh beberapa ribu commuter tiap-tiap hari. Baru-baru ini Menteri Kerjaraya telah menyatakan bahawa Kerajaan akan mengenakan cukai ke atas Lebuhraya Senai dan walaupun dapat penentangan yang hebat daripada Kerajaan Negeri, beliau mengatakan bahawa Kerajaan akan mengenakan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya Menteri Kerjaraya ini patut membincangkan isu ini dengan Kerajaan Negeri sebelum mengumumkan hasrat Kerajaan ini. Pada hari ini di Parlimen saya sekali lagi merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya supaya menimbang

semula rancangan untuk mengenakan cukai ke atas Lebuhraya Senai oleh kerana Lebuhraya Senai ialah Jalan Raya Persekutuan yang satu sahaja dari Senai ke Johor Bahru. Saya berfikir bahawa Kerajaan kurang beradil dan tidak berdemokratik untuk mengenakan cukai ke atas lebuhraya ini kerana commuter-commuter tidak ada jalan raya yang lain jika mereka mencadangkan supaya tidak membiayai cukai ini dan menggunakan lebuhraya ini. Di sini saya mengesyorkan kepada Kerajaan bahawa dengan mengimplementasikan Rang Undang-undang yang baru ini, langkah-langkah patut diambil untuk memastikan bahawa jalan yang lain telah sedia ada untuk digunakan oleh rakyat jika mereka memilih supaya tidak membayar cukai ini dan memakai lebuhraya seperti lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur rakyat masih dapat menggunakan jalan raya lama. Saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya memastikan bahawa projek-projek ini dilaksanakan oleh pihak pemaju swasta yang diarahkan dengan betul dan perhatian yang munasabah patut diambil untuk menentukan bahawa jalan-jalan ini dibina mengikut spesifikasi yang diluluskan. Ini akan menggalakkan kerja memperbaiki yang mahal dan utama yang dijalankan. Oleh kerana ini akan menambahkan kos penyelenggaraan yang akan melibatkan kenaikan bayaran cukai tol.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengambil kesempatan bagi menyokong Akta ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-

Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan sepertimana yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan sepertimana yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan.

**RANG UNDANG-UNDANG
JALAN-JALAN PERSEKUTUAN
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN)**

Perbahasan disambung semula.

6:13 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya menyokong konsep menswastakan jalan-jalan Persekutuan di negara ini, tetapi saya suka melafaskan harapan saya bahawa sesiapa juga yang dipilih untuk membina dan menyelenggarakan

lebuhraya dan jalan-jalan kita pada masa depan dan yang mana mereka dibenarkan untuk mengutip pembayaran tol, mestilah dipastikan bahawa jalan-jalan tersebut berada dalam keadaan atau mutu yang baik, selamat dan bertaraf antarabangsa untuk digunakan oleh orang ramai. Apa yang mustahak, Kerajaan mestilah juga memastikan bahawa siapa juga yang dilantik melaksanakan kerja-kerja pembinaan jalan-jalan atau lebuhraya tidak hanya memikirkan keuntungan sahaja (profit motivated) dan tidak mampu untuk memberi khidmat yang cekap.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 dan 3 Rang Undang-undang ini adalah berhubung dengan kutipan tol. Saya suka mengambil peluang ini untuk menyeru Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya dapat merumus satu dasar kebangsaan mengenai tol dan juga menimbang untuk melevy satu jumlah (amount) yang berpatutan ke atas semua kenderaan dan juga memutuskan untuk menempatkan tempat-tempat yang sesuai untuk mengutip tol-tol dan siapakah orang atau kelas kenderaan yang boleh dikecualikan dari membayar tol. Adalah menjadi pandangan saya bahawa perkara-perkara seperti ini patutlah dikaji dan dibincang oleh sebuah Jawatankuasa khas yang dianggotai oleh wakil-wakil Kerajaan, syarikat swasta yang terlibat dalam pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan dan apa yang lagi mustahak ialah dapat melibatkan persatuan-persatuan pengguna yang mesti diberi peluang untuk menyampaikan pandangan mereka bagi pihak orang ramai yang menggunakan jalan-jalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara menswastakan kutipan tol dan kerja pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan kita, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan sama ada ianya sesuai atau wajar melantik siapa juga yang terlibat dalam pengangkutan awam atau

barang-barang seperti juga sebagai satu syarikat swasta yang membina dan menyenggarakan jalan-jalan itu.

Saya ingin merujuk di sini kepada laluan Selat Kelang Utara yang mana saya memahami bahawa Kabinet telah memberi kelulusan kepada sebuah syarikat swasta bernama SEPADU Holding Sdn. Bhd. yang mempunyai kepentingan pengangkutan di atas jalan yang tersebut untuk mengswastakan laluan Selat Kelang Utara dan mendirikan satu pintu tol oleh syarikat yang berkenaan.

Saya suka bertanya di sini kenapa tidak projek tersebut diberikan kepada sebuah syarikat yang tidak ada kepentingan pengangkutan sepanjang jalan tersebut atau jika sebuah firma pengangkutan dipilih kenapa tidak projek itu diserahkan kepada sebuah konsortium syarikat-syarikat pengangkutan daripada hanya diberi kepada sebuah syarikat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkataan kutipan tol saya juga suka menggesa Kerajaan supaya memutuskan satu dasar berhubung dengan tempoh kebenaran atau kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol. Saya suka mencadangkan di sini bahawa kutipan itu seharusnya tidak terus dijalkan sampai bila-bila tetapi seharusnya diberikan satu tempoh yang tetap. Misalnya adalah tidak adil meneruskan kutipan tol dengan tidak ada tempoh yang ditetapkan sebagaimana dalam kes pintu tol di Slim River yang mana saya percaya pada masa sekarang Kerajaan telah berjaya mengutip semula wang yang dibelanjakan untuk membina jalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 Rang Undang-undang ini bertujuan mengenakan ke atas orang-orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut

dan menyimpan tol melalui satu perintah yang dibuat di bawah Fasal 2, satu tugas untuk menyenggara jalan supaya ianya berada dalam keadaan baik dan menurut amalan-amalan kejuruteraan yang baik.

Melevi tol ke atas lebuh raya di negara ini ialah satu langkah yang difahami oleh kerana mereka yang menikmati faedah dari pengeluaran kos yang besar atau pelaburan negara dalam lebuh raya kita diminta membantu membiayai kos penyenggaraan mereka.

Bagaimanapun, apa juga yang penting ialah syarikat swasta yang bertanggungjawab untuk membina lebuh raya-lebuh raya tersebut mestilah juga memberikan satu jaminan yang ketara kepada orang ramai bahawa orang ramai atau para pengguna jalan raya akan memperolehi apa yang mereka hajati iaitu mutu perkhidmatan, ketenteraman dan selamat dan jalan yang mantap dan kukuh.

Adalah tidak wajar untuk meminta orang ramai membayar segala kekurangan yang timbul berpunca dari mereka yang membina jalan-jalan dan lebuh raya di negara ini. Orang ramai boleh membantu membiayai kos pembinaan dan menyumbang tabung penyenggaraan kerja-kerja membaiki tetapi bukan membayar untuk membetulkan kesilapan dan kesalahan.

Saya juga suka menggesa sektor swasta yang akan menjalankan kerja pembinaan dan penyenggaraan jalan-jalan dan lebuh raya itu supaya mempasti bahawa terdapat kemudahan-kemudahan yang secukupnya disediakan sepanjang lebuh raya yang mereka senggarakan berikutan kelulusan Rang Undang-undang ini. Kemudahan-kemudahan seperti tandas, air atau bilik air, mini restoran malah stesen minyak hendaklah disediakan sepanjang lebuh raya untuk kemudahan

orang ramai serupa apa yang kita lihat sepanjang lebuhraya-lebuhraya di negara-negara maju seperti di Jerman Barat atau Jepun. Kita hendaklah mempelajari dari negara-negara maju ini tentang perancangan dan pembinaan lebuhraya itu.

Dan yang akhirnya Fasal 6 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memberi kepada Kerajaan Malaysia imuniti daripada liabiliti kepada mana-mana yang berkenaan dengan apa-apa kecederaan, kerosakan atau kehilangan mengenai perihal apa juga yang timbul memungut daripada kegagalan orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol melalui satu perintah yang dibuat di bawah Fasal 2 untuk menjalankan apa-apa tugas yang dikenakan ke atasnya di bawah Fasal 5.

Walaupun adalah difahami kenapa Kerajaan Malaysia dikehendaki diberikan imuniti daripada liabiliti di sini tetapi adakah pandangan saya bahawa imuniti tersebut tidak boleh diberikan kepada sektor swasta atau syarikat yang terlibat dalam projek pembinaan jalan. Dan jika untuk sesuatu sebab mana-mana orang yang mendapat kecederaan atau kerosakan atau kehilangan mengenai perihal apa jua pun yang timbul daripada kegagalan, syarikat swasta berkenaan untuk melaksanakan apa juga tugas maka mangsa yang berkenaan seharusnya mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat swasta untuk menuntut pampasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.15 ptg.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima

kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil peluang berbahas dalam Rang Undang-undang iaitu Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 yang dibentangkan di sidang ini pada hari ini.

Segala pandangan-pandangan yang dikemukakan itu akan menjadi panduan kepada Kementerian saya di dalam mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan dalam usaha meningkatkan lagi taraf jalan-jalan di negara ini.

Saya suka juga mengucapkan terima kasih kepada pihak enam orang Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu, Jerantut, Labis, Ulu Muda, Kluang dan Kuala Lumpur Bandar atas pandangan-pandangan yang telah diberi tadi dalam perbahasan dan saya suka memberi sedikit penjelasan atas perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Terlebih dahulu Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu, suka jugalah saya memberi sedikit pandangan kepada Ahli Yang Berhormat walaupun banyak di projek-projek khasnya projek jalan raya dari Kuala Lumpur ke Karak dan dari Karak ke Kuantan iaitu Route II, kita suka juga mengadakan beberapa rancangan untuk membaiki dan juga menaikkan keadaan jalan raya itu sebelum kita akan mengutip tol di jalan ini.

Tetapi saya harap Ahli Yang Berhormat itu sedar apakah keadaan kewangan sedang dihadapi oleh Kerajaan dan negara kita. Sebab itu jugalah kita telah mengambil satu keputusan sekarang yang mana saya harap dengan keputusan dan rancangan baru kita akan boleh dapat siapkan jalan itu dalam tempoh 2½ tahun yang akan datang kepada satu taraf yang dimimpi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu.

Berkenaan dengan jalan raya iaitu Jabo/Jerangau walaupun saya telah berjanji dengan Dewan yang mulia ini dan kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu saya akan dapat \$20 juta daripada Kementerian Kewangan untuk memperbaiki keadaan jalan itu, dukacita tidak dapat dijalankan projek itu dan tidak dapat ditentukan janji-janji daripada saya sebabnya walaupun kita menimbulkan perkara ini kepada Kementerian Kewangan, masa itu sudah jadilah satu masa yang kita menghadapi beberapa masalah kewangan sebab itu Kementerian Kewangan telah memberi wang peruntukan \$500,000 sahaja untuk memperbaiki jalan. Sebab itulah kita menjalankan satu rancangan untuk memperbaiki. Saya harap jikalau keadaan memberi kebenaran insya Allah Tuhan akan memberi kebenaran kepada kita dan keadaan kewangan boleh dapat ditukarkan atau boleh diperbaiki saya harap Ahli Yang Berhormat boleh dapat lihat jalan ini akan dapat dibaiki tidak berapa lama lagi.

Saya suka juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu, beliau memberitahu Menteri Kerjaraya pakai style dan lain-lain. Ini bukan kira pakai style, boleh jadi satu pakaian daripada wang peruntukan Kerajaan, ini adalah peruntukan daripada Menteri sendiri, tetapi boleh jugalah saya akan mengambil semua tindakan untuk memperbaiki keadaan jalan ini supaya nampak lebih style mengikut style pakaian Menteri itu.

Saya suka juga mengucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jerantut, beliau telah menimbulkan beberapa perkara, perkara itu Tuan Yang di-Pertua ialah satunya berkenaan dengan kerosakan jalan-jalan dan juga berkenaan dengan bayaran tol. Beliau telah meminta kepada Kementerian mengapakan kita telah memberi kebenaran kepada swasta untuk

mengutip tol. Saya suka menjelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat itu mengutip tol ini ialah satu cara baru yang kita beri kepada pihak swasta. Inilah satu rancangan yang telah diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya janji kepada Yang Berhormat Ahli dari Jerantut itu walaupun kita beri kuasa kepada pihak swasta, tetapi Kementerian saya dengan undang-undang dan peruntukan-peruntukan undang-undang boleh jugalah mengawasi kutipan tol daripada jalan-jalan oleh pihak swasta.

Untuk menjawab soalan-soalan dan juga perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labis iaitu berkenaan dengan rancangan untuk mengutip tol Jalan Senai ke Johor Bahru, saya suka menjelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat itu, Menteri Kerjaraya ialah Menteri Persekutuan, Menteri Persekutuan mempunyai kuasa untuk mengenakan tol di mana-mana satu jalan yang mana beliau mengambil tindakan untuk mengenakan tol. Tetapi apabila kita suka mengadakan atau mengenakan tol di mana-mana negeri, saya suka juga mengadakan perbincangan dengan negeri-negeri tersebut.

Perkara-perkara berkenaan dengan jalan raya Senai ke Johor Bahru, saya telah bincang dengan Kerajaan Negeri Johor, di mana mereka telah memberitahu kepada saya mereka suka juga mengadakan tol-gate ini bukan dekat Senai, Skudai atau Tampoi yang kita cadang lebih awal kepada mereka. Tetapi mereka mencadangkan jikalau boleh Kerajaan Pusat akan mengadakan tol-gate ini di Batu 12. Mengikuti cadangan-cadangan mereka, saya telah memberi arahan kepada Kementerian dan pegawai-pegawai saya untuk mengadakan satu rekabentuk yang mana kita boleh mendirikan sebuah stesyen tol di Batu 12, tetapi kutipan ini Tuan Yang di-Pertua, bukanlah untuk

mendapat untung kepada Kementerian saya, kutipan ini ialah untuk melabur balik di tempat-tempat yang mana kita kutip wang itu dan di mana kita boleh juga memperbaiki keadaan jalan.

Apabila Ahli-ahli Yang Berhormat menyoal kepada Kementerian saya berkenaan dengan taraf-taraf jalan di tanahair kita, saya harap juga Ahli-ahli Yang Berhormat itu boleh ambil perhatian, apakah keadaan kewangan di dalam tanahair kita, mengapakah kita suka melancarkan skim-skim untuk mengadakan tol, sebab-sebabnya jalan-jalan ini bukanlah boleh jadi satu rancangan yang tetap, sesebuah jalan kita akan menyelenggara buat satu masa dalam tempoh 1, 2 atau 3 tahun. Untuk mengadakan penyelenggaraan itu kita mesti mengadakan wang peruntukan daripada Kementerian Kewangan, tetapi selepas tahun 1982 banyak di antara peruntukan-peruntukan kepada Kementerian Kerjaraya telah dikurangkan, sebab itulah Kementerian saya telah mengambil satu keputusan untuk mengenakan tol kepada rakyat jelata atau pengguna-pengguna jalan yang mana mereka boleh juga membayar satu tol yang berpatutan dan untuk mengadakan tol ini bukanlah kita mengenakan tol dengan sesuka hati kita, tetapi kita serahkan perkara ini kepada pakar-pakar perunding, selepas kajian baru sahajalah kita akan mengutip apakah tol yang berpatutan yang kita boleh mengutip daripada pengguna-pengguna jalan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Labis ialah lahir di negeri Johor, saya pun bukanlah orang lain, sayapun lahir di negeri Johor juga, sayapun anak Johor seperti Ahli Yang Berhormat dari Labis. Saya kasihan kepada negeri Johor sahaja, tetapi apabila saya jalankan tugas saya sebagai Menteri Persekutuan, saya mesti menjaga kepentingan Persekutuan dahulu sebelum saya jaga kepentingan negeri Johor.

Perkara berkenaan dengan Paguh dan Air Hitam iaitu Lebuhraya Utara-Selatan, ada juga Yang Berhormat dari Labis telah menimbulkan kita akan memberi keutamaan kepada jalan raya daripada Paguh ke Air Hitam, Air Hitam ke Johor Bahru. Baru-baru ini sahaja iaitu lebih kurang 2 minggu yang lepas saya membincangkan perkara ini dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Johor yang mana beliau meminta saya untuk menukar keutamaan jalan ini, sebab itu, saya sedang menukarkan keutamaan jalan iaitu Air Hitam-Johor Bahru dapat keutamaan dan saya harap Paguh ke Air Hitam tidak dapat diselesaikan sekarang. Itulah keterangan yang saya suka beri kepada Ahli Yang Berhormat dari Labis.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Muda telah menimbulkan beberapa perkara berkenaan dengan pengswastaan jalan iaitu mengapakah kita telah mengadakan dua stesyen tol di jalan Utara-Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat, sistem yang kita sedang adakan di jalan atau Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur ialah sistem itu namanya open system. Open system kita mesti ada di dua-dua tempat, jikalau tidak saya harap Ahli Yang Berhormat pun tahulah juga apa yang boleh berlaku. Open system itu apabila kita masuk sebuah jalan kita bayar—apabila kita masuk sahaja dan kita bayar lagi apabila kita keluar. Di masa hadapan saya harap kita akan menggunakan sistem baru, sistem ini bukan baru di negara-negara yang lain, tetapi sistem ini akan menjadi baru kepada negara kita. Apabila seorang pengguna jalan masuk ke jalan beliau akan mendapat satu tiket iaitu dinamakan close system dan apabila beliau keluar daripada jalan atau

Lebuh raya itu beliau akan membayar mengikut berapakah batu atau kilometer beliau menggunakan jalan itu mengikut kilometer sahaja, tidak payah bayarlah dengan satu pembayaran standard dan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Keluang tadi baru sahaja saya menjawab dengan apa yang saya jawab kepada teguran Ahli Yang Berhormat dari Labis. Keluang ini sayapun kasihan juga, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya lahir di Keluang, jadi kita ada lebih hubungan dengan Keluang dan juga Ahli Yang Berhormat dari Labis, tetapi saya harap Ahli Yang Berhormat berdua itu, dengan izin, will bear with me the pains that we are undergoing.

Akhir sekali, saya suka menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar iaitu berkenaan dengan sistem tol masa depan. Suka saya menjelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu, kita telah mengadakan satu perbincangan di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Italy yang mana Lembaga Lebuhraya di Italy dan jurutera-jurutera perunding daripada Kerajaan Italy telah menghantar kepada kita satu kajian macam manakah kita akan menggunakan satu sistem tol kepada seluruh tanahair kita. Ini ada dalam kajian. Saya harap di masa hadapan saya boleh memberi kepada Yang Berhormat keterangan yang lebih atas sistem itu.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah memberitahu kepada Kementerian Kerja Raya iaitu kutipan tol bukanlah boleh jadi satu tugas untuk mencari untung kepada Kerajaan. Saya suka memberi sedikit penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat, kutipan-kutipan yang sedang berlaku sekarang ialah bukan boleh dikatakan satu sistem yang tetap, tetapi ini ialah untuk mengutip balik apa-apa perbelanjaan yang telah berlaku dalam pembinaan jalan raya itu. Sebab itu jugalah saya telah

memberi sedikit penjelasan kepada Kerajaan Negeri Johor, apabila kita mengenakan tol di Jalan raya Senai ke Johor Bahru, kita mengutip tol itu sampai satu masa apabila kita sudah mengutip semua perbelanjaan yang telah berlaku dalam pembinaan jalan itu, tetapi sistem tol yang tetap itu ialah sistem tol yang kita akan mencadangkan untuk mengenalkan dalam sistem tol di Lebuhraya Utara-Selatan, itu akan jadi tetap, tetapi sistem-sistem yang lain saya harap pada masa depan kita akan mengecualikan.

Berkenaan dengan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan Sepadu Holding Sendirian Berhad, iaitu kontraktor atau pihak yang menjalankan rancangan North Klang Straits By-pass, mengikut janji-janji di antara Kerajaan Persekutuan dengan Sepadu Holding, saya suka menjelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat, walaupun kita telah menyiapkan jalan ini lebih kurang 7 tahun yang lalu, apakah tujuan untuk mengadakan jalan ini? Bekas Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tuan Abdul Razak telah mengarahkan Kementerian saya untuk mengadakan satu jalan yang mana kita boleh memberi peluang kerja kepada pemuda-pemuda setelah mendapat latihan daripada Dusun Tua, sebab itu jugalah kita telah menjalankan projek itu tanpa apa-apa ujian atau lain-lain perkara. Selepas kita dapat menyelesaikan jalan raya itu kita dapat arahan daripada Kerajaan Persekutuan, jalan itu boleh jadi satu jalan Persekutuan. Jikalau jalan itu kita akan menukar taraf jadi jalan Persekutuan, ada juga banyak syarat-syarat kita mesti mengikut untuk membaiki jalan itu jadi jalan Persekutuan. Lebih kurang 3 atau 4 tahun lalu kita menghadapi beberapa masalah daripada jalan itu, sebab-sebabnya daripada tanah. Ujian tanah tidak memberi kebenaran kepada kita menggunakan jalan itu untuk kenderaan-kenderaan berat, sebab itu

jugalah jalan itu kita tidak menggunakan lebih daripada 3 tahun.

Baru-baru ini lebih kurang 3 bulan yang lalu Sepadu Holding telah membuat satu kajian dan mereka telah menghantar satu laporan dan juga satu cadangan kepada Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat dan juga Kementerian saya telah mengambil beberapa tindakan untuk mendapat tahu apakah kandungan dalam laporan itu, selepas kajian kita janji dengan Sepadu Holding, mereka akan membelanjakan lebih kurang \$20,000 juta untuk memperbaiki jalan dan mereka akan mengutip tol di atas jalan itu, iaitu satu masa lebih kurang 25 tahun.

Saya harap jalan itu mengikut survey yang kita ada sekarang boleh membayar balik perbelanjaan itu dengan belanja untuk menyenggarakan jalan ini lebih kurang saya harap boleh jadi \$30 juta atau \$35 juta dalam tempoh 20 tahun, selepas itu 5 tahun akan jadi faedah kepada syarikat itu. Dengan satu kajian mendalam sahaja kita berjanji untuk memberi projek itu kepada Sepadu Holding. Jikalau ada konsortium-konsortium yang lain suka juga mengadakan laporan atau membincang dengan Kementerian kita, kita sudahpun ada perbincangan dengan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan sedikit kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, semua rekabentuk-rekabentuk dikenalkan oleh Kementerian saya. Dalam pembinaan jalan ini bukanlah boleh dikatakan rekabentuk ini rekabentuk tempatan, rekabentuk ini ialah daripada pakar-pakar perunding dari luar dunia (*Ketawa*), luar negara kita, saya minta maaf bukan luar dunia, iaitu mereka mengikuti satu cara yang biasa dalam tanahair mereka dan apabila sudah sampai ke negara kita, kita harap

rekabentuk itu tidak berapa baik kepada kita. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah mengambil beberapa tindakan untuk menentukan semua rekabentuk itu boleh juga memberi faedah kepada kita dan tidak dapat rosak dalam satu tempoh yang kita dapat tahu sekarang.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian dan memberi pandangan dalam perbincangan Rang Undang-undang ini yang dibentangkan di sidang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
AHLI PARLIMEN (SARAAN)
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.42 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta bernama Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1984 bagi meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibaca bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 telah membekalkan gaji sebanyak \$4,000 sebulan kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Di samping itu di bawah seksyen 5 Akta yang berkenaan telah dibuat ke atas Kertas Statut 102 tahun 1980 mengenai elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan bagi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat gaji dan kemudahan-kemudahan di atas diberi selaras dengan jawatan-jawatan tersebut yang bertugas sepenuh masa. Pindaan Perlembagaan melalui Akta A566 telah membenarkan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat melibatkan diri di dalam perdagangan dan kerja-kerja lain yang mendatangkan pendapatan. Ini bermakna jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah ditukar daripada jawatan sepenuh masa kepada jawatan separuh masa dan penjawat-penjawat yang berkenaan tidak lagi dihalang daripada melibatkan diri dalam perdagangan dan kerja-kerja lain yang mendatangkan pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan pindaan Perlembagaan di atas adalah difikirkan wajar supaya gaji dan kemudahan-kemudahan yang dibekalkan di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dikaji semula supaya sejajar dengan kedudukan baru jawatan-jawatan tersebut. Adalah dicadangkan supaya gaji \$4,000 sebulan yang dibayar kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat digantikan dengan elaun bulanan sebanyak \$1,000 sebulan dan kemudahan-kemudahan lain yang dinyatakan di dalam Kertas Statut 102 tahun 1980 adalah dibatalkan. Walau bagaimanapun sebagai Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat, Timbalan-timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat adalah terus mendapat elaun yang disebutkan di bawah seksyen 3 Akta yang berkenaan. Peruntukan Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1984 adalah tidak menjejaskan kedudukan penjawat-penjawat yang dilantik sebelum berkuatkuasa undang-undang ini. Mereka itu terus dibayar gaji dan elaun di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dan Kertas Statut 102 tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.46 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang di hadapan kita ialah mengenai

kedudukan Timbalan Yang di-Pertua dalam Dewan yang mulia ini.

Apa yang saya mahu bangkitkan di perbahasan ini ialah betapa mustahaknya bahawa Timbalan Yang di-Pertua dalam menjalankan tugasnya membantu Yang di-Pertua untuk menjaga taraf, kedudukan, keistimewaan dan kemuliaan Dewan Rakyat sebagai Chamber yang terulung, yang tertinggi dalam sistem politik negara kita, satu institusi yang berbeza daripada institusi Kerajaan dan bukan satu Jabatan Kerajaan.

Sebenarnya saya mahu menggunakan peluang ini tadi untuk memprotes terhadap cara Kerajaan, sikap Kerajaan terhadap Urusan Dewan yang mulia ini oleh kerana saya rasa tidak patut, tidak wajar dan bertentangan dengan konsep kedaulatan Parlimen atau supremacy of Parliament di mana kalau Kerajaan mahu Dewan yang mulia ini dalam satu hari meluluskan 10 Rang Undang-undang.

Saya ucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri Kesihatan oleh kerana ada satu usul bahawa selepas perbahasan atau kelulusan Rang Undang-undang mengenai Printing Presses ditangguhkan tetapi saya harap di masa depan tidak akan berlaku perkara semacam ini oleh kerana tugas Parlimen patut berbeza dan asing daripada Kerajaan. Kerajaan boleh kemukakan 10 Rang Undang-undang tetapi tidak patut untuk Kerajaan mensyaratkan bahawa dalam satu hari patut dihabiskan.

Parlimen ada kuasa bahawa kita mahu jika lebih masa yang cukup untuk bahas 3 Rang Undang-undang dan kalau Kerajaan tidak mahu memberi lebih masa untuk perbahasan untuk Parlimen, saki-baki Rang Undang-undang yang tidak dibahas, misalnya 7

Rang Undang-undang gugur sahaja, lapse dalam Dewan di masa depan. Tak patut di mana datang sesiapa Kerajaan atau apa-apa sikap satu hari dibawa 10 Rang Undang-undang dan akibatnya bahawa tidak memberi masa yang cukup untuk Ahli-ahli Parlimen dengan mendalam untuk bincang, timbang terhadap Rang Undang-undang yang begitu mustahak. Saya rasa kalau tidak Dewan yang mulia ini diturunkan sebagai murid-murid, pelajar-pelajar sahaja dan Kerajaan sebagai guru besar dan itulah yang pertama.

Yang kedua bahawa kemuliaan Dewan yang mulia ini patut dijaga dan satu separation di antara Parlimen dan Eksekutif patut diadakan.

Dalam Peraturan Mesyuarat semalam kita dapati bahawa di Kertas Putih antara Risalah-risalah yang dibawa ke dalam Mesyuarat ialah perkara Kertas Perintah 16 ialah Laporan Ketua Audit Negara atas Akaun Kerajaan Persekutuan, tahun 1981 yang ada dibawa ke Parlimen, ada ditable dalam Parlimen. Oleh kerana bukan sahaja ditable dalam Dewan ini, pejabat saya. Pejabat Ketua Pembangkang pun ada terima tetapi selepas itu ada ditarik balik atas arahan—sesiapa saya tak tahu, tetapi kita sudah sampai, Parlimen sudah terima, tak boleh tarik harga dan kembalikan laporan-laporan yang sudah dengan definasi sudah ditable. Saya tak tahulah sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri ada dalam keadaan untuk memberi penjelasan tetapi ini menunjukkan bahawa kita perlu mengasingkan, kita mengadakan satu konsep Parlimen yang teragung yang termaktub dalam Perlembagaan, satu konsep yang nampaknya sampai sekarang ini tidak diterima oleh Kerajaan.

Itulah kedua-dua point sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.51 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada yang saya hendak jawabkan kerana apa yang diproteskan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak ada kena-mengena dengan Rang Undang-undang yang saya bantah, maka dengan ini saya berterima kasih sahajalah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MESIN CETAK DAN PENERBITAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.54 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengawalselia penggunaan mesin cetak dan percetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan dan pengedaran hasil penerbitan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa ini terdapat tiga Undang-undang yang berlainan yang mengawal kegiatan-kegiatan percetakan dan penerbitan akhbar dan majalah tempatan serta kawalan ke atas penerbitan-penerbitan yang diimport di negeri ini seperti berikut:

- (i) Akta Mesin Cetak 1948—Akta ini adalah mengawal penggunaan mesin-mesin dan penerbitan akhbar-akhbar dan majalah-majalah tempatan.
- (ii) Akta Kawalan Penerbitan-penerbitan Yang Diimport 1958—Akta ini adalah bertujuan untuk mengawal semua penerbitan-penerbitan yang diimport daripada luar negeri di mana di bawah Akta ini kuasa telah diberi kepada Pegawai Berkuasa, untuk memeriksa penerbitan-penerbitan yang diimport terlebih dahulu iaitu sebelum ianya dibenar untuk diedar di negara ini.

- (iii) Seksyen 22 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960—Seksyen 22 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ini adalah bertujuan untuk mengawal penerbitan-penerbitan yang berbentuk subversif yang mengancam keselamatan dan ketenteraman awam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan seperti ini adalah sangat tidak memuaskan kerana ketiga-tiga Akta tersebut selalu bertindik, dengan izin, overlapping di dalam bidang kuasanya dan boleh menimbul kekeliruan di kalangan rakyat. Memandangkan kegiatan-kegiatan percetakan dan penerbitan dan kawalan ke atas penerbitan yang diimport daripada luar negeri merupakan kegiatan-kegiatan yang saling berkaitan, maka lebih sesuai dan memudahkan sekiranya cuma terdapat satu sahaja Akta atau Undang-undang yang mengawal kesemua aktiviti-aktiviti ini.

Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini telah digubal dengan menggabungkan di antara peruntukan-peruntukan di bawah Akta Mesin Cetak 1948 dan Akta Kawalan Penerbitan-penerbitan Yang Diimport 1958 yang sedang berkuatkuasa sekarang ini. Dengan penggabungan peruntukan-peruntukan dalam kedua-dua Akta berkenaan maka adalah dipercayai Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini adalah lebih menyeluruh atau, dengan izin, comprehensive dan akan dapat mengawal dan mengawasi semua kegiatan percetakan, penerbitan akhbar dan majalah tempatan serta mengawal penerbitan-penerbitan yang diimport daripada luar negeri dengan lebih berkesan di bawah satu Akta atau Undang-undang yang sama.

Akta Mesin Cetak 1948 dan Akta Kawalan Penerbitan-penerbitan Yang

Diimport 1958 ini telah digubal lebih daripada 25 tahun dahulu. Melalui peredaran masa terdapat banyak peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam kedua-dua Akta ini yang telah ketinggalan masa dan tidak sesuai lagi untuk dikekalkan dan dikuatkuasa. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, di dalam menggubal Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini peruntukan-peruntukan yang sudah tidak sesuai lagi dan yang boleh menyulitkan dari segi pentadbiran yang terdapat di dalam kedua-dua Akta ini telah diperbaiki atau ditinggalkan sama sekali. Sebaliknya peruntukan-peruntukan yang baharu yang dirasakan perlu yang tidak terdapat di dalam kedua-dua Akta ini dahulu telah pun dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang yang baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan sains dan teknologi sekarang ini telah menghasilkan banyak alat-alat dan mesin-mesin cetak yang moden seperti, dengan izin, word processor, offset, mesin penyalin, mesin pendua, micro computer dan sebagainya. Alat-alat ini, Tuan Yang di-Pertua, boleh dimiliki oleh kebanyakan orang kerana harganya tidak begitu mahal. Mengikut Akta Mesin Cetak 1948 kesemua pemilik mesin-mesin cetak seperti di atas perlulah mendapat lesen mesin cetak bagi menyimpan dan mengguna mesin-mesin tersebut. Memandangkan pemilikan dan penggunaan alat-alat cetak seperti yang dinyatakan amatlah meluas, adalah amat sukar dan tidak praktikal untuk Kerajaan terus mengawal dan mengawasi serta mewajibkan pengeluaran lesen ke atas berbagai-bagai jenis dan bentuk mesin cetak.

Oleh yang demikian, di bawah Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini, peruntukan telah dibuat di mana cuma mesin-mesin cetak yang besar sahaja iaitu mesin cetak yang boleh mencetak 1,000 cetakan atau lebih

sejam (1,000 impression per hour or more) sahaja yang perlu dilesenkan.

Dengan itu mesin-mesin penyalin dan mesin pendua atau lain-lain mesin yang kecil adalah dikecualikan. Di bawah Rang Undang-undang ini juga Jabatan-jabatan Kerajaan, badan-badan berkanun, pihak swasta dan orang-orang awam yang mengguna mesin cetak bukan bagi tujuan perniagaan percetakan tetapi semata-mata untuk kegunaan sendiri, adalah dikecualikan lesen mesin cetak.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini pita-pita rakaman dan piring rakaman (phonogram) juga telah diguna untuk merakam ucapan atau syarahan dan sebagainya. Pengeluaran dan pendedaran pita-pita rakaman dan piring-piring rakaman seumpama ini jika tidak dikawal sewajarnya berkemungkinan akan mengancam keselamatan dan ketenteraman awam negara ini.

Di bawah Undang-undang yang sedia ada iaitu Akta Mesin Cetak 1948, tiada peruntukan-peruntukan yang tertentu bagi tujuan mengawal pengeluaran dan pendedaran kaset-kaset dan piring-piring rakaman seperti ini.

Oleh itu, peruntukan-peruntukan yang sesuai telah dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984 ini di mana di bawah Rang Undang-undang ini telah disyaratkan tiap-tiap pita-pita rakaman dan piring-piring rakaman (phonogram) yang dikeluarkan dan diedarkan hendaklah mengandungi nama penerbit atau pengeluar pita-pita rakaman dan piring-piring rakaman yang berkenaan.

Yang demikian, sekiranya didapati bahan-bahan yang terdapat di dalam pita-pita rakaman atau piring-piring rakaman yang berkenaan bahan-bahan

yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam atau prasangka dari segi moral dan akhlak mulia, maka tindakan yang sewajarnya boleh diambil ke atas pengeluar atau penerbit-penerbit pita-pita rakaman dan piring-piring rakaman yang berkenaan.

Sekiranya penerbit atau pengeluar pita-pita rakaman dan piring-piring rakaman yang berkenaan tidak mencatatkan nama penerbit atau pengeluar di atas kaset-kaset atau piring rakaman tersebut, maka mereka adalah melakukan kesalahan di bawah Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984 ini dan mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya tegaskan di sini bahawa pita-pita rakaman untuk kegunaan sendiri dan tidak bertujuan untuk diedar atau dijual adalah dikecualikan daripada peruntukan undang-undang yang saya sebut tadi. Ini adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada orang ramai membuat rakaman bagi kegunaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini majalah dan akhbar-akhbar asing yang diterbitkan di luar negeri telah cuba mengeksploitasi berita-berita secara keterlaluan dan tidak bertanggungjawab sehingga mengakibatkan berita-berita yang tidak tepat, menyeleweng, terpesong dan berpotensi menjatuhkan maruah dan imej negara ini. Di bawah Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984 ini peruntukan-peruntukan yang perlu telah dibuat bagi tujuan mengawal dan mengawasi penerbitan-penerbitan daripada luar negeri dengan lebih berkesan lagi. Rang Undang-undang ini dapat meletakkan penerbitan-penerbitan tempatan dan penerbitan-penerbitan luar negeri di tahap yang sama dari segi "liability dan

accountability", dengan izin, dalam penerbitan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Dalam Negeri telah diberi kuasa untuk menetapkan syarat-syarat tertentu termasuklah syarat mewajibkan penerbit-penerbit daripada luar negeri membayar deposit sebelum penerbitan-penerbitan mereka dibawa masuk ke negara ini. Deposit ini bolehlah dilucuthak atas perintah mahkamah jika penerbit majalah-majalah atau akhbar yang berkenaan melanggar apa juga peruntukan Akta, kaedah atau syarat-syarat yang dikenakan.

Mahkamah boleh juga memerintah deposit tersebut dibayar kepada mana-mana orang yang telah menang tuntutan dalam mahkamah terhadap penerbitan atau rencana dan sebagainya yang telah diterbitkan di dalam penerbitan yang berkenaan ataupun penerbit yang gagal menghadirkan dirinya di mahkamah. Cara membuat cagaran dan melucuthaknya akan ditetapkan dengan cara membuat kaedah, kerana hal ini akan melibatkan soal-soal yang rumit dan perlu dipinda dari masa ke semasa.

Walau bagaimanapun, sukaulah saya tegaskan di sini bahawa sebenarnya Kerajaan tidaklah berniat untuk mengharamkan penerbitan-penerbitan daripada luar negeri daripada diimport ke negara ini. Kebanyakan penerbitan-penerbitan ini tidaklah membahayakan (harmful) tetapi jika didapati sesuatu penerbitan tersebut menyiarkan bahan-bahan atau artikel yang tidak diingini dan membahayakan keselamatan negara, maka penerbitan tersebut perlulah dikawal, diawasi dan diambil tindakan.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini penerbitan-penerbitan tempatan yang prejudicial dari segi keselamatan atau

akhlak mulia adalah dikawal di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960, Seksyen 22. Pengharaman penerbitan yang bukan berasaskan keselamatan negara iaitu atas sebab-sebab lain seperti prasangka dari segi moral dan akhlak mulia adalah tidak boleh diharamkan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960. Oleh yang demikian, di bawah Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984 ini peruntukan-peruntukan yang perlu untuk mengawal dan mengawasi penerbitan-penerbitan yang tidak diingini yang diterbitkan di dalam negeri mahupun di luar negeri telah dimasukkan.

Satu lagi masalah yang dihadapi di bawah Akta Mesin Cetak, 1948 sekarang ini ialah semua lesen mesin cetak dan permit penerbitan di bawah Akta ini tamat tempoh lakunya pada 31hb. Disember pada tiap-tiap tahun ianya dikeluarkan. Oleh itu semua lesen mesin cetak dan permit penerbitan terpaksa dibaharui pada tiap-tiap akhir tahun bagi memastikan bahawa pemegang-pemegang lesen mesin cetak dan permit penerbitan ada mempunyai permit penerbitan atau lesen mesin cetak yang sah pada 1hb. Januari tahun yang berikutnya.

Di bawah Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini, maka peruntukan ini telah dipinda di mana setiap lesen mesin cetak dan permit penerbitan yang dikeluarkan adalah laku dalam tempoh satu tahun daripada tarikh ianya dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984 ini adalah merupakan gabungan di antara Akta Mesin Cetak 1948, Akta Kawalan Penerbitan-penerbitan yang Diimport, 1958.

Ianya adalah lebih menyeluruh dan dapat mengawal serta mengawasi secara lebih berkesan penggunaan mesin cetak penerbitan akhbar dan majalah

tempat serta luar negeri. Kerajaan telah memikir dan bersetuju mengadakan Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984 ini semata-mata dengan tujuan untuk menjaga kepentingan rakyat dan negara selaras dengan sikap liberal yang diamalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengawalselia penggunaan mesin cetak dan percetakan, pengimportan, penghasilan, pengedaran semula, penerbitan dan pengedaran hasil penerbitan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Ceba.

7.09 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dibuat mengikut apa yang ditulis di sini dan dikatakan sekejap tadi ialah tujuannya mengawalselia penggunaan mesin cetak dan sebagainya.

Kawalan ke atas percetakan dan semua gerak-geri rakyat memanglah menjadi kewajipan sesebuah Kerajaan sepertimana juga kewajipan ketua bagi sesebuah keluarga mengawal gerak-geri sekalian anak buahnya yang berada di bawah tanggungannya. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, mengawal dan menyelia gerak-geri anak buah kita dengan begitu ketat sampai kepada peringkat mengikat mereka semacam mengenakan kekang

di mulut kuda, menyebabkan kuda tak boleh berlari kecuali mengikut haluan-haluan tertentu sahaja.

Kawalan seperti ini menyebabkan manusia-manusia yang dikenakan kawalan selia seperti ini akan bertukar sama ada menjadi makhluk kuda yang kena kekang, pasif dan lembab ataupun bertindak balas menendang dan mencampak jatuhkan sais atau gembalanya sendiri.

Pepatah hukamak menyebut: Maksudnya, "Janganlah keras sangat, kamu nanti dipatah-patahkan, dan jangan pula lembut sangat kamu nanti kena sudu." Saya kata begitu, Tuan Yang di-Pertua, kerana siapa sahaja yang membaca muka 17, Fasal 24 mengenai halangan kepada proses undang-undang bahawa: "Tiada apa-apa jua prosiding undang-undang boleh diambil atau dimulakan atau disenggarakan dalam mana-mana mahkamah kerana atau disebabkan apa-apa kerugian, atau kerosakan kepada, apa-apa jua yang disita, ditahan, dirampas atau dimusnahkan di bawah Akta ini."

Siapa sahaja yang membaca Fasal ini pasti tergambar di dalam kepalanya bahawa hubungan di antara Kerajaan hari ini dengan rakyatnya sendiri sekarang seakan-akan penuh dengan dendam kesumat, dengan kemarahan yang membara yang menunggu masa untuk disergah dan dimamah hancur.

Hubungan tegang seperti ini boleh jadi berpunca dari degil dari pihak rakyat yang kena kawal selia ataupun kerana rakus dan gila kuasa di sebelah pihak yang memerintah. Makalah ini dengan jelas dan terang telah merampas hak asasi rakyat untuk menampung hidup di atas muka bumi Allah yang sekali sekala pasti berlaku pergeseran yang tidak dapat dielakkan sebagai makhluk manusia yang dibancuhkan

sejak semula jadi dengan sifat haiwan dan malaikat yang sekali sekala berlaku kekasaran dan sebagainya. Sesungguhnya dengan menghapuskan hak mengemukakan penganiayaan ke atas mereka kepada mahkamah telah dengan terang menjejaskan lunas-lunas keadilan. Keadilan masa telah dilaung-laungkan oleh seluruh para Imam Jumaat di negeri kita dan di seluruh dunia setiap hari Jumaat dengan Firman suci yang bermaksud: Sesungguhnya Allah memerintah manusia dengan keadilan, menjalankan keadilan dan ihsan Allah melarang manusia melakukan keji, mungkar dan zalim. Allah menasihatiimu agar kamu sekalian ingat. Ingat bahawa kamu hanya manusia yang kena perintah. Kamu bukan Tuhan yang memerintah kehendak nafsu.

Fasal ini memberi erti bahawa Kerajaan sekarang seolah-olah tidak lagi mempercapai keadilan mahkamah dan mahkamah tidak lagi berfungsi untuk mentadbirkan atau mengadili pertelingkahan di antara rakyat dan eksekutif. Sedangkan di antara fungsi mahkamah ialah menyelesaikan perbalahan, perselisihan, termasuk perselisihan di antara rakyat dengan Kerajaan.

Teringat saya kepada ucapan Ketua Hakim Negara dalam upacara membuka bangunan baru Mahkamah Agung di Kuala Lumpur baru-baru ini yang bermaksud bahawa di antara badan-badan yang belum disentuh oleh politik hari ini ialah badan kehakiman. Agaknya kerana itulah sebabnya pihak yang bertanggungjawab dalam mengemukakan Rang Undang-undang ini telah tidak lagi percaya kepada keadilan mahkamah yang terus menerus bersendirian dan bebas sehingga ke peringkat berani menjatuhkan hukuman bunuh ke atas seorang Menteri Kerajaan baru-baru ini. Sesungguhnya peruntukan Fasal ini telah melampau dan menggambarkan bahawa Kerajaan

sekarang berprinsipkan kuasa mesti dipegang tetapi risiko jangan. Yang anehnya Fasal ini dikemukakan pada Parlimen di saat Kerajaan hari ini riu-rendah melaung-laungkan slogan penerapan Islam dalam pentadbiran Kerajaan. Sedangkan Islam sendiri telah menetapkan kehormatan harta benda, kehormatan rumah tangga dan sebagainya sebelum daripada lahirnya Bangsa-bangsa Bersatu, sebelum daripada lahirnya Atlantic Charter, sebelum daripada lahirnya Revolusi Prancis tahun 1787. Baginda Rasulullah dalam ucapannya yang bersejarah di Padang Arafah, kira-kira 1,400 tahun dahulu yang ditujukan bukan kepada seluruh negara sahaja tetapi seluruh dunia di atas sifatnya sebagai Nabi bagi seluruh manusia di seluruh dunia, yang bererti sesungguhnya darah kamu, nyawa kamu, harta benda kamu adalah menjadi kehormatan yang wajib dipertahankan. Sepertimana terhormatnya hari arafah kamu ini, tanah suci kamu ini, bulan haji kamu ini. Awas berhatilah kamu kepada Allah dan berhati-hatilah dengan perempuan.

Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pihak yang berkenaan dalam penggubalan Fasal ini telah begitu maghrur tertipu dengan pengaruh dan kuasa yang diberi oleh Allah padanya hari ini, lalu mereka sampai hati mengenepi dan menidak-nidakkan kehormatan harta benda dan air muka orang-orang yang terlibat dengan Rang Undang-undang ini sekiranya berlaku kerosakan, kerugian dan sebagainya. Tolonglah ada dalam ingatan mereka bahawa Saidina Jibrael a.s. pernah turun dari langit untuk menegur Nabi Muhamad s.a.w. di atas satu kes di mana beliau hanya menolak seorang Baduwi yang berlaku kasar dengan menggunakan kayu suginya sahaja. Jibrael menegur dengan berkata yang bermaksud: Kamu wahai Muhamad dikirimkan ke dunia sebagai seorang Nabi, bukannya sebagai seorangnya bengis dan garang. Mahu tidak mahu

Rasulullah s.a.w. terpaksa mencari Si Baduwi tadi untuk meminta maaf. Tetapi Baduwi tadi bermati-matian tidak mahu memaafkan baginda sambil meminta supaya Rasulullah s.a.w. membuka bajunya untuk dibalas. Namun bila Rasulullah membuka bajunya, Baduwi itu tidak membalas bahkan mendakap tubuhnya yang mulia dengan harapan supaya api neraka.....

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat, tatatertib mesyuarat nombor berapa? Minta duduk, Ahli Yang Berhormat daripada Kemaman membangkitkan perkara Tatatertib Mesyuarat. Diminta Yang Berhormat duduk.

Tuan Ismail bin Said: Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu. Tuan Yang di-Pertua, yang ada di hadapan kita ialah Rang undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Jadi apa yang saya faham daripada ucapan Ahli dari Pengkalan Chepa tadi seolah-olah beliau memberi satu syarahan agama. Minta petua daripada Tuan Yang di-Pertua.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Nombor berapa itu Yang Berhormat?

Tuan Ismail bin Said: 36 (1).

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah membangkitkan Peraturan Mesyuarat 36 (1) berkenaan dengan isi ucapan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Setakat ini pada pendapat saya oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa membangkitkan perkara penggunaan kuasa yang diminta di bawah Rang Undang-undang ini setakat ini saya berpendapat relevant.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Ma: saya berterima kasih di atas teguran yang diberi oleh Yang Berhormat tadi sebagai saya pensyarah agama, dan memang saya setuju benar, kalau boleh tiap-tiap percakapan saya berdasarkan kepada agama.

Saya hanya membangkit sepertiimana yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, membangkit bagaimana perlunya menjaga kehormatan harta benda dan menjaga kehormatan maruah seperti cerita yang dibawa sekejap tadi. Akan lumpuhlah segala daya utama dan daya pemikiran dari golongan kreatif untuk bekerja, berniaga, menulis kerana hidupnya sentiasa dirundung ketakutan dan kebimbangan yang berpanjangan sepertiimana nasib rakyat di negara Tabir Besi.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga masalah penyerahan kuasa yang mutlak kepada Menteri untuk mengawal hasil penerbitan yang tidak diingini sepertiimana kandungan Fasal 7, 71 muka 8 dan juga masalah pemberian lesen yang diserahkan bulat-bulat kepada Menteri. Walaupun penyerahan kuasa mutlak kepada Menteri di kedua-dua bahagian ini disulamkan dengan kata-kata manis iaitu perkataan menurut budibicara Menteri itu sendiri tetapi bukankah lebih adil dan lebih mudah dimengerti sekiranya golongan yang membuat dasar seperti para Menteri tidak mengganggu dan tidak mencampuri kerja-kerja golongan pelaksana atau eksekutif. Walaupun kita tahu bahawa para Menteri adalah mengepalai golongan eksekutif tetapi masalah pembahagian kuasa yang terkenal dalam pemerintahan demokrasi, kuasa membuat dasar, kuasa melaksana dan kehakiman perlulah dijaga dengan penuh cermat dan bertimbangrasa.

Bukankah lebih logik dan lebih dekat dengan garisan keadilan sekiranya diserahkan perkara-perkara ini kepada

satu jemaah yang mungkin dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan serta dianggotai oleh unit-unit yang bertanggungjawab pada hal ehwal keselamatannya. Kerana orang-orang ini lebih menetap, lebih prominent tidak seperti Menteri-menteri yang setiap kali terdedah pergi dan mari, silih berganti mengikut giliran perombakan Kabinet dan pertukaran Kerajaan. Patutlah diketahui bahawa bukan Menteri-menteri sahaja yang setia, pegawai-pegawai eksekutif juga setia kepada Kerajaan, bahkan kesetiaan mereka lebih mendalam dan berterusan daripada orang-orang politik yang selama lamanya yang berkeadaan tidak menetap disebabkan jawatan mereka memang untuk satu ketika tertentu sahaja sementara ianya disayangi dan menjadi anak emas bagi seorang Perdana Menteri sekalipun menang dalam pilihanraya. Manakala para pegawai sekalian terpaksa menjaga jawatan mereka dengan penuh setia dan cermat sebelum mereka dikurniakan pencen dan kemudahan-kemudahan lain.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah penerbitan yang dimasukkan ke dalamnya rakaman suara, saya sebenarnya tidak menentang pada asasnya untuk mengawal seliaan bahan ini, kerana bahan rakaman sekarang telah mengambil tempat yang selama ini menjadi bahan tulisan sahaja, menjadi bahan pelajaran, bahan rujukan dan sebagainya. Tetapi soalnya kenapa baharu sekarang bahan ini dimasukkan di bawah Akta ini sedangkan sebelum ini keset-keset nyanyian khayal telah begitu lama memusnahkan nilai-nilai murni muda-mudi kita dan telah lama menyebabkan muda-mudi kita terlibat dalam kancah dadah dan berperangai liar. Mengapa bila keset-keset yang berunsurkan ajaran Islam secara syumul itu beredar dalam pasaran maka mula tindakan-tindakan begini hendak diambil.

Mengapa setelah Islam menjadi buah mulut masyarakat dan Kerajaan sendiri ingin menerapkannya, kita hendak memayah-mayahkan penyibaran keset-keset khususnya keset-keset yang mengandungi ajaran-ajaran Islam secara syumul. Hendak ditunggu wujudnya keset-keset seperti itu diucapkan oleh pemimpin-pemimpin negara kita, hingga sekarang mengikut pengetahuan saya belum lagi wujud dan kalau sekali sekala ada ucapan dari mereka pun pihak recorder nampaknya tidak berminat untuk merecording kerana bimbang takut tidak ada pasaran.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, rang ini lebih banyak ditujukan untuk menyekat perkembangan golongan Pembangkang, golongan dakwah yang selalu menasihati dan mengkritik pihak yang satu lagi bahkan kalau boleh memusnahkan mereka, lebih daripada apa yang disebut-sebut sebagai tujuan menyekat unsur-unsur dari luar, sedangkan wujudnya golongan pengkritik Pembangkang adalah terlalu amat penting dalam hidup kita, manusia. Ianya bukan sahaja diterima dan direstui oleh sistem demokrasi tulin malah ianya digalakkan oleh Islam sendiri. Dengan izin, sekiranya Allah tidak mengangkat setengah manusia di atas setengah lain tentu punah-ranah dunia ini.

Yang kedua, golongan muda-mudi di seluruh dunia hari ini yang mula menyedari kegunaan Islam dan keunggulannya telah memilih surah Wal-Asr di setiap kali berakhirnya pertemuan-pertemuan mereka dengan tujuan di antara lain supaya ajaran Watawasau bilhakki watawasau bilsabri yang terkandung dalam surah itu dapat dihayati terus-menerus. Kedua-dua ayat ini mengajar manusia supaya yang pertama selalu-selalulah berpesan satu sama lain supaya menegakkan hak dan kebenaran. Dan serentak dengan itu disertakan pula dengan ajaran yang

kedua iaitu selalu-selalulah berpesan sesama lain dengan bersabar dan tabah hati. Kerana Allah dengan ilmu-Nya yang azali telah tahu benar-benar bahawa yang hak pasti tidak akan dapat bertegak tanpa digandingkan dengan sabar, kerana yang hak dan yang benar selama-lamanya pahit dan sukar diterima oleh manusia yang keseluruhannya angkuh dan bersifat egois. Dengan itu bagi saya penyebaran keset-keset yang berunsur dakwah, yang berunsur ajaran Islam secara syumul yang lengkap dengan hujah-hujah yang sah dari Quran dan Hadis yang perlu diperbanyakkan dan dipermudahkan penyibarannya tanpa sebarang halangan. Sekianlah, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Baling.

7.24 ptg.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas peluang yang telah diberi kepada saya yang mana saya sangat tertarik hati dan berpuas hati dapat sama membahas di atas Rang Undang-undang ini yang mana 25 tahun lalu telah dibuat dan belum dipinda lagi iaitu Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Saya percaya Undang-undang ini dibuat adalah mustahak supaya tidak ditangguhkan bahkan saya berharap Akta ini telah lama dikemukakan dan diluluskan tetapi kelambatan ini dibentangkan dan akan diluluskan dibuat bukan bermakna lewat. Bahkan setelah dapat maklumat yang jelas dan melihat di atas tindak-tanduk yang telah berlaku yang terang di semua alat didengar ataupun di semua tulisan yang telah dicetak, dibaca yang mana bukan sahaja menyeleweng bahkan pendapat orang ramai akan menjadi bahaya dan

malapetaka kepada rakyat di negara kita khususnya jenerasi muda-mudi yang ada di dalam keadaan negara yang serba maju dan membangun ini. Saya percaya Undang-undang ini dibawa tidaklah lewat dan tidak terlampau awal seperti, dengan izin, khairul umur ausatua—sebaik-sebaik pekerjaan itu pertengahan.

Tuan Yang di-Pertua, dukacita dimaklumkan walaupun pelajaran dan pendidikan dipupuk dan diberi dari peringkat serendah-rendah sehingga setinggi-tingginya tetapi dengan adanya rakaman-rakaman yang tidak bertanggungjawab dan bacaan yang salah tafsir maka susunan masyarakat telah menjadi umbang-ambing dan menyebabkan perpecahan dalam masyarakat yang mana masyarakat yang dahulunya bersatu dan bersepadu maka saya percaya dengan adanya Akta ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini suasana negara dan kefahaman rakyat jelata akan tenteram dan bermesra. Dengan adanya kemesraan dan semangat muhibah maka negara menjadi harum dan mempunyai rakyat yang baik dan dihormati dan mempunyai nilai-nilai Islam yang disanjung tinggi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Sabda Nabi: Annikmatu ma'al jemaah iaitu nikmat peserta dengan orang ramai.

Buat mengakhiri, saya juga menyarankan ucapan saudara kita dari Pengkalan Chepa tadi walaupun benda ini disekat, walaupun benda ini dibawa dalam Dewan ini menjadi satu Akta, saya percaya ini telah sampai pada tempatnya iaitu Sabda Nabi: Kulilhak walaukana murrān—katakanlah oleh kamu perkara yang benar walaupun benda itu pahit. Dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang Cetak dan Penerbitan 1984.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Kota Melaka.

7.28 *mlm.*

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):

Tuan Yang di-Pertua, apabila pemimpin 2M memegang teraju Kerajaan dalam bulan Julai 1981, mereka telah menjanjikan kepada rakyat Malaysia bahawa sebuah Kerajaan yang terbuka, liberal dan demokratik tetapi ini semua masih belum lagi dikotakan.

Di dalam beberapa hubungan, Kerajaan 2M telah membuktikan bahawa ia adalah kurang terbuka, liberal dan demokratik berbanding dengan pentadbiran-pentadbiran sebelumnya seperti ditunjukkan dalam sikapnya terhadap prinsip accountability awam dalam kes skandal pinjaman \$2,500 juta Bumiputera Malaysia Finance di Hong Kong berbanding dengan skandal sejumlah \$150 juta Bank Rakyat dalam tahun-tahun akhir 70an; "double-standards" yang cynical dalam pemakaian undang-undang negara ini seperti ditunjukkan dalam anjuran rapat-rapat umum haram oleh UMNO di seluruh negara dalam masa krisis Perlembagaan, sikap tidak mengendahkan langsung tanggungjawab dan peranan Parlimen sebagai badan perundangan dan politik yang tertinggi sekali dalam negara serta pindaan-pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi untuk menjadikan Kerajaan lebih berahsia dan tidak "accountable" kepada rakyat.

Pembentangan Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan ini menandakan kemuncak dari tidak liberal, demokratik dan authoritarian Kerajaan 2M kerana apa yang kita membahaskan sekarang bukan semata-mata mengenai mesin cetak dan penerbitan tetapi sebenarnya menggariskan atau define ciri dan asas policy politik Malaysia, sama ada kita mahukan sebuah negara Malaysia yang terbuka, liberal dan demokratik atau sebuah negara Malaysia yang tertutup, represif dan authoritarian.

Menurut pandangan parti saya—DAP, Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan ini adalah sangat objectionable and obnoxious berdasarkan kepada tiga alasan, bahawa ia adalah tidak demokratik, tidak berperlembagaan dan merupakan penafian teruk hak asasi rakyat Malaysia terhadap kebebasan melahirkan pendapat, akhbar dan maklumat, dengan izin, right of freedom to express, press and information.

Malah dengan penarikan balik pindaan-pindaan Perlembagaan berhubung dengan Perkara 150 Perlembagaan Malaysia yang akan memberikan Perdana Menteri kuasa tunggal yang tidak boleh dipersoalkan untuk mengisytiharkan Darurat dalam sidang khas Parlimen pada bulan Januari lalu, Rang Undang-undang Mesih Cetak dan Penerbitan 1984 ini merupakan undang-undang yang paling draconian yang dibentangkan oleh Kerajaan 2M yang merupakan ancaman terbesar terhadap demokrasi di Malaysia.

Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan ini bukan sahaja menyatukan Akta Mesin Cetak 1948 dan Akta Kawalan Penerbitan Diimport 1958 dan peruntukan-peruntukan dalam ISA mengenai penerbitan tetapi juga melengkapkan Kerajaan dengan kuasa-kuasa yang baru dan meluas untuk menghentikan hak rakyat Malaysia terhadap kebebasan melahirkan pendapat, akhbar dan maklumat.

Adalah menjadi fesyen bagi Kerajaan 2M untuk membidas pengalaman yang dialami semasa penjajahan British tetapi ia masih terus bercommitted penuh untuk mengekal malah melicinkan lagi (refined) cara-cara kongkongan politik yang diamalkan oleh Kerajaan kolonial British ke atas subjek-subjek Malaysia—Malaya masa itu; sungguh-

pun kita telah membebaskan diri dari pemerintahan penjajah hampir tiga dekad dahulu dan membanggakan diri bahawa bukan sahaja kita adalah bebas dan merdeka tetapi juga mengamalkan sistem demokrasi berparlimen.

Inilah mungkin apa yang dimaksudkan oleh Kerajaan 2M sebagai demokrasi ala-Malaysia yang berbeza dari demokrasi cara West-minster, di mana kita memakaikan cara-cara kongkongan politik yang dimaksudkan untuk wilayah-wilayah penjajahan untuk menaklukkan rakyat tempatan kepada tuan-tuan kolonial dan bukan sebaliknya menjunjung prinsip-prinsip demokrasi serta menghormati hak-hak manusia rakyat Malaysia yang bersesuaian dengan sebuah demokrasi Parlimen yang bermakna.

Akta Mesin Cetak 1948 telah diperkenalkan dalam bulan Julai tahun 1948 sebulan selepas pemberontakan bersenjata Partai Komunis Malaya sebagai sebahagian daripada kuasa-kuasa luar biasa yang dipunyai oleh Kerajaan kolonial untuk menghadapi suatu keadaan luar biasa akibat pengisytiharan Darurat pertama dalam bulan Jun, 1948.

Terdapat dua sebab yang baik sekali mengapa kuasa-kuasa authoritarian yang diberikan oleh Akta Mesin Cetak 1948 kepada Kerajaan kolonial untuk menafikan hak-hak asasi manusia terhadap kebebasan melahirkan pendapat, akhbar dan maklumat harus dimansuhkan atau dikurangkan, diwatered down. Pertama, negara kita adalah sebuah negara yang merdeka yang harus mempunyai sebuah masyarakat politik yang lebih bebas daripada zaman penjajahan British. Kedua, kuasa-kuasa yang dipegang oleh Kerajaan semasa Darurat untuk menghadapi sesuatu keadaan luar biasa yang mengancam keselamatan negara hendaklah diserahkan sebaik sahaja

keadaan negara kembali kepada sediakala. Takkanlah sesiapa dalam Barisan Nasional boleh mencadangkan dengan seriusnya bahawa keadaan negara kita adalah tidak kurang buruk dari zaman tahun 1948.

Sungguh malangnya kita diminta bukan memansuh atau mengurangkan kedahsyatan ciri-ciri tidak demokratik dan otokratik Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan, akan tetapi menjadikan undang-undang tersebut lebih repressive and authoritarian sehingga menyerang dengan dahsyatnya hak manusia terhadap kebebasan melahirkan pendapat, akhbar dan maklumat di Malaysia.

Kerajaan Malaysia adalah penyokong di forum-forum dunia dalam kempen untuk mewujudkan satu Order Maklumat dan Komunikasi Dunia Baru berdasarkan kepada Laporan Suruhanjaya Antarabangsa UNESCO diketuai oleh Sean MacBride bertajuk "Many Voices, One World".

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Sean MacBride?

Tuan Lim Kit Siang: "Many Voices, One World" yang mengkaji, dengan izin, "Totality of Communication Problems in Modern Societies". Kerajaan Malaysia harus sedar bahawa Suruhanjaya MacBride bukan sahaja telah menghadapi dominasi tak saksama berita-berita dan maklumat di antara negara-negara khasnya negara-negara yang berindustri dan dunia ketiga tetapi dalam negara-negara tersebut sendiri.

Kita harus mengendahkan apa yang dipertahankan dengan kuatnya Laporan Suruhanjaya MacBride mengenai kebebasan melahirkan pendapat yang mana laporan tersebut menyebut, dengan izin, saya mahu quote:

"The presence or absence of freedom of expression is one of the most

reliable indications of freedom in all its aspects in any nation. Today, in many countries throughout the world, freedom is still trampled upon and violated by bureaucratic or commercial censorship by the intimidation and punishment of its devotees, and by the enforcement of uniformity. The fact that there is said to be freedom of expression in a country does not guarantee its existence in practice. The simultaneous existence of other freedoms (freedom of association, freedom to assemble and to demonstrate for redress of grievances, freedom to join trade unions) are all essential components of man's right to communicate. Any obstacle to these freedoms results in suppression of freedom of expression."

Bahagian 2 Perlembagaan Malaysia mengisytiharkan kebebasan berucap sebagai satu kebebasan asasi, bahawa setiap warganegara berhak terhadap kebebasan berucap dan melahirkan pendapat tetapi ia dengan serta-merta mensyaratkan hak manusia ini dengan membuat peruntukan bahawa Parlimen boleh menurut undang-undang mengenakan sekatan-sekatan ke atasnya.

Disebabkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 merupakan pengurangan serius dan hakisan kebebasan asasi dan hak manusia terhadap kebebasan melahirkan pendapat di negara ini, maka Parlimen hendaklah mengkaji semula dengan mendalam keseluruhan taraf kebebasan melahirkan pendapat di negara ini serta persesuaiannya dengan prinsip-prinsip demokrasi yang kita mengakui mempertahankan dalam sistem politik kita. Kita mesti menanyakan diri kita sama ada kita mahukan kebebasan melahirkan pendapat dipraktikkan atau hanya sekadar melaung-laungkannya sahaja. Umpamanya, Soviet Union khususnya menjamin dalam

Perkara 125 Perlembagaannya kebebasan melahirkan pendapat, kebebasan akhbar, kebebasan berhimpun termasuk menganjurkan perhimpunan-perhimpunan besar serta kebebasan mengadakan perarakan dan demonstrasi. Kita tidaklah seharusnya mengakhiri seperti Soviet Union di mana kebebasan-kebebasan seumpama itu hanya didapati dalam perlembagaan sahaja.

Tuan Alias bin Md. Ali: (*Bangun*)

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat hendak membangkitkan tertib Mesyuarat atau minta jalan?

Tuan Alias bin Md. Ali: Minta jalan.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Minta jalan, boleh beri Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya mahu rehat sedikit. Terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Jemput Yang Berhormat.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya cuma hendak tahu kenapa suara Yang Berhormat itu serak macam orang hendak menangis?

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Sila ulangkan, Yang Berhormat.

Tuan Alias bin Md. Ali: Suara Yang Berhormat itu sedih sangat macam hendak menangis!

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Sebab apa suara Yang Berhormat terlalu sedih?

Tuan Lim Kit Siang: Saya sedih oleh kerana kita akan hilang hak-hak asasi

kepada pendapat, maklumat dan akhbar. Malam ini kita akan membunuh lagi hak-hak asasi, freedom of expression, sebab itu saya sedih tetapi saudara-saudara sukaria oleh kerana mereka mahu bunuh hak-hak asasi.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Tetapi Parlimen memberikan kebebasan kepada Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Parlimen mahu bunuh sebab itu kita mahu lebih sedih tetapi Yang Berhormat dari Ulu Terengganu tidak sedar dan tidak faham.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, cukup penjelasan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, mahu lagi keterangan?

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Saya suka memberi penjelasan sedikit iaitu Parlimen sedang pun memberi Yang Berhormat kebebasan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, terhad. Kebebasan untuk menyertai satu keputusan untuk membunuh, mengakhiri atau untuk menyekat kebebasan melahirkan pendapat.

Tuan Yang di-Pertua, kita haruslah memupuk pertumbuhan tradisi melahirkan pendapat dengan bebasnya dan bukan mencacatkannya dan kita akan berbuat demikian dengan meluluskan Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984. Rationale di sebalik hak asasi kebebasan melahirkan pendapat dan operasi akhbar bebas ialah dalam sebuah masyarakat manusia, tidak seorang atau institusi pun yang boleh mendakwa yang ia memegang monopoli terhadap kebenaran atau mempunyai vision yang terbaik sekali untuk masyarakat. Ini juga akan meniadakan asas bentuk demokrasi kerana apa yang wujud ialah model otoritarian atau totalitarian dan bukan suatu model yang demokratik.

Kebenaran dan vision terbaik sekali untuk sebuah masyarakat boleh didapati dalam "interplay" idea-idea ahli-ahli masyarakat yang membayangkan pengwujudan kebebasan melahirkan pendapat serta juga kebebasan akhbar yang mengiktirafkan hak setiap orang untuk menerima, mencari dan menyampaikan maklumat, (to receive, to seek and to impart information), idea-idea dan pendapat-pendapat. Unsur ketiga yang "indispensable" kebebasan melahirkan pendapat ialah kebebasan terhadap maklumat iaitu hak seseorang warganegara untuk diberitahu akan apa sahaja yang mungkin menjejaskan hidupnya, untuk membantunya membuat keputusan serta menyumbangkan ke arah pemikirannya.

Kebebasan terhadap maklumat rakyat Malaysia telah pun dilemahkan oleh pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi tahun lalu dan kini dengan Rang Undang-undang ini, segala tiga aspek kebebasan melahirkan pendapat akhbar dan maklumat menghadapi serangan. Sebelum beliau menjadi Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad, telah menulis satu rencana dalam akhbar tempatan bertajuk "The Freedom of the Press—Fact and Fallacy" di mana beliau telah mempertahankan censorship Kerajaan serta menghadapi dengan panjang lebarnya akan bahaya akhbar yang tidak bertanggungjawab.

Saya setuju penuh bahawa kebebasan akhbar tidaklah bererti akhbar-akhbar yang mempunyai lesen untuk bertindak secara tidak bertanggungjawab dan akhbar yang menyalahi undang-undang hendaklah menghadapi akibatnya dalam mahkamah sama ada kerana fitnah (defamation) atau kerana melakukan hasutan kerana apa yang kita menghendaki ialah akhbar yang bebas dan bertanggungjawab. Akan tetapi apa yang kami membantah dengan sekeras-kerasnya ialah sebarang jenis tapisan oleh Kerajaan yang bertujuan mengenakan satu bentuk

kebenaran atau vision seperti dinyatakan dalam kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, apabila beliau mengulas Rang Undang-undang ini dalam sebuah rencana akhbar New Straits Times bertarikh 21hb Mac, 1984, dengan izin, satu paragraph:

“We are not curtailing”, itulah kata Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membentang Rang Undang-undang ini:

“We are not curtailing their (the people’s reading; we want them to read as much as possible. But people know which magazines the Government doesn’t like. They must be vigilant and discard publications which are not in accord with the Government vision.”

Tuan Yang di-Pertua, mengikut garis panduan ini, rakyat tahu misalnya bahawa majalah-majalah yang tidak disukai oleh Kerajaan dan tidak accord dengan Government vision seperti majalah Far Eastern Economic Review yang mana pagedaran isu-isunya ditahan selama lebih sebulan dan ini jelaslah satu jenis hukuman terhadap majalah Far Eastern Economic Review kerana liputan yang dibuat berhubung dengan skandal Bumiputera Malaysia Finance dan Krisis Perlembagaan tahun lalu.

Jelaslah liputan majalah Far Eastern Economic Review mengenai skandal BMF dan Krisis Perlembagaan adalah tidak selaras dengan vision Kerajaan. Malah, liputan krisis Perlembagaan juga telah melanggar arahan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada pihak akhbar supaya menghitamkan segala liputan mengenai Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) yang telah diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen dalam bulan Ogos tahun lalu yang telah mencetuskan krisis Perlembagaan.

Di sini mungkin kita terpaksa menanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apakah hak beliau mempunyai untuk memerintahkan pihak akhbar supaya menghitamkan semua perbahasan Parlimen ke atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) Ogos lalu yang menyentuh peruntukan-peruntukan yang kontroversial kerana ini menidakkkan apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai supremacy of Parliament atau keagungan kemahuan rakyat, the will of the people, yang dicerminkan menerusi Parlimen—sedangkan will Perdana Menteri boleh mengatasi will Parlimen dengan mengenakan kemahuannya untuk menghitamkan laporan perbahasan Parlimen dalam akhbar tanpa kebenaran Parlimen.

Akan tetapi soal lebih penting bagi sebuah masyarakat yang demokratik ialah sama ada sesiapa mempunyai hak untuk memaksa vision atau pandangannya dengan menekan (suppress) vision dan pandangan orang-orang lain seperti dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini yang memberi kuasa untuk censorship penerbitan-penerbitan yang tidak selaras dengan vision mereka yang berkuasa dalam Kerajaan.

Adalah satu komentari yang menyedihkan bahawa keadaan kebebasan akhbar Malaysia adalah sesuatu di mana rakyat Malaysia terpaksa mengharapakan serta bergantung kepada penerbitan-penerbitan dan majalah-majalah asing untuk mendapatkan maklumat dan berita mengenai Malaysia. Maka akhbar yang pertama yang menyiarkan berita mengenai skandal BMF ialah akhbar The Asian Wall Street Journal yang telah memuatkan beberapa rencana yang mendedahkan urusan-urusan BMF yang penuh dengan penyelewengan-penyelewengan atau impropriety dan berita-berita ini telah disiarkan bermula pada penghujung

tahun 1982 tetapi ia tidak diendahkan oleh akhbar tempatan.

Pertama kali rakyat Malaysia mengetahui bahawa terdapat satu krisis Perlembagaan yang melibatkan Raja-raja dan Perdana Menteri berhubung dengan pindaan-pindaan kepada Perlembagaan adalah juga dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah asing.

Pada masa dahulu, rencana-rencana mengenai dunia atau bidang kewangan dan commercial Malaysia termasuk beberapa transeksi yang menimbulkan syak wasangka yang melibatkan orang-orang perseorangan yang mempunyai pertalian politik di tempat-tempat atasan juga dilaporkan dalam akhbar-akhbar dan majalah asing.

Rencana-rencana ini mungkin akan memalukan (embarassed) pemimpin-pemimpin politik dan corporate Malaysia tetapi ini tidaklah menjadi justifikasi bagi Kerajaan untuk menuntut kuasa-kuasa censorship yang meluas menerusi Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan. Sebelum penyokong-penyokong Kerajaan Barisan Nasional memulakan satu kutukan yang membuang masa mengenai tidak ada censorship dalam Malaysia, biarlah saya menerangkan bahawa sekatan-sekatan yang dikenakan kepada penerbitan-penerbitan sama ada sebelum publication atau selepas publication atau selepas distribution, semua serupa dan diakui di dunia sebagai jenis censorship.

Sekiranya, akhbar-akhbar atau majalah-majalah asing telah melakukan apa-apa kesalahan jenayah atau sivil, maka mereka hendaklah dihadapkan ke Mahkamah dan bukan sebaliknya Kerajaan menggunakan kuasa-kuasa censorship yang luas atau "all-encompassing" ini.

Memandangkan Rang Undang-undang ini menyentuh dengan seriusnya hak-hak asasi manusia terhadap kebebasan melahirkan pendapat, akhbar dan maklumat, maka Parti DAP bercadang supaya Rang Undang-undang ini dirujuk kepada sebuah Select Committee untuk pengkajian dalam serta mendengar perwakilan-perwakilan atau representations dari golongan-golongan yang berminat seperti pihak akhbar, para wartawan dan orang ramai. Juga adalah menjadi satu lagi komentari sedih mengenai keadaan kebebasan akhbar di Malaysia bahawa akhbar tempatan nampaknya telah menjauhkan diri daripada Rang Undang-undang ini dalam ruangan Lidah Pengarang dan komen mereka padahal merekalah yang seharusnya bertindak terhadap Rang Undang-undang ini.

Jawatankuasa Pilihan hendaklah menimbang sama ada struktur-struktur mengenai kongkongan atau kontrol dan censorship surat-surat akhbar seperti perlesenan tahunan akhbar-akhbar yang bertindak sebagai Sword of Damocles atas surat-surat khabar harus dihapuskan kerana ia adalah belunggu penjajah untuk mengawal orang-orang yang ditakluki di sebuah negara yang merdeka di mana rakyatnya adalah bebas dan hidup dalam sebuah masyarakat demokratik harus membezakan daripada sebuah masyarakat subject di bawah taklukan penjajah kecuali dengan Merdeka dalam tahun 1957, rakyat hanya menukarkan satu subjection, satu jenis taklukan dengan taklukan lain.

Menjelang ulang tahun ke-30 Merdeka, kita harus mengambil satu langkah ke hadapan. Sebuah "Suruhanjaya di-Raja Mengenai Kebebasan Melahirkan Pendapat, Akhbar dan Maklumat" harus ditubuhkan untuk mengkaji dan memperakukan bagaimana kebebasan-kebebasan ini boleh dijadikan lebih

bermakna bagi semua rakyat Malaysia supaya dapat menguatkan institusi-institusi demokrasi di negara ini. Ini adalah kerana terdapat banyak bidang berhubung dengan kebebasan melahirkan pendapat, akhbar dan maklumat yang memerlukan penyiasatan yang mendalam.

Monopoli akhbar-akhbar tempatan tertentu khasnya pemilikan dan kongkongan harian-harian kebangsaan oleh parti politik dalam Kerajaan, penafian access untuk pendapat-pendapat dan idea-idea dalam akhbar-akhbar tempatan semua ini memerlukan pengkajian khusus jika sekiranya kita benar-benar inginkan institusi-institusi demokratik dan hak-hak manusia rakyat Malaysia.

Saya telah mengatakan tadi bahawa Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan tahun 1984 adalah tidak berperlembagaan. Ini adalah kerana ia melanggar Perkara 10 Perlembagaan yang berbunyi:

(Dengan izin).

“10. Subject to Clause 12....—

- (a) every citizen has the right to freedom of speech and expression;
- (2) Parliament may by law impose—
 - (a) on the rights conferred by paragraph (a) of Clause (1), such restrictions as it deems necessary or expedient in the interest of the security of the Federation or any part thereof, friendly relations with other countries, public order or morality and restrictions designed to protect the privileges of Parliament or of any Legislative Assembly or to provide against contempt of

court, defamation, or incitement to any offence.”

Fasal 7 (1) Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 memberi kuasa kepada Menteri bahawa jika Menteri berpuas hati bahawa apa-apa hasil penerbitan yang mengikut apa jua cara adalah memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, perhubungan dengan mana-mana negara atau Kerajaan asing atau berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara, beliau boleh menurut budi bicaranya yang mutlak melarangkannya dengan atau tanpa syarat.

Parlimen haruslah bercermat dalam meluluskan apa-apa undang-undang yang melanggar baikpun semangat atau kata-kata, the letter or spirit, kebebasan-kebebasan asasi yang terkandung dalam Perlembagaan khasnya yang dilakukan dengan tidak sengaja atau kelalaian atau sikap indah tidak indah.

Saya telah mengatakan sebentar tadi bahawa prinsip kebebasan melahirkan pendapat hendaklah merangkumi konsep kebebasan akhbar dan maklumat sekiranya ia tidak dijadikan satu angkapan yang tidak makna langsung. Namun, tanpa memperluaskan prinsip kebebasan untuk melahirkan pendapat kepada konsep kebebasan akhbar dan maklumat yang berkaitan, pengharaman penerbitan-penerbitan jelaslah merupakan satu sekatan terhadap kebebasan melahirkan pendapat.

Perkara 10 membuat peruntukan bahawa dalam enam keadaan, sekatan-sekatan ke atas kebebasan melahirkan pendapat boleh dikenakan umpamanya

demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana sebahagiannya, perhubungan mesra dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau moralnya dan sebagainya tetapi ia tidak termasuk kepentingan awam atau kepentingan nasional (public interest atau national interest) seperti diperuntukkan dalam Seksyen 7 (1) Rang Undang-undang ini.

Tanpa membuat sebarang pindaan yang serupa kepada Perkara 10 (2) (a), Kerajaan telah meminta Parlimen melakukan satu perbuatan yang tidak berperlembagaan dengan meluaskan skop Parlimen untuk menyekat hak asasi terhadap kebebasan berucap dan melahirkan pendapat.

Ungkapan-ungkapan seperti kepentingan awam atau kepentingan negara boleh disalahgunakan dengan teruknya kerana ia bergantung semata-mata kepada hawa nafsu atau subjective whims and fancies Menteri berkenaan.

Jadi, apakah penerbitan cerita-cerita mengenai skandal BMF atau Krisis Perlembagaan tahun lalu dianggap sebagai memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara dan menjustifykan boleh menjadi satu asas untuk mengeluarkan satu perintah melarang oleh Menteri terhadap penerbitan tersebut.

Baru-baru ini kedengaran Menteri-menteri bahawa Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan tidak boleh dipersoalkan dan mereka yang menyoalkan kedua-dua dasar tersebut seolah-olah dilabelkan sebagai anasir-anasir anti-nasional.

Apakah penerbitan rencana-rencana atau cerita-cerita, laporan-laporan yang menyoalkan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan

dianggap memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam dan kepentingan negara dan menjustifykan pengeluaran perintah melarang oleh Menteri.

Baru-baru ini, beberapa orang Menteri dengan pantas mengecam pengkritik-pengkritik yang tidak bersetuju dengan Kerajaan sebagai orang-orang yang melakukan jenayah yang paling menjijik. Misalnya—Bapa Malaysia, Tunku Abdul Rahman dan Tan Sri Dr Tan Chee Khoo telah dituduh melakukan “journalistic subversion” oleh Menteri Penerangan. Pasti jenis “jenayah kewartawanan” (journalist crime) ini akankah memudaratkan public interest atau national interest dan boleh menjadi satu asas untuk Menteri mengeluarkan satu probitory order.

Cara yang paling baik untuk membetulkan laporan-laporan yang palsu, yang memesongkan, baik untuk akhbar-akhbar tempatan atau asing, ialah dengan membalaskannya dengan fakta-fakta dan hujah-hujah yang sepenuhnya untuk dihakimi oleh rakyat. Penekanan pandangan-pandangan, fakta-fakta dan idea-idea yang berlawanan hanya akan menghasilkan akhbar bawah tanah yang selanjutnya akan membawa ke arah memperkuatkan kuasa-kuasa penekanan (suppression) dan witch-hunts berkala yang akan menjejaskan tak terhingga experiment demokrasi di Malaysia.

Fasal 7 (1) adalah satu contoh di mana dengan penyatuan Akta Mesin Cetak 1948 dan Akta Kawalan Penerbitan-penerbitan Yang Diimport 1958, Kerajaan telah mengambil peluang ini untuk melengkapkan diri dengan kuasa-kuasa repression yang lebih ke atas pengaliran bebas maklumat, idea-idea dan pendapat-pendapat.

Satu lagi fasal ialah Fasal 7 (2) yang memberi kuasa kepada Menteri untuk memerlukan penerbitan-penerbitan satu-satu yang diimport yang telah menyalahi Fasal 7 (1) untuk membuat apa-apa deposit sebanyak amaun dan mengikut apa-apa cara sebagaimana ditetapkan. Deposit ini boleh dilucutkan oleh Menteri sekiranya penerbitan berkenaan melanggar Akta ini atau mana-mana kaedah atau perintah atau syarat lesen atau permit atau mana-mana undang-undang berhubung dengan hasutan atau fitnah.

Seksyen ini nampaknya membuat peruntukan untuk mengenakan dua penalti atau double penalty ke atas penerbit-penerbit iaitu selepas disaman dan diselesaikan bayaran ganti rugi kerana fitnah Menteri masih boleh menggunakan kes saman fitnah itu untuk melucutkan deposit tersebut. Apakah justification seksyen ini?

Peruntukan mengenai deposit merupakan senjata yang paling merbahaya dalam tangan sebuah Kerajaan untuk sanitise laporan-laporan atau bersihkan laporan-laporan asing mengenai Malaysia mengikut kemahuannya. Ini adalah kerana deposit yang dikenakan itu boleh berada dalam lingkungan antara beberapa ribu ringgit hingga sejuta ringgit. Dalam sebuah dunia yang sering mengecut atau shrinking world mengasingkan rakyat Malaysia daripada inter-change idea-idea dan pandangan-pandangan antarabangsa adalah paling short-sighted dan tidak produktif dan saya dengan seriusnya menyeru Kerajaan menarik balik peruntukan mengenai deposit ini.

Peruntukan ini yang memerlukan "deposit" tidaklah terhad kepada penerbitan-penerbitan yang diimport sahaja. Menurut Fasal 10, keperluan untuk mewajibkan deposit boleh diperluaskan untuk meliputi sesiapa sahaja sebelum sesuatu lesen atau

permit boleh diberikan di bawah Akta ini yang boleh dilucutkan sekiranya apa-apa kesalahan dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah atau perintah yang dibuat di bawahnya ataupun mana-mana syarat lesen.

Ini bermakna penerbit-penerbit surat-suratkhabar tempatan dan tuannya-tuanpunya mesin cetak boleh dikehendaki membuat deposit dan ini pasti akan membebaskan penguasaha-pengusaha kecil dan juga khasnya penerbitan-penerbitan pembangkang ataupun dissent publications. Peruntukan ini akan menjadi satu lagi alat bagi Kerajaan untuk menghakiskan kebebasan melahirkan pendapat akhbar dan maklumat.

Jadual I Akta ini mentafsirkan sesebuah mesin cetak yang hendak dilesenkan, dan yang mana satu deposit boleh dikehendaki, sebagai mana-mana proses percetakan yang boleh mencetak dengan kadar 1,000 teraan sejam atau lebih atau boleh buat 1,000 impression an hour. Saya difahamkan mana-mana mesin membuat salinan (copy machine) atau saiklostail mesin yang reputable boleh mencetak dengan kadar 1,000 impression satu jam. Adakah ini bermakna bahawa setiap saiklostail mesin, setiap copy mesin hendak dilesenkan di bawah Fasal 3 Akta ini? Saya berharap Yang Berhormat Menteri berkenaan akan memberi penjelasan dalam jawapannya nanti, saya harap dia tahu, saya tidak tahu sebab itu saya mahu tanya dan kerana ini sangat sedih, oleh kerana ini nampaknya boleh menjadi satu lagi pencerobohan serius oleh pihak Kerajaan untuk memperluaskan kongkongan ke atas rakyat.

Kerajaan juga telah mengambil kesempatan penyatuan ini untuk memperluaskan kuasa-kuasa kongkongan ke atas percetakan dan penerbitan dengan memperuntukkan di bawah Fasal 3 (3) dan 12 (1) bahawa

kedua-dua lesen dan permit percetakan dan akhbar boleh dikeluarkan untuk tempoh yang pendek daripada setahun penuh seperti terdapat dalam Akta yang ada sekarang.

Sudah menjadi pengetahuan umum bahawa dalam tempoh dua bulan akhir setiap tahun, bila KDN-KDN akhbar menunggu pembaharuan, akhbar-akhbar khususnya menjadi pak turut dan timid kerana takut menghadapi kesukaran untuk mendapat pembaharuan. Sekarang dengan bolehnya KDN-KDN dikeluarkan untuk tempoh yang pendek selama sebulan, tiga bulan atau enam bulan, kongkongan Kerajaan ke atas akhbar-akhbar dan majalah-majalah akan bertambah kuat.

Keperluan pembaharuan lesen bagi akhbar-akhbar dan KDN-KDN bagi majalah-majalah hendaklah dimansuhkan sama sekali dan digantikan dengan sebuah sistem di mana sesuatu KDN itu sah selagi ianya belum lagi ditarik balik atau digantung.

Satu lagi ciri Rang Undang-undang ini yang harus dibantah ialah penambahan hukuman bagi kesalahan-kesalahan berbanding dengan apa yang terdapat dalam undang-undang sekarang secara amnya denda sebanyak \$2,000 dan hukum penjara satu atau dua tahun dinaikkan kepada denda sebanyak \$20,000 atau hukuman penjara selama tiga tahun.

Satu ciri Rang Undang-undang ini yang menarik perhatian ialah pemansuhan peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam Akta mesin Cetak 1948 di mana rayuan boleh dibuat terhadap keputusan Menteri untuk tidak memberi atau menarik balik lesen mencetak di bawah Seksyen 3 (3) atau penganan syarat-syarat dalam permit surat-suratkhbar ialah Seksyen 7 (6) atau pemberian, keengganan atau

pembatalan permit bagi penjualan atau pengedaran penerbitan-penerbitan Semenanjung Malaysia dan Singapura ialah di bawah Seksyen 7A (7) kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dalam tahun 1970an terdapat kecenderungan untuk membuat peruntukan bagi rayuan terakhir dibuat kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ataupun keputusan terakhir hendaklah diambil oleh Yang di-Pertuan Agong tentang undang-undang Kerajaan. Akan tetapi, nampaknya kita telah memasuki satu fasa baru dalam tahun 1980an di mana Kerajaan mahu menghapuskan peruntukan-peruntukan seumpama itu dalam semua undang-undang yang sedia ada.

Namun demikian, implikasi-implikasi yang lebih besar, yang lebih mustahak Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 harus menerima pemerhatian berat Ahli-ahli Parlimen dan rakyat Malaysia yang mahu melihat perkembangan beransur-ansur sebuah negara Malaysia yang lebih demokratik dan bukan sebaliknya mundur menjadi satu zaman yang authoritarian dan represif seperti dibayangkan oleh Rang Undang-undang.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

8.07 mlm.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, sekali lagi Kerajaan nampaknya hendak menyekat hak dan kebebasan ucapan sebagai hak kosong. Hak ucapan dalam mana-mana sesuatu negeri menjadi hak asasi proses demokrasi.

Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan menjamin hak ucapan dan kebebasan ucapan yang hak mana mesti

mengandungi hak dan kebebasan akhbar. Seperti tidak ada hak mutlak (absolute), sama juga hak kebebasan untuk mengelakkan huru-hara.....

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, boleh saya minta Yang Berhormat duduk sebentar? Saya perhatikan Ahli-ahli yang telahpun bangun untuk peluang berucap ialah ahli yang daripada satu parti. Saya meminta dan memohon agar dalam hujah-hujah ahli supaya jangan berulang-ulang membangkitkan hujah-hujah yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli yang telahpun bercakap sebelumnya. Ini adalah permintaan saya demi kelincinan perjalanan Dewan kita yang mulia ini.

Sayogia saya memaklumkan jika saya dapati bahawa terlalu banyak hujah-hujah dibangkitkan berulang-ulang kali bermakna saya terpaksa menggunakan peruntukan Peraturan Mesyuarat 44 (1). Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya sentuh Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan, oleh kerana ini jadi satu perkara mustahak dalam Perlembagaan kita.

Tuan Speaker, Fasal 6 Bil yang dicadang di hadapan kita sekarang membenarkan Menteri Dalam Negeri kuasa budi bicara beliau untuk melarang import dan pengedaran bahan-bahan percetakan sebagai langkah muktamad.

Tuan Speaker, janganlah kita lupa Kerajaan terpaksa undur baru-baru ini selepas meluluskan Bil Pindaan bukanlah orang yang tidak pernah salah. Memberi kuasa muktamad kepada seseorang atau sebadan tanpa dikenakan penyeliaan kehakiman atau lain akan membawa keadaan buruk, rosotan hak dan kebebasan akhbar seperti difaham di dalam Perlembagaan.

Tuan Speaker, janganlah kita lupa Kerajaan terpaksa undur baru-baru ini selepas meluluskan Bil Pindaan Perlembagaan pada bulan Ogos, tahun lepas. Salah satu daripada peruntukan Bil itu memberi kuasa kepada Perdana Menteri supaya beliau sebagai pengganti Yang di-Pertuan Agong menentukan sama ada adakah keadaan darurat atau tidak. Langkah ini dicari untuk memberi kuasa muktamad bagi Perdana Menteri. Sila mengambil perhatian dalam hal serius seperti ini. Satu ketetapan diambil untuk menguasai Perdana Menteri sebagai individu menentukan sama ada satu keadaan darurat ditimbulkan dengan sendiri tanpa berunding dengan rakan-rakan beliau dalam Kabinet.

Tuan Speaker, Kerajaan membuat justifikasi dalam hal ini dengan memberi alasan tentulah Perdana Menteri akan berunding dengan rakan-rakan Kabinet atas perkara besar seperti itu, tetapi ini bukanlah perkara asal. Langkah-langkah praktik tidak boleh menentukan justifikasi pemberian kuasa Perlembagaan ke tangan sesiapa pun dalam cara cadangan dibuat.

Tuan Speaker, saya merayu supaya Kerajaan dengan serius menimbang hal memansuhkan Fasal 6 Bil ini, fasal yang memberi kuasa muktamad kepada Menteri Dalam Negeri.

Tuan Speaker, ada juga permintaan memberi kuasa kepada Menteri supaya Menteri berkenaan ada kuasa melucutkan lesen percetakan mana satu penerbit yang dianggap haram dari sudut ketenangan awam ataupun keselamatan negara.

Tuan Speaker, Fasal 13 Rang Undang-undang ini berbunyi, dengan izin:

“13. (1).....if the Minister is satisfied that any printing press in

respect of which the licence has been issued is used for printing of any publication which is prejudicial to public order or national security or that any newspaper in respect of which a permit has been issued contains anything which is prejudicial to public order or national security, he may revoke such licence or permit without giving the person who is issued with such licence or permit an opportunity to show cause why such licence or permit should not be revoked.”

Tuan Speaker, perkara kecil ini membekalkan kepuasan subjektif Menteri berkenaan dalam hal kelucutan lesen atau permit tanpa memberi sebab-sebab mengapa lesen atau permit dilucutkan kepada pemegang lesen itu, bercanggah dengan konsep asas “natural justice”. Terwujudnya Kerajaan sedia mengenalkan langkah-langkah teruk yang tidak diterima di seluruh dunia, khususnya di Malaysia, negara mana mempunyai kepercayaan dalam Kedaulatan Undang-undang (the Rule of Law). Ini ialah syarat tertentu sesiapa pun tidak boleh disalahkan tanpa memberi peluang balasan atas tuduhan orang yang didakwa. Tetapi di hadapan kita adalah syor-syor kita mengenyahkan keadilan hati dan akal panjang (equity conscience and common sense). Apakah keperluan ini? Apakah rasional dan justifikasi Kerajaan meminta kuasa luas dan tidak tersangkut seperti ini? Apakah sebab kita cuba luluskan undang-undang yang akan menjatuhkan nama baik kita di kalangan antarabangsa dan juga di dalam negara ini.

Tuan Speaker, kami telah dapat publisiti buruk apabila kita meluluskan The Essential Security Cases (Amendment Regulations) 1975. Kita ialah negara pertama terkenal dalam kalangan antarabangsa dan dapat nama keji apabila dalam tahun 1977 Peguam Negara menggunakan semua senjata

dalam tangannya dalam hal mendakwa, bukan seorang gergasi tetapi seorang murid sekolah lelaki berumur 14 tahun yang atas siapa dijatuhkan hukuman kematian dengan sebab memegang senjata kecil dan peluru. Tanpa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengampunkan budak itu, nama jahat kami di kalangan antarabangsa diharumkan lagi.

Tuan Speaker, Bil di hadapan kami sekarang tentunya menakutkan penerbit-penerbit, pengedar-pengedar dan pengimport-pengimport bahan-bahan percetakan dalam negeri ini. Bil ini tidak menyenangkan hati mereka atas keadaan hak dan kebebasan akhbar disekat dalam negeri ini, tetapi Bil ini hanya akan meletakkan mereka dalam tangan keras Menteri Dalam Negeri yang mempunyai kuasa terluas untuk menikam dan membunuh demokrasi dalam negara ini.

Tuan Speaker, tanpa hak dan kebebasan akhbar demokrasi hanya menjadi tempurung kosong. Ada dilaporkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menyatakan tujuan Bil ini ialah untuk melemahkan akhbar tempatan dan asing menerbitkan berita buruk mengenai negara Malaysia. Ada juga dilaporkan, Yang Berhormat Menteri berkenaan juga menyatakan orang-orang Malaysia mesti menolak penerbitan-penerbitan yang tidak selaras dengan angan-angan.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Hujah itu telahpun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Tadi ada sedikit tidak teruk apa yang dikatakan tadi. Syor-syor seperti ini mengejutkan kita. Terus terangnya Kerajaan tidak bersedia menerima ulasan-ulasan dan kritik-kritik. Nampaknya ialah trend Kerajaan akibatkan dalam tindakan cadangan

atas penuntut-penuntut militan kita di luar negeri.

Tuan Speaker, jika kita ada penuntut-penuntut militan di luar negeri kita menyasat sebab-sebab mereka menjadi militan. Kita mesti mengkaji sebab-sebab dalam bukan sahaja apa yang kita nampak di luar.

Tuan Speaker, Bil ini dicadangkan menguasai Menteri menentukan penerbit-penerbit tempatan dan penerbit-penerbit asing membayar wang pertaruhan, seperti ditetapkan oleh Menteri berkenaan, sebagai satu syarat mengimport dan mengedar penerbitan-penerbitan itu dalam negeri kita. Menteri berkenaan juga berkuasa merampas wang pertaruhan itu jika daripada pendapat beliau terdapatnya mana-mana satu pelanggaran undang-undang dicadangkan ataupun penerbit itu gagal menghadiri di mahkamah ataupun menerima satu hukuman yang dikenakan. Ini ialah meminta wang tebusan dari penerbit-penerbit dan mengugut mereka, dalam fikiran saya.

Kerajaan jangan lupa Kerajaan tidak ada kuasa melarang pendedaran penerbitan-penerbitan asing di luar negara ini. Apabila Kerajaan mengharamkan penerbitan itu negeri kita dibanding dengan burung unta yang mana kepada dalam pasir dan buat tak tahu apa yang berlaku di dalam sekitar.

Saya harap hal ini bukanlah satu langkah tindak balas atas akhbar dibuat oleh mereka dalam krisis Perlembagaan baru-baru ini dan perlantikan Sultan Johor sebagai bakal Yang di-Pertuan Agong. Terdapatnya bukti Kerajaan tidak puas hati dengan satu penerbitan asing dengan melambatkan pendedaran penerbitan-penerbitan tersebut.

Tuan Speaker, Kerajaan mesti sedar bagi setiap tindak gerak, ada terdapat tindak balas. Tindak balas akan

membuat pembalasan, penyekatan, pengutipan berita tempatan oleh akhbar asing bukanlah satu langkah yang bijak.

Tuan Speaker, kelulusan Bil ini bukan sahaja membunuh demokrasi dalam negara ini tetapi juga menolak pelabur-pelabur asing dari menanam modal dalam negeri ini. Kerajaan jangan takut teguran-teguran. Negeri India ialah contoh satu negeri yang membenarkan dengan penuh hak dan kebebasan akhbar walaupun terdapatnya banyak penerbitan menegur Kerajaan Negeri itu tetapi hidup hingga sekarang sebagai satu negara berdemokrasi benar.

Tuan Speaker, Kerajaan mesti menggalakkan perbincangan cara terbuka dalam negara ini. Bil ini hanya membawa satu cuaca ketakutan dan bermuafakat, keadaan mana yang tidak baik untuk negara ini bertumbuh sebagai negara bercorak demokrasi yang besar dan benar.

Tuan Speaker, ketika Kerajaan telahpun bersenjata dengan kuasa yang luas dan matlamat Kerajaan juga dengan adanya perkara 4 bil ini mendapat kuasa berkecuali dari tindakan mahkamah jika seorang penerbit itu menghadapi kerugian dengan sebab tindakan Kerajaan. Ini hanya akan memberanikan pegawai-pegawai Kerajaan dan siapa yang akan menggunakan peluang mereka untuk salahgunakan kuasa diberi kepada mereka untuk merampas dan mengharamkan penerbitan-penerbitan yang telah diimportkan dan juga merampas dan menahan mesin percetakan.

Tuan Speaker, dukacitanya pentadbiran 2M walaupun mereka mula dengan baik apabila mengambil kuasa dari tangan Tun Hussein Onn dengan mengenakan bil-bil seperti ini di hadapan kita telahpun melebihi

langkah-langkah diambil oleh mereka yang terdahulu.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

8.22 m/m.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Yang di-Pertua, adalah amat anih sekali bagi sebuah Kerajaan yang melaung-laungkan sikap liberal dan terbukanya akan meluluskan suatu Rang Undang-undang yang bukan sahaja akan menghadkan kebebasan akhbar serta menerbit tetapi adalah lebih menindas dari Ordinan Mesin Cetak yang telah diluluskan sebulan selepas darurat 1948. Sikap authoritarianisma Kerajaan 2M semakin hari semakin nyata.

Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1948 mengandungi beberapa fasal yang terlalu keras, iaitu seperti berikut:

Fasal 6 dan 7 memberi kuasa pertimbangan mutlak kepada Menteri Dalam Negeri. Kuasa yang diberikan kepada Menteri Dalam Negeri adalah amat meluas. Beliau boleh memberi kepada mana-mana pihak suatu permit untuk mencetak dan menerbitkan serta mengimport, menjual dan mengedar akhbar di Malaysia dan juga boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menggantung sesuatu permit selama sesuatu tempoh yang difikirkannya mustahak tanpa memberi peluang kepada pihak tersebut untuk menunjukkan sebab mengapa lesen atau permit tersebut tidak patut dibatalkan. Peranan diktator Menteri Dalam Negeri ini adalah bercanggah dengan asas pengadilan iaitu kebenaran kepada orang perseorangan untuk mempertahankan namanya. Kuasa eksekutif nampaknya semakin hari semakin bertambah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menyatakan dengan jelas bahawa Rang Undang-undang akan membolehkan rakyat mengetahui apa yang boleh dan tidak boleh dibaca.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, ini sudah kali ketiga saya dengar hujah itu dan setakat ini apa hujah-hujah Yang Berhormat kemukakan adalah hujah-hujah yang telahpun dikemukakan tadi. Jadi, kalau boleh Yang Berhormat tolong tapis-tapislah ucapan Yang Berhormat supaya kemukakan hujah-hujah baru. Yang Berhormat boleh teruskan.

Tuan Fung Ket Wing: Fasal 10 dan 7 (2) yang berkehendakkan sesuatu penerbitan atau akhbar untuk membayar wang cengkeram sebelum sesuatu lesen atau permit boleh diberikan. Kuasa mewajibkan wang cengkeram ini juga terletak dalam tangan Menteri Dalam Negeri. Pengimportan penerbitan-penerbitan dari luar negeri juga tertakluk di bawah peruntukan ini. Inilah yang membuat Rang Undang-undang ini lebih menindas Control of Imported Publications Act 1958 (revised in 1972). Lagi pun wang cengkeram ini tidak akan dibayar balik sekiranya tiada kesalahan dilakukan. Oleh itu wang cengkeram itu akhirnya akan digunakan untuk meringankan beban kewangan Kerajaan.

Akan tetapi pembayaran wang cengkeram ini adalah mutu diskriminasi ke atas penerbitan yang bertujuan sahaja mendedahkan kebenaran dan bukan untuk mendapatkan keuntungan sahaja.

Amaun bayaran wang cengkeram tersebut adalah ditetapkan oleh Menteri Dalam Negeri. Sekiranya Menteri berkenaan tidak menyukai sesuatu majalah, beliau boleh mengenakan amaran yang besar, misalnya \$4 juta.

Fasal 9, 16, 17 dan 18 yang membolehkan "mana-mana pegawai berkuasa untuk membuka dan memeriksa mana-mana bungkusan atau artikel yang disyaki mengandungi hasil penerbitan tegahan....." dan menahan mana-mana mesin cetak dan lain-lain yang boleh menjadi bukti ke atas apa-apa juga kesalahan di bawah Akta serta mengeledah pihak-pihak yang disyaki dengan atau tanpa waran geledah.

Pegawai-pegawai berkuasa nampaknya akan mempunyai kuasa yang sekuat dengan apa yang ada pada Menteri Dalam Negeri. Mereka dibolehkan menahan orang-orang yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta ini serta memasuki dan mengeledah mana-mana tempat dengan atau tanpa waran geledah untuk menahan atau merampas penerbitan-penerbitan yang dianggap "memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, perhubungan dengan mana-mana negara atau Kerajaan asing atau yang berlawanan atau mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara." Peruntukan ini terbuka kepada penyelewengan dan penyalahgunaan. Pegawai-pegawai berkuasa mungkin take laws into their own hands.

Ini amat berbeza dengan Control of Imported Publications Act 1958 (revised 1972) kerana ia membolehkan pegawai berkuasa kanan (iaitu tidak bawah dari pangkat Assistant Superintendent of Police of Customs Superintendent or senior Postal Officer) untuk menolak pengimportan penerbitan yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan nasional/awam tanpa kebenaran Chief Controller or mana-mana controllers penerbitan-penerbitan yang diimport.

Rang Undang-undang ini nampaknya akan menghapuskan sebarang perlindungan untuk mengawal kuasa yang ada pada pihak Eksekutif. Kuasa-kuasa yang sewenang-wenang ini boleh disalahgunakan dan orang-orang yang tidak berdosa akan menjadi mangsa.

Seperti trend dalam lain-lain aspek kehidupan di negara ini kini, pihak penghakiman diketepikan sekali lagi. Teras politik, asas negara berdemokrasi, akan dinafikan iaitu pengasingan Eksekutif, Legislative dan Penghakiman di mana setiap satu berperanan sebagai kawalan dan imbangkan sesama institusi-institusi ini.

Peruntukan ini menghalang proceeding Undang-undang oleh penerbitan-penerbitan yang dirampas dengan silap dan seterusnya hilang atau dirosakkan juga. Mengikut seorang Timbalan Menteri, sekiranya penerbitan-penerbitan ini hilang atau dirosakkan semasa tahanan atau rampasan maka ini adalah nasib kurang baik.

Sebelum ini, tuan punya penerbitan yang ditahan atau dirampas boleh merayu kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tetapi sekarang keputusan Menteri adalah muktamad. Keadilan nampaknya akan.....

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, setakat ini Yang Berhormat masih lagi berulang-ulang apa yang telah dikemukakan kepada Dewan oleh Ahli-ahli daripada parti Yang Berhormat juga.

Jadi sekali lagi saya meminta tapiskan supaya hujah-hujah yang telah pun dikemukakan, dikeluarkan daripada ucapan Yang Berhormat. Jika tidak saya terpaksa menggunakan peruntukan di bawah Peraturan Mesyuarat 44 (1). Yang Berhormat boleh teruskan.

Tuan Fung Ket Wing: Saya tidak akan hairan sekiranya penerbitan-penerbitan luar negeri lebih berwaspada bila hendak mengedarkan penerbitannya di negara ini. Mereka bukan sahaja dikehendaki membayar wang deposit yang tidak akan dibayar balik tetapi dihalang pula mengadakan proceeding Undang-undang ke atas Kerajaan jika penerbitan mereka ditahan dengan silap.

Ini ditokok tambah pula dengan kesukaran mendapatkan lesen atau permit menerbitkan akhbar, majalah, dan lain-lain di negara ini. Rakyat Malaysia mungkin akan menjadi katak di bawah tempurung pada masa hadapan. Amat menghairankan Kerajaan sekarang berusaha melancarkan kempen membaca.

Rang Undang-undang ini memperuntukkan denda yang lebih berat iaitu penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi \$20,000 atau kedua-duanya. Sebelum ini, Akta Mesin Cetak telah mengenakan denda tidak melebihi \$2,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali.

Hanya golongan penindas dan sekutunya akan merasa tersinggung atas penerbitan yang membela rakyat yang tertindas dan mendedahkan kebenaran serta keadaan yang sebenar. Pengharaman mana-mana penerbitan tidak akan mengubati penyakit-penyakit sosial.

Ini merupakan langkah kebelakangan selepas janji-janji Kerajaan 2M untuk bersikap lebih liberal dan terbuka.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, itu pun hujah yang telah pun dikeluarkan. Saya dengan hormatnya terpaksa memakai Peraturan Mesyuarat 44 (1) dan memohon supaya

Yang Berhormat memberhentikan ucapan. (*Tepuk*)

Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dan menggulung perbahasan di peringkat bacaan kali yang kedua.

8.40 m/m.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih serta penuh penghargaan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, Baling, Kota Melaka, Jelutong dan Sandakan, kerana telah sudi menyertai sama membahas Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dalam Dewan yang mulia pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa menuduh bahawa Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mewujudkan kawalan ketat dan keras terhadap anak-anak sehingga menjadi anak-anak yang kaku.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bukanlah bertujuan untuk mewujudkan kawalan ketat tetapi ianya merupakan suatu keperluan demi membimbing masyarakat supaya mendapat bahan-bahan bacaan yang sihat, membina dan subur.

Ahli Yang Berhormat itu juga membangkitkan soal Fasal 24 dan memperkatakan bahawa perkara ini timbul kerana kelemahan Dewan atau sikap rakus pihak Kerajaan. Sukalah dinyatakan di sini bahawa Fasal 24 hanya melindungi perbuatan-perbuatan yang dibuat dengan niat baik ataupun *bona fide* dan keadaan kerosakan berlaku bukanlah disebabkan oleh perbuatan yang disengajakan.

Ahli Yang Berhormat itu juga membangkitkan soal tindakan melampau Kerajaan. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak melampau tetapi Kerajaan ingin melahirkan sikap tanggung jawab dan accountability penerbit dan pelesen.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga menyentuh bahawa Menteri diberi kuasa penuh untuk membuat keputusan ke atas pemohon-pemohon. Sukacita saya menyatakan di sini bahawa mengikut Seksyen 3 (3) dan Seksyen 6 (1) dalam Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan, Menteri menggunakan budi bicaranya yang mutlak untuk menimbang setiap permohonan lesen yang dikemukakan oleh mana-mana pihak bagi menyimpan untuk digunakan atau menggunakan mesin cetak dan permit untuk mencetak dan menerbitkan akhbar serta mengimport, menjual dan mengelilingi atau mengedar mana-mana akhbar di dalam Malaysia pada satu tempoh masa yang tertentu.

Dalam perkara ini kita sebagai rakyat, pasti memahami bahawa penggunaan budi bicara oleh Menteri dalam Undang-undang ini akan dibuat sedemikian rupa demi menjaga keutuhan undang-undang yang diluluskan oleh Dewan ini.

Budi bicara ini, Tuan Yang di-Pertua, merupakan suatu amanah dan tanggungjawab yang akan dilaksanakan dengan cermat, adil dan saksama, semoga ianya benar-benar mencerminkan pelaksanaan dasar Bersih, Cekap dan Amanah di samping melambangkan pelaksanaan sistem demokrasi berparlimen di negara ini.

Pihak kami, Tuan Yang di-Pertua, tidak sekali-kali berhasrat atau jauh sama sekali untuk menggunakan kuasa ini dengan sewenang-wenangnya terhadap mana-mana pihak juga.

Sebagai Kerajaan yang mendapat kepercayaan penuh rakyat adalah menjadi kewajipan dan kejayaan mutlak mendukung dan melaksanakan amanah serta hasrat rakyat tanpa mengira apa-apa kepentingan juapun.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, berani menegaskan di sini bahawa setiap permohonan sama ada untuk mendapatkan permit lesen-lesen mesin cetak atau permit penerbitan akan dikaji dengan sepenuh penelitian atas asas dan faktor-faktor tertentu seperti kemahiran, keupayaan pemohon, kedudukan kewangan, struktur equiti syarikat, letak-duduk ataupun penempatan syarikat percetakan yang memohon dan latar belakang pemohon yang perlu bersih dari sebarang laporan keselamatan. Sekiranya sesuatu permohonan dipertimbangkan oleh kami, ini bermakna bahawa permohonan itu memang berhak dan sesuai untuk memperolehi lesen atau permit yang dipohonkan.

Sebaliknya, sekiranya si pemohon itu gagal, ini bermakna pemohon tidak mempunyai kelayakan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga membangkitkan soal, katanya mengapa sekarang keset hendak dikawal apabila ucapan hal yang berkaitan dengan Islam disebar. Jadi sukalah saya memberi penerangan kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan iaitu kita pasti memahami bahawa keselamatan negara dan ketenteraman awam adalah satu asset yang tidak ternilai harganya.

Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, dikemukakan bukan bertujuan untuk mengongkong kegiatan-kegiatan dakwah yang dilaksanakan oleh orang-orang yang mempunyai pengetahuan agama. Ianya, antara lain, berhasrat untuk menyekat mereka yang ingin meracuni fikiran rakyat dengan isu yang

boleh mencetuskan pertelingkahan, perkelahian dan percakaran sesama sendiri.

Sebenarnya, kita ingin mewujudkan dan menghayati perpaduan tulin di mana rakyat akan berusaha mengendalikan sebarang kegiatan mereka termasuk ibadah kepada Allah s.w.t. dengan sempurna tanpa apa-apa halangan ataupun rintangan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ingin melihat rakyat khususnya orang Melayu mempraktikkan soal perpaduan dengan erti kata yang sebenarnya, menyedari apa yang pernah saya sebut sebagai Hadis Nabi yang bermaksud: Orang-orang mukmin sama-sama mukmin adalah sebagai satu binaan yang mengikat di antara satu sama lain. Itu pengertian perpaduan dan itulah perpaduan yang kita hendak tonjolkan. Saya harap, Ahli Yang Berhormat yang berkenaan mengetahui dan menyedari ayat ini, mungkin beliau tak terbaca ataupun beliau terbaca dan tidak ingin mengamalkannya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak sekali-kali ingin melihat orang-orang yang tak bertanggungjawab dan semata-mata bertujuan politik mengabui mata rakyat jelata dengan menggunakan isu yang bermacam-macam, seumpama isu kafir mengkafir dan lain-lain lagi. Jadi inilah sesuatu yang kita tidak ingin lihat ataupun mendengar dalam mana-mana keset ataupun pita rakaman. Sebab jika kita juga membaca Sabda Nabi yang bermaksud: Sesiapa yang memperkatakan bahawa seseorang itu kafir dan dia tidak bukan kafir, maka itu akan terbalik kepada dirinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, apakah buruknya jika pengeluar-pengeluar dan penerbit-penerbit mencatat nama-nama mereka di pita-pita rakaman? Berasaskan Rang Undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, tindakan akan

diambil terhadap pengeluar-pengeluar atau penerbit-penerbit sekiranya bahan-bahan yang terkandung dalam pita-pita rakaman atau piring-piring rakaman mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah memberikan sokongan penuh dan beliau memperkatakan bahawa Rang Undang-undang ini memang tepat dan kena pada masanya dikemukakan. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada beliau dan saya berharap sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga dari pihak Pembangkang mengikuti jejak langkah, kata-kata dan kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membuat tuduhan melulu memperkatakan bahawa Undang-undang ini adalah undang-undang yang paling "Draconian" yang bercorak kolonial dan tidak demokratik dan tidak constitutional.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Ahli Yang Berhormat itu sudah lupa tentang peristiwa Mei 13? Kejadian itu telah berlaku kerana kebebasan yang keterlaluan yang diberikan kepada warganegara ini dengan cakap-cakapan dan dengan ucapan-ucapan yang tidak bertanggungjawab oleh beberapa orang ahli politik daripada pihak Pembangkang. Kita tidak boleh lupa bahawa situasi yang terdapat dalam negara kita ini adalah satu keadaan yang tidak boleh dibandingkan dengan negara-negara Barat.

Kebebasan bercakap di negara ini jika dibiarkan tanpa sekatan-sekatan yang perlu berpotensi membawa kepada keadaan yang buruk.

Jaminan kebebasan mengeluarkan buah fikiran di bawah Perlembagaan

bukanlah bererti kebebasan tanpa sekatan. Jika Yang Berhormat meneliti Perkara 10 Perlembagaan sekatan yang dikenakan oleh Rang Undang-undang ini adalah mengikut sekatan-sekatan yang telah ditentukan oleh Perlembagaan. Perkataan-perkataan yang dipakai dalam Fasal 7 (1) Rang Undang-undang ini adalah sama dengan ungkapan yang dipakai di dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat bahawa kita hampir lupa yang mana kita berada di Malaysia. Oleh kerana kita banyak mendengar hujah-hujah yang tidak berasaskan kenyataan dan realiti di negara ini yang mempunyai suasana yang unik. Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP banyak menyuarakan pendapat luar negeri untuk membandingkan dengan keadaan di negara kita yang mempunyai asas dan landasan yang amat berbeza. Kita perlu ingat bahawa kita hendaklah menjahit baju mengikut ukuran badan kita. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bukanlah bertujuan untuk menghadkan atau mengongkong mana-mana penerbit ataupun pelesen yang memahami sikap dan amalan liberalisma Kerajaan yang berjalan dengan begitu lancar pada hari ini. Apa yang perlu difahami oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah soal accountability, dengan izin, dan liability dengan izin, penerbit dan pelesen terhadap apa jua penerbitan mereka yang ingin disaji kepada masyarakat pembaca semoga penerbitan ini tidak berpotensi meracuni pemikiran rakyat lebih-lebih lagi golongan jenerasi muda di mana seperti kita maklumi sebilangan besar rakyat negara ini terdiri daripada bunga-bunga bangsa ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan menggunakan Rang Undang-undang ini untuk membimbing sebagaimana saya kata tadi dan membantu penerbit dan pelesen supaya

penerbitan mereka akan dapat membantu memupuk serta menghayati nilai-nilai akhlak mulia, perpaduan dan ketenteraman awam. Kita tidak ingin melihat sesiapa jua menanggung kerugian di negara ini. Kita ingin melihat masyarakat pembaca mendapat faedah sepenuhnya daripada hasil penerbitan pihak penerbit dan pelesen. Di samping itu kita juga ingin melihat dan menyaksikan pelesen-pelesen dan penerbit-penerbit memperoleh keuntungan dari hasil usaha penerbitan mereka bersesuaian dengan prinsip ekonomi bebas yang kita amalkan pada masa ini. Rakyat perlu menyedari bahawa matlamat Kerajaan adalah untuk mewujudkan suatu masyarakat yang harmonis, dinamis dan berpandangan jauh bertanggungjawab serta mempunyai ketaatsetiaan yang tidak berbelah bagi terhadap negara ini. Jadi usaha ini hanya dapat dicapai melalui penglibatan dan pengorbanan yang tulus dari setiap rakyat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang sama ada secara langsung atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan soal Rang Undang-undang ini katanya patut dibawa kepada Select Committee, dengan izin. Kerajaan berpendapat tidak perlu ianya dibawa kepada Select Committee kerana ianya tidak merupakan sesuatu yang luar daripada undang-undang dan amalan sekarang mengenai penerbitan dan mesin cetak sekarang.

Berhubung dengan penghapusan rayuan di atas penolakan, sebenarnya, walaupun tidak disebut mengenai rayuan di atas penolakan permohonan tetapi pemohon boleh mengemukakan permohonan baharu yang mengandungi maklumat dan faktor-faktor baharu untuk dipertimbangkan. Beliau juga membuat tuduhan berhubung dengan kenaikan hukuman. Sebenarnya jikalau Yang Berhormat itu pandang jauh

sedikit beliau akan menyedari bahawa nilai wang telahpun jatuh sejak tahun 1948; \$2,000.00 dahulu adalah sama nilainya dengan nilai ataupun kuasa membelinya dengan \$20,000.00 sekarang kalau tidak sama pun hampir-hampir sama.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka minta penjelasan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Saya tidak mempunyai masa, duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: Kebenaran, satu vision.....

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Saya minta Yang Berhormat itu duduk, biar saya selesaikan. Beliau bercakap berjam-jam tadi, biarlah saya pula mendapat peluang untuk memberi penerangan. Inilah soal yang kita hadapi berhubung dengan Pembangkang. Pembangkang ingin bercakap pada bila-bila masa dan cakupannya itu kadangkala tidak berasas.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga menyentuh tentang mengapa ada deposit. Tuan Yang di-Pertua, deposit adalah sebagai tanda tanggungjawab dan accountability, selaku timbal balik kepada sikap liberal Kerajaan. Bukan semua penerbit, pelesen atau penerbitan akan dikenakan deposit. Beliau juga menyoal bagaimana dengan mesin yang boleh mengeluarkan 1,000 cetakan sejam seperti mesin pendua. Tuan Yang di-Pertua, kalau untuk kegunaan bukan perniagaan maka lesen tidak diperlukan. Hanya mesin seperti yang ditafsirkan dalam Jadual I sahaja yang perlu dilesenkan,

mesin cyclostyle umpamanya tiada terjatuh di bawah tafsiran mesin-mesin itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mempersoalkan sifat mutlak, budibicara Menteri. Kerajaan yang bertanggungjawab mempunyai Menteri yang berkewibawaan. Kuasa yang diberikan oleh Rang Undang-undang ini ialah satu tanggungjawab dan amanah dari rakyat yang dikembalikan pula kepada rakyat. Kita tidak perlu takut kepada khayalan hasil dari bayang-bayang sendiri. Kita perlu berasaskan kepada kenyataan dan realiti.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong memberi tahu bahawa negara ini telah pun mendapat adverse publicity ketika Yang Berhormat itu membangkitkan sesuatu kes di bawah Essential (Security Cases) (Amendment) Regulations 1975, di mana seorang penuntut berumur 14 tahun telah didakwa oleh Jabatan Peguam Negara dan didapati bersalah serta dikenakan hukuman mati oleh Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang adalah berasaskan kesalahan itu sendiri. Setiap pendakwaan dihalusi dengan teliti dan Jabatan Peguam Negara tidak pernah terburu-buru dalam hal serius seperti ini. Umur seseorang pesalah juga dipertimbangkan walaupun asas pertimbangan yang lebih penting adalah kesalahan itu sendiri. Adalah tidak benar Jabatan Peguam Negara tidak meneliti dan menimbangkan segala aspek sesuatu kes sebelum tindakan pendakwaan diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan menyentuh perkara-perkara yang hampir serupa dengan apa yang dibangkitkan oleh rakan-rakan sejawatnya. Saya rasa saya tidak perlu mengulangi jawapan saya dan saya

berharap Ahli Yang Berhormat itu rujuk kepada *Hansard* satu masa nanti tentang perkara-perakra yang berkaitan dengan soalan-soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin dan tidak bercadang untuk menyentuh satu persatu perkara-perkara dan aspek-aspek yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekejap tadi dan saya mengambil kesempatan ini untuk menghulurkan ucapan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian sekejap tadi.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 27 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual I diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual II diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua meminta saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya hadir di Upacara Penyerahan Singa di Parade Ground jam 10.00 pagi esok. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua sangat-sangat mengharapkan kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.12 malam.